



کومقیلاسی خطبه جمعة

KOMPILASI KHUTBAH JUMAAT

2018

Kompilasi Khutbah Jumaat Tahun 2018

Keluaran Januari:

Perpaduan dan keharmonian kukuhkan keamanan	Muka - 1
Kelebihan membina masjid	Muka - 5
Menjaga kebersihan	Muka - 9
Mengingati mati	Muka - 13

Keluaran Februari:

Pintu taubat sentiasa terbuka	Muka - 18
Niat dan sikap yang ikhlas	Muka - 23
Rakyat bertakwa, negara aman makmur dan sejahtera	Muka - 27
Mensyukuri nikmat kemerdekaan	Muka - 32

Keluaran Mac:

Sifat tamak	Muka - 38
Dunia jambatan ke akhirat	Muka - 42
Pengisian masa di musim cuti persekolahan	Muka - 48
Jimatkan penggunaan air	Muka - 52
Mengawal dan menahan diri daripada marah	Muka - 55

Keluaran April:

Reda dengan qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala	Muka - 61
Sembahyang berjemaah meraih berkat	Muka - 65
Bulan Syaaban: Persediaan di ambang Ramadan	Muka - 69
Pentingnya ilmu pengetahuan	Muka - 72

Keluaran Mei:

Membentuk keluarga bahagia dan harmoni	Muka - 76
Persediaan menjelang Ramadan Al-Mubarak	Muka - 80
Manfaatkan bulan Ramadan dengan ibadah	Muka - 84
Adab menziarahi tanah perkuburan	Muka - 88

Keluaran Jun:

Kelebihan Al-Quran dan Lailatulqadar	Muka - 93
Menyambut kedatangan Syawal	Muka - 97
Adab berhari raya dan Puasa Enam	Muka - 101
Mensyukuri nikmat Aidilfitri dan alam sekitar	Muka - 106
Beristiqamah dalam mengerjakan amal ibadat	Muka - 110

Keluaran Julai:

Memelihara dan mengekalkan keamanan serta keharmonian negara	Muka - 115
Raja Pemedulian dan berjiwa rakyat	Muka - 119
Masyarakat bersatu memerangi dadah, negara menjadi indah	Muka - 124
Belia pemacu negara maju	Muka - 128

Keluaran Ogos:

Menggunakan teknologi maklumat dengan bijaksana	Muka - 132
Hikmah Ibadah Korban	Muka - 135
Utamakan keselamatan dan pencegahan kebakaran	Muka - 139
Zikrullah menjana negara sejahtera	Muka - 143
Jujur dan Amanah Dalam Berniaga	Muka - 148

Keluaran September:

Sabar dalam menghadapi ujian dan dugaan	Muka - 153
Lazimkan diri dengan istighfar	Muka - 157
Guru dedikasi pendidikan cemerlang	Muka - 162
Bertanggungjawab dan amanah dalam pekerjaan	Muka - 166

Keluaran Oktober:

Persaudaraan dan kasih sayang sesama insan	Muka - 172
Pentingnya menjaga kebersihan	Muka - 176
Hindari dari berburuk sangka	Muka - 180
Amalkan penjagaan keselamatan	Muka - 184

Keluaran November:

Hati yang lalai	Muka - 189
Bahaya-bahaya atau kejahatan-kejahatan lidah	Muka - 194
Selawat Menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam	Muka - 198
Jadikan jalan raya sebagai tempat yang selamat	Muka - 203
Husnul Khatimah	Muka - 208

Keluaran Disember:

Rasuah: Gejala masyarakat yang mesti dibanteras	Muka - 213
Menjaga kebersihan tuntutan agama	Muka - 218
Bersedekah itu amalan mulia dan terpuji	Muka - 221
Bersifat qanaah iaitu berasa cukup dengan apa yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala	Muka - 225

Khutbah Jumaat Bulan Januari 2018

Perpaduan dan keharmonian kukuhkan keamanan

Keluaran Pelita Brunei 6 Januari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita menganjurkan umatnya untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan hidup sesama umat manusia agar dapat membangun ukhuwah yang teguh, bersatu padu dan bekerjasama. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, Islam menganjurkan umatnya untuk melaksanakan amar ma'aruf nahi munkar, iaitu menyuruh kepada berbuat kebaikan dan mencegah dari berbuat kemungkaran.

Sesungguhnya melaksanakan amar ma'aruf nahi munkar adalah ciri-ciri orang yang beriman. Allah Subhanahu Wata'ala melaknat orang yang mengabaikan daripada melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mencegah kemungkaran sedangkan mereka berkuasa atau mampu untuk melakukannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 78-79 tafsirnya:

“Orang-orang yang kafir daripada Bani Israel telah dilaknat melalui lisan Nabi Daud dan Nabi Isa ibnu Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu melampaui batas. Mereka itu tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang mereka lakukan. Sesungguhnya sangat buruk apa yang mereka lakukan.”

Mencegah kemungkaran dengan hati hukumnya fardu ain bagi setiap kaum Muslimin dalam seluruh keadaan kerana tidak ada seorang pun yang mampu menghalang hati orang lain untuk membenci kemungkaran. Andainya seseorang yang melihat kemungkaran kemudian hatinya tidak juga terdetik untuk membenci kemungkaran tersebut dan lebih buruk lagi jika dia selesa dengan kemungkaran yang terjadi itu, maka tidaklah sempurna imannya. Dalam sebuah hadis daripada

Abu Sa'ad Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Barang siapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya dan jika tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya, dan yang demikian adalah selemah-lemah iman.” (Riwayat Imam Muslim).

Perlu diketahui, apabila kemungkaran telah dilakukan secara terang-terangan dalam sesebuah masyarakat dan tidak ada orang yang berusaha untuk mencegahnya, maka kemungkaran akan semakin menjadi-jadi dan bermaharajalela. Kemungkaran itu pula apabila sudah biasa dilihat dan didengar, maka perkara tersebut akan mula dianggap remeh dan ringan atau biasa-biasa sahaja. Masyarakat tidak akan melihat kemungkaran itu sebagai dosa. Dan inilah yang perlu kita sedari dan ubah kerana setiap kemungkaran akan mengundang kepada dosa, dan setiap dosa itu akan mengundang kepada kemurkaan Allah. Dalam keadaan tersebut adalah tidak mustahil Allah Subhanahu Wata'ala akan menurunkan azab berbentuk bala bencana, di mana bencana itu bukan hanya menimpa orang yang berbuat maksiat, tetapi juga kepada seluruh masyarakat yang tinggal di tempat itu walaupun mereka tidak melakukan perbuatan maksiat tersebut.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 25 tafsirnya:

“Dan peliharalah diri kamu daripada berlakunya fitnah yang membawa bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus tetapi akan menimpa kamu kesemuanya. Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksanya.”

Memang tidak dinafikan untuk melakukan amar ma'aruf nahi munkar itu bukanlah satu perkara yang mudah. Tetapi sebagai umat Islam yang beriman, kita disarankan agar tidak berdiam diri apabila kemungkaran dan jenayah berlaku. Sesuatu perlu dilakukan untuk mencegahnya daripada terus merebak dan mengganggu ketenteraman kita, keluarga, masyarakat dan negara.

Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah berlakunya jenayah di negara ini, salah satu agensi kerajaan yang diamanahkan adalah Pasukan Polis Diraja Brunei yang bertanggungjawab bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjamin dan terpelihara. Akan tetapi, ini tidak bermakna kita menyerahkan tugas berkenaan sepenuhnya kepada pasukan polis sahaja. Oleh itu, kerjasama dan kesepakatan yang padu antara polis dan agensi-agensi penguatkuasaan keselamatan, pihak-pihak yang berkepentingan dan kerjasama daripada masyarakat adalah sangat diharapkan.

Ketahuilah, kerjasama daripada masyarakat sebagai pemantau sukarela yang berperanan menjadi mata dan telinga pihak berkuasa bukan sahaja mewujudkan perpaduan erat, suasana aman dan harmoni malahan kerjasama dan perkongsian maklumat itu dapat membantu dalam mengesan dan menurunkan kadar jenayah serta mempercepatkan penyelesaian kes jenayah. Di Negara Brunei Darussalam jumlah kes jenayah polis telah menurun sejak tiga tahun kebelakangan ini. Sebanyak 5,846 kes telah dilaporkan pada tahun 2014 dan jumlah ini menurun ke 5,399 kes pada tahun 2015 dan 5,204 kes pada tahun 2016. Pada tahun 2016, jenayah harta benda merupakan penyumbang utama kepada jumlah jenayah keseluruhan di negara ini, iaitu sebanyak 2,900 kes telah dilaporkan dan dari jumlah ini, 2,303 kes adalah kejadian kes curi.

Oleh itu, kita berharap kadar jenayah akan dapat diatasi dengan berbagai-bagai usaha. Selain dengan usaha pencegahannya, kita juga hendaklah menanamkan keinsafan untuk kita saling menjamin keselamatan dan ketenteraman anggota masyarakat, demi keamanan dan keharmonian hidup berkampung halaman dan berjiran tetangga dengan mengamalkan amar ma'aruf nahi munkar serta memberikan kerjasama dan bantuan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei dalam sama-sama membanteras dan mencegah jenayah di negara ini.

Akhirnya, bersempena memperingati Sambutan Hari Polis Ke-97 Tahun pada tahun ini, sama-samalah kita berdoa semoga Pasukan Polis Diraja Brunei dapat menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dengan jujur, amanah, ikhlas dan dedikasi. Mudah-mudahan dengan demikian negara kita kekal menjadi negara yang aman sejahtera dan sentiasa mendapat perlindungan serta rahmat

yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 104 tafsirnya:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan). Dan menyuruh berbuat yang makruf, serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

Kelebihan membina masjid

Keluaran Pelita Brunei 13 Januari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya masjid ialah tempat yang mulia lagi suci. Peranan masjid dalam kehidupan kita umat Islam adalah sangat penting. Kerana itulah perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam setelah berhijrah ke Madinah adalah dengan membina masjid, iaitu Masjid Quba. Dari masjid inilah bermulanya penyebaran dan pengukuhan syiar Islam yang berperanan sebagai pusat peribadatan, pusat ilmu pengetahuan, pusat kegiatan umat dan lain-lain lagi aktiviti kemasyarakatan. Sesuai dengan peranannya sebagai tempat ibadat dan menyeru manusia kepada ketakwaan dan menjauhi kemaksiatan, masjid hendaklah dibangunkan atas dasar takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 108 tafsirnya:

“Janganlah engkau wahai Nabi Muhammad mendirikan sembahyang di dalam masjid itu selama-lamanya. Sesungguhnya Masjid Quba yang dibina atas dasar takwa sejak hari pertama dibina adalah lebih layak engkau mendirikan sembahyang di dalamnya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang ingin membersihkan diri mereka dan Allah mengasihi orang-orang yang suka membersihkan diri.”

Ketahuiilah, masjid juga adalah tempat yang paling dicintai dan disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: tempat yang paling disukai Allah di dalam

sesuatu negeri itu ialah masjid-masjidnya.” (Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya sebagai hamba Allah, kita mempunyai peluang yang amat besar dan pelbagai cara untuk mendapatkan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat lebih-lebih lagi untuk bekalan dan saham hidup di akhirat kelak seperti memperbanyakkan amalan sedekah, hadiah, hibah (pemberian), wakaf dan seumpamanya.

Wakaf ialah suatu yang diberikan untuk kepentingan dan kegunaan orang ramai dengan tujuan untuk mendapatkan kebaikan dan keredaan Allah Subhanahu Wata’ala. Amalan berwakaf merupakan ibadah yang berbentuk sedekah jariah yang dijanjikan ganjaran pahala oleh Allah Subhanahu Wata’ala selagi mana harta yang diwakafkan itu kekal dan dimanfaatkan oleh orang ramai, ganjaran pahalanya akan terus berkekalan walaupun pewakaf itu telah meninggal dunia.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya.” (Riwayat Imam Muslim).

Berwakaf khususnya dalam membina masjid adalah satu amalan yang mulia dan sangat digalakkan dalam Islam. Bagi mereka yang mempunyai kelebihan harta dan wang ringgit, menginfakkan dan membelanjakan harta pada jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata’ala seperti berwakaf merupakan perkara yang sangat dituntut dalam agama Islam. Beruntunglah orang-orang yang diberi petunjuk dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wata’ala untuk tolong-menolong dan bantu-membantu di dalam perkara yang baik dan berkebaikan.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Saba’, ayat 39 tafsirnya:

“Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya kepada

sesiapa yang dikehendaki-Nya dan apa sahaja yang kamu belanjakan untuk kebaikan maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki.”

Memang tidak dinafikan, perbelanjaan untuk membina masjid itu bukannya sedikit dan tidak semua yang berkemampuan. Akan tetapi, kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini berasa amat bersyukur kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan penubuhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda mengenai keutamaan dan kelebihan membina masjid, maksudnya:

“Daripada Jabir bin Abdullah, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sesiapa yang membina masjid kerana Allah sekalipun hanya seperti sarang burung atau lebah kecil, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga.” (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Alhamdulillah, pada ketika ini Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah dibukakan kepada orang ramai selama 45 hari, iaitu mulai 6 Disember 2017 yang lalu hingga 19 Januari 2018 dan dihasratkan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala melalui pembinaan masjid dan sebagai satu peluang keemasan untuk bertanam saham di akhirat. Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini bagi menginfakkan dan membelanjakan harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Hasil kutipan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam akan digunakan bagi membina masjid yang baharu, membaik pulih dan menambah bangunan masjid serta keperluannya.

Mudah-mudahan segala yang kita infakkan dan dermakan dengan tulus ikhlas

diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan dengan yang demikian kita mendapat keredaan, keberkatan, ganjaran pahala dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 261, tafsirnya:

“Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandung seratus biji dan Allah akan menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas Rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.”

Menjaga kebersihan

Keluaran Pelita Brunei 20 Januari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kebersihan adalah perkara yang sangat penting untuk kita amalkan untuk mewujudkan kehidupan yang sihat. Kebersihan bukan sahaja tertumpu pada tubuh badan, makanan, pakaian dan tempat tinggal malahan kawasan persekitaran kita juga perlulah bersih. Ketahuilah kurangnya kesedaran masyarakat akan pentingnya menjaga kebersihan boleh menyebabkan persekitaran negara menjadi kotor dan tidak sihat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama menjaga kebersihan dan persekitaran rumah, pejabat, sekolah, masjid, tempat-tempat rekreasi, tempat-tempat awam dan sebagainya.

Perlu diketahui, kebersihan adalah berkaitan rapat dengan kesihatan, sama ada kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal lebih-lebih lagi kebersihan hati dan jiwa. Sesungguhnya orang yang membersihkan dirinya adalah orang-orang yang berjaya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'la, ayat 14 tafsirnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang mensucikan dirinya daripada kufur dan maksiat.”

Dalam mewujudkan suasana dan keadaan yang bersih, semua pihak perlu sama-sama berganding bahu dan berperanan bagi memastikan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara dalam keadaan yang bersih dan sihat. Ketahuilah kurangnya kesedaran masyarakat akan peri pentingnya menjaga kebersihan seperti membuang sampah bukan pada tempat yang telah disediakan boleh menyebabkan persekitaran kita menjadi kotor. Longkang-longkang dan saluran air tersumbat, air sungai tercemar, kotor dan berbau busuk, pemandangan tempat awam dan kawasan

juga menjadi tidak elok dan sebagainya.

Malahan perkara ini boleh mendatangkan kesan yang lebih buruk lagi seperti banjir, tiada air bersih untuk kegunaan seharian, wabak dan penyakit berjangkit semakin menular yang dibawa oleh binatang-binatang kecil seperti tikus, lipas, lalat dan nyamuk. Perkara seperti ini jika tidak ditangani sedari awal, sudah setentunya akan membebankan diri kita, keluarga, masyarakat dan negara.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran rumah atau di luar rumah, pejabat atau tempat-tempat awam pada setiap masa dan tempat serta jadikanlah sikap pembersih itu sebagai budaya atau amalan hidup seharian di mana juga kita berada agar kebersihan dan kesihatan kita, keluarga, masyarakat dan negara sentiasa terjamin.

Sesungguhnya agama kita sangat mementingkan dalam menjaga kebersihan sama ada kebersihan jasmani mahupun rohani. Ini kerana kebersihan merupakan faktor utama sebelum melakukan sebarang pekerjaan khususnya dalam melakukan ibadat kepada Allah Subhanhu Wata'ala. Contohnya sebelum menunaikan sembahyang, kita hendaklah mandi dan membersihkan diri dari sebarang kekotoran yang ada pada tubuh badan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata: Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Bagaimana pendapat kamu kalau ada sebatang sungai di hadapan pintu rumah salah seorang dari kamu, dia mandi di dalamnya lima kali tiap-tiap hari? Adakah masih tinggal kotoran pada tubuhnya? Para sahabat menjawab: Sudah tentu tidak tinggal sesuatu pun daripada kotoran. Baginda menyambung: Maka begitulah juga perumpamaan sembahyang lima waktu. Allah menghapuskan dosa-dosa kecil dengan sebabnya.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Kerana itu, agama kita juga sangat mengambil berat tentang penjagaan kebersihan rohani lebih-lebih lagi kebersihan hati, iaitu dengan menjauhkan diri daripada sifat-sifat mazmumah seperti sifat marah, hasad dengki, kedekut, terlampau banyak makan, terlampau banyak cakap, kasihkan kemegahan, kasihkan dunia, ujub,

takbur dan riak. Semua ini tidak akan dapat dihindarkan jika kita tidak berusaha untuk mensucikan hati nurani kerana dari hatilah punca segala penyakit zahir dan batin. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Nu'man bin Basyir berkata, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Ingatlah bahawa di dalam tubuh manusia itu ada segumpal darah, apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak maka rosaklah keseluruhan jasad dialah hati.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya hati nurani yang bersih mendorong kita untuk berakhlak mulia, berkeperibadian terpuji, sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sentiasa menjaga kebersihan diri, tempat tinggal, menjauhi makan dan minum dari sumber yang haram dan syubhah, menutup aurat dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fathir, ayat 18 tafsirnya:

“Dan sesiapa yang mensucikan dirinya daripada kufur dan maksiat maka sesungguhnya dia mensucikan diri untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan kepada Allah jualah tempat kembali.”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memberi jaminan bahawa orang yang berusaha mensucikan jiwanya daripada sebarang kekotoran hati adalah orang-orang yang berjaya mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan pasti mendapat ganjaran yang besar manakala bagi orang-orang yang mengotori jiwanya dengan sifat-sifat keji adalah orang-orang yang rugi kerana ia akan semakin jauh daripada mendapat rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, sama-samalah kita menjaga kebersihan dalam kehidupan kita seharian sama ada kebersihan di tempat awam, tempat-tempat persendirian, tubuh badan mahupun kebersihan jiwa dan rohani. Mudah-mudahan dengan mengamalkan kebersihan dalam kehidupan kita, Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang bersih dan bebas dari sebarang penyakit dan marabahaya. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menjadikan kita orang-orang yang sentiasa bertaubat, mensucikan diri dan menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa mengerjakan amal soleh. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Asy-Syams ayat 9-10, tafsirnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih dengan iman dan amal kebajikan. Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya dengan sebab kekotoran maksiat.”

Mengingati mati

Keluaran Pelita Brunei 27 Januari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya setiap yang bernyawa pasti akan mati, mati adalah terputusnya perhubungan antara roh dan jasad dan detik permulaan menuju ke alam akhirat. Mati adalah ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala yang pasti akan terjadi dan kita tidak dapat lari daripadanya tidak kira di mana pun kita berada. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 185 tafsirnya:

“Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan sesungguhnya pada hari kiamat sahalah akan disempurnakan balasan kamu. Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan.”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menentukan ajal seseorang sejak azali lagi. Apabila sampai ketikanya ia tidak akan dipercepatkan atau dilewatkan walau sesaat pun. Malaikat Izrail yang ditugaskan mencabut nyawa tidak kira di manapun tempatnya, keadaannya dan kedudukan seseorang itu. Apabila nyawa sampai di kerongkongan segala pintu taubat telah ditutup dan penyesalan pun tidak berguna lagi.

Ketika nyawa dicabut nafas kita tersekat-sekat, mulut terkunci dan anggota badan lemah longlai. Pada saat itu, tiada siapa yang boleh menolong kita. Apabila ajal sampai, tidak ada apa-apa lagi untuknya di dunia kecuali amalan baik atau buruk yang akan kembali kepada dirinya sebagai bekalan. Ketika menghadapi kematian, orang yang tidak beriman berasa gerun serta penuh penyesalan kerana

diperlihatkan amalan buruknya. Manakala orang-orang yang beriman ketika diperlihatkan amalan baiknya akan berasa gembira. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 71, tafsirnya:

“Ingatlah hari kiamat pada hari itu Kami memanggil tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama imam (Kitab Amal) mereka, maka sesiapa yang diberikan kitab amalnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membaca kitab mereka dengan gembira dan mereka tidak akan dianiaya sedikitpun.”

Sesungguhnya hukum mengingati mati adalah sunat mu'akadah dan hikmah mengingati mati adalah supaya kesempatan hidup di dunia ini dapat kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya. Sedarlah wahai kaum Muslimin, orang yang tidak ingat kepada mati sentiasa akan berada dalam kerugian. Bertaubatlah dan beribadatlah dengan segera, jangan ditanggguh-tanggguh kerana kita tidak tahu bila ajal akan tiba, mungkin hari ini, mungkin esok atau lusa, hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa. Oleh itu, beringatlah sebelum menghadapi kematian kerana memang sudah lumrah sifat manusia mudah lupa dan sering dilalaikan dengan kemewahan harta, pangkat, anak-anak dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 9 yang tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah harta kamu dan anak-anak kamu melalaikan kamu daripada mengingati Allah dan sesiapa yang melakukan demikian maka mereka itulah orang yang rugi.”

Dengan mengingati mati juga, ia dapat mencegah diri kita daripada melakukan maksiat dan perbuatan yang berdosa serta dapat menghindarkan daripada perasaan cinta terhadap kesenangan dunia. Jangan sangka dengan memiliki tubuh badan yang sihat dan kuat, umur masih muda maka ajal belum akan tiba. Ingatlah, berapa ramai orang yang telah meninggal dunia dengan cara kematian yang tidak disangka atau mengejutkan sama ada ngeri ataupun tidak seperti terbakar, lemas, kemalangan dan sebagainya.

Oleh itu, janganlah kita lalai dengan dunia, leka dengan kesenangan yang ada tanpa meningkatkan amal dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sentiasalah mengingati mati dengan mempersiapkan diri dengan amal ibadat untuk bekalan di akhirat kelak. Sesungguhnya mengingati mati memberi beberapa kesan kebaikan dalam kehidupan kita, antaranya:

- Mendorong kita untuk memperbanyakkan doa agar kita mati dalam keadaan Husnul Khatimah seperti doa-doa yang sering kita baca selepas sembahyang yang bermaksud: *“Ya Allah berilah kesudahan kepada kami dengan kesudahan yang baik dan janganlah Engkau berikan kesudahan kepada kami dengan kesudahan yang tidak baik.”*

- Mengingati mati merupakan persediaan untuk menghadapi kematian dengan memperbanyakkan amalan soleh bagi kehidupan yang bahagia di akhirat dan dijauhkan dari azab api neraka.

- Memberi keinsafan dan menghalang kita daripada terjerumus melakukan dosa dan maksiat serta menjadikan kita orang yang sentiasa bertakwa.

- Mengingati mati juga menggalakkan kita untuk sentiasa bertaubat. Dan orang yang sentiasa bertaubat dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya ajal pasti akan datang tanpa mengira waktu, keadaan dan usia. Oleh itu, berusaha untuk menjadi umat Islam yang beriman dan bertakwa dengan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan suruhan-Nya dengan sempurna. Sama-samalah kita berdoa semoga kesudahan kita dalam golongan Husnul Khatimah, iaitu mati dalam keadaan yang baik dan beriman, diberi kesempatan bertaubat sebelum kematian, mendapat rahmat ketika menghadapi kematian, mendapat keampunan selepas kematian, mendapat kebahagiaan pada hari perhitungan (Hari Akhirat) dan terlepas daripada seksaan azab api neraka. Semoga kita sentiasa mendapat keampunan, keredaan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Nisa', ayat 78, tafsirnya:

“Di mana sahaja kamu berada, maut akan mendapatkan kamu sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng tinggi yang kukuh. Dan jika mereka (orang-orang munafik) beroleh kebaikan mereka berkata: Ini adalah dari sisi Allah, dan jika mereka ditimpa bencana, mereka berkata: Ini dari sisi engkau wahai Nabi Muhammad. Katakanlah: “Semuanya itu datangnya dari sisi Allah”. Maka mengapa kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan (nasihat dan pengajaran).”

Khutbah Jumaat Bulan Februari 2018

Pintu taubat sentiasa terbuka

Keluaran Pelita Brunei 3 Februari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya hidup di dunia ini penuh dengan ujian, dugaan dan cabaran. Setiap insan sudah setentunya tidak terlepas daripada membuat kesilapan dan kesalahan sama ada dilakukan secara sengaja ataupun tidak. Dalam hal ini, seseorang hendaklah tidak terus-menerus terlanjur dan terlajak melakukan kesalahan. Mesti ada rasa insaf dan hendaklah segera bertaubat, menyesali, menginsafi dan berazam tidak akan mengulangi segala kesilapan dan kesalahan yang telah dilakukan.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, Maha Pengampun Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan sentiasa memberikan peluang kepada hamba-hambanya untuk memperbanyakkan amal ibadat dan memperbaiki diri sendiri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 39 tafsirnya:

“Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

Menyebut perkataan taubat memanglah sesuatu yang mudah dan senang akan tetapi adakah ia mencukupi dengan hanya menyebutnya tanpa melakukannya. Untuk itu seseorang hendaklah memahami maksud taubat yang sebenarnya, iaitu taubat adalah satu usaha pembersihan diri daripada segala bentuk dosa dan maksiat serta kembali taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan menyesali segala dosa-dosa yang telah dilakukan. Menurut Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala taubat itu terbahagi kepada tiga:

Pertama: Taubat kerana dosa zahir seperti berzina, mencuri, membunuh orang dan sebagainya.

Kedua: Taubat kerana dosa-dosa batin seperti dengki, takbur, riak, ujub dan sebagainya.

Ketiga: Taubat dari kelalaian mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Taubat inilah yang sering dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para salihin dan siddiqin yang sentiasa mengingati Allah.

Cuba kita bayangkan sedangkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang yang Maksum yakni yang terpelihara daripada sebarang dosa, lagi bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap hari sebanyak 100 kali, betapa pula kita hamba Allah yang selalu melakukan kesilapan dan kesalahan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Ibnu Umar ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Wahai manusia! Bertaubatlah kepada Allah kerana sesungguhnya aku bertaubat dalam sehari 100 kali.” (Riwayat Imam Muslim)

Ramai dalam kalangan kita yang mengaku mengenal Allah dan takut akan seksaan-Nya, akan tetapi masih ramai juga yang lalai dan alpa sehingga berani menderhaka kepada-Nya dengan melakukan maksiat dan dosa. Mereka berbuat dosa seperti tidak takut akan azab dan seksa Allah yang amat pedih dan dahsyat. Oleh itu, jika kita melakukan kesalahan atau kesilapan maka bersegeralah kita bertaubat. Ingatlah, ajal maut datang pada bila-bila masa sahaja dan sudah setentunya kita tidak mahu mati dalam keadaan Su'ul Khatimah, iaitu kesudahan yang tidak baik.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 18 tafsirnya:

“Dan tidak diterima taubat orang-orang yang selalu melakukan kejahatan sehingga apabila salah seorang daripada mereka hampir mati, dia berkata: Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini, sedang taubatnya itu sudah terlambat

dan tidak pula diterima taubat orang-orang yang mati sedang mereka dalam kekafiran. Bagi mereka Kami sediakan azab yang pedih.”

Ketahuilah, pintu taubat itu sentiasa terbuka bagi orang yang mahu bertaubat. Tidak kira sebesar mana dosa yang kita lakukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala suka kepada hamba-hamba-Nya yang bertaubat. Tersebut sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Said Al Khudri, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menceritakan kisah ini kepada para sahabat supaya dijadikan teladan dan iktibar. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, sebelum zaman kamu ada seorang lelaki yang telah membunuh 99 orang. Tiba-tiba timbul rasa bersalah di hatinya dan ingin bertaubat, lalu ia bertanya kepada seorang rahib dan memberitahu bahawa ia telah membunuh 99 orang dan bertanya apakah kemungkinan taubatnya masih diterima, rahib tersebut menjawab: “Tidak ada! Tidak ada taubat untukmu kerana perbuatan kamu itu terlalu kejam.” Orang itu pun membunuh rahib tersebut sehingga genaplah 100 orang yang telah dibunuhnya. Kerana hatinya betul-betul hendak bertaubat dengan bersungguh-sungguh, maka ia tetap meneruskan untuk mencari orang alim yang boleh menerima penyesalannya. Sambil berjalan ia memikirkan, siapakah dan di mana dari penduduk bumi ini yang pandai dan alim. Akhirnya bertemulah ia kepada orang alim lalu menceritakan bahawa dirinya telah membunuh 100 orang, apakah mungkin jika dia bertaubat, taubatnya akan diterima? Setelah mendengar keluh kesahnya dengan saksama, orang alim tersebut akhirnya memberikan jawapan yang dinanti-nantikan oleh lelaki itu. Orang alim tersebut menjawab: “Ya. Masih diterima. Siapakah yang boleh menghalangi antara seseorang dan taubatnya?” Seterusnya dia menyuruh lelaki itu pergi ke sebuah negeri yang terdapat sekumpulan abid (ahli ibadat) dan menyuruhnya tinggal di sana dan beribadat bersama mereka serta melarangnya pulang ke negeri asalnya yang penuh dengan kemaksiatan.

Lelaki itu mengucapkan terima kasih lalu pergi menuju ke negeri tersebut. Baru saja sampai setengah perjalanan, ia jatuh sakit lalu meninggal dunia. Ketika itu terjadilah perdebatan antara dua malaikat, iaitu Malaikat Rahmat dan Malaikat Azab. Malaikat Rahmat ingin membawa roh lelaki itu ke syurga dan berkata, ia datang dalam keadaan sudah bertaubat secara ikhlas kerana Allah. Sementara Malaikat Azab mengatakan dia mati dalam keadaan Su'ul Khatimah kerana ia

telah membunuh 100 orang dan masih belum bertaubat kebaikan sama sekali. Mereka saling berdebat dan tidak dapat memutuskan keadaan lelaki itu.

Allah Subhanahu Wata'ala kemudian menghantar malaikat lain menyerupai manusia untuk mengadili perdebatan mereka berdua. Malaikat itu berkata, kalau begitu, ukurlah akan kamu jarak dari sini ke negeri yang ditinggalkan dan ke negeri yang hendak dituju lelaki itu. Sekiranya jaraknya lebih dekat dengan tempat kebajikan, maka ia adalah milik Malaikat Rahmat. Sebaliknya apabila jaraknya lebih dekat dengan tempat asalnya, maka ia adalah milik Malaikat Azab. Setelah diukur, didapati jarak ke negeri kebajikan melebihi ukuran sejengkal sahaja. Lalu roh lelaki itu terus diambil oleh Malaikat Rahmat. Kisah ini memberikan pengajaran bahawa walau sebesar mana pun dosa yang telah dilakukan, besar lagi pengampunan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya.

Para ulama mengatakan bahawa bertaubat daripada setiap dosa itu hukumnya adalah wajib. Jika dosa yang terjadi berhubung dengan Allah, maka syarat bertaubatnya ada tiga perkara, iaitu menghentikan perbuatan dosanya, menyesal atas dosa yang dikerjakan dan bertekad untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut buat selama-lamanya. Walau bagaimanapun, jika dosa yang dilakukan bersangkut paut sesama manusia seperti memfitnah, menyakiti, menganiaya, menghina, merampas harta benda dan yang seumpama dengannya, maka syarat bertaubatnya ditambah lagi satu perkara, iaitu hendaklah ia memohon keampunan dan kemaafan daripada pihak yang dizalimi, mengembalikan hak yang telah diambil, menggantikan barang atau hartanya yang telah dirampas ataupun meminta dihalalkan daripada pemilikinya.

Agama kita mengajar cara untuk membersihkan jiwa agar tidak terjebak kembali melakukan perbuatan dosa setelah bertaubat. Antaranya adalah dengan menghindari tempat-tempat maksiat, melawan pujukan syaitan dan hawa nafsu, sentiasa menyesal terhadap dosa yang lalu, memperbanyakkan istighfar, melakukan amal soleh, berdoa dan sentiasa muhasabah diri. Sebagai insan yang tidak terlepas daripada melakukan dosa, marilah kita istiqamah, iaitu sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa dan ketika, tidak kira dikala kita senang ataupun susah.

Ingatlah kehidupan ini hanyalah sementara. Nikmat umur yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, sedarlah akan kesilapan dan kesalahan yang dilakukan, pohonlah keampunan sebelum terlambat. Jangan malu, takut dan sombong untuk mengakui kesilapan dan kesalahan yang telah dilakukan. Sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan kita dijadikan orang-orang yang sentiasa bertaubat dan menyucikan diri dari segala perkara dosa dan maksiat serta dimasukkan ke dalam syurga bersama orang-orang yang soleh. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 16 tafsirnya:

“Iaitu orang-orang yang berdoa dengan berkata: Ya Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman maka ampunilah dosa-dosa kami dan peliharalah kami daripada azab neraka”

Niat dan sikap yang ikhlas

Keluaran Pelita Brunei 10 Februari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya agama kita menganjurkan umatnya bahawa setiap perbuatan yang dilakukan hendaklah disertai dengan niat. Niat membezakan amal perbuatan seseorang sama ada sebagai adat kebiasaan atau perbuatan ibadat. Adapun adat kebiasaan seperti mandi, makan, minum, tidur dan sebagainya yang tidak disertai dengan niat kerana Allah tidak akan mendapat ganjaran pahala sebaliknya jika disertai dengan niat kerana Allah maka ia dianggap sebagai ibadat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Daripada Umar bin Al-Khattab Radhiallahuanhu ia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat. Sesungguhnya balasan bagi setiap orang itu mengikut apa yang diniatkannya.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Sesungguhnya jika orang Islam yang berniat berbuat baik untuk melakukan sesuatu perbuatan atau amalan akan tetapi belum berpeluang untuk melaksanakannya kerana adanya halangan dan rintangan seperti kesibukan, kemiskinan, kezuratan dan sebagainya, maka niat yang baik tersebut tetap akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah Hadis Qudsi, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman, maksudnya:

“Sesungguhnya Allah mencatat kebaikan dan kejahatan. Barang siapa yang berniat akan berbuat kebaikan kemudian tidak dikerjakannya, Allah mencatat

untuknya satu kebajikan yang sempurna di sisi Allah dan jika berniat kebaikan kemudian dilaksanakannya, Allah mencatat 10 kebajikan sehingga 700 kali ganda sehingga berlipat-lipat ganda lagi.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa agama kita memandang tinggi kepada niat yang baik. Sebagaimana sebuah kisah yang terjadi dalam satu persiapan ketika Peperangan Tabuk di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, beberapa orang lelaki datang berjumpa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu memohon agar mereka dapat dibawa bersama untuk ikut berperang pada jalan Allah menentang musuh yang mahu memusnahkan Islam dengan menggagalkan atau menghalang perkembangan Islam, sedangkan mereka tidak mempunyai kelengkapan untuk berperang.

Memandangkan kelengkapan perang pun tidak mencukupi dan tiada kenderaan pada zaman itu berupa haiwan tunggangan seperti kuda dan unta yang dapat mengangkut mereka, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak dapat membawa orang-orang itu bersama. Lalu mereka pun pulang dengan perasaan sedih yang amat sangat sehingga bercucuran air mata mereka kerana mereka berharap sangat supaya dapat ikut berjihad. Walau bagaimanapun, mereka tetap memperolehi kebajikan dan pahala daripada Allah Subhanahu Wata’ala kerana niat ikhlas mereka itu.

Sesungguhnya niat yang ikhlas perlulah ada dalam diri setiap umat Islam. Bagi orang yang ikhlas, setiap perbuatan baik yang dilakukan, mereka tidak mengharapkan imbalan atau balasan kerana mereka ingin mendapatkan keredaan Allah semata-mata.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-An’am, ayat 162 tafsirnya:

“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam.”

Adapun ciri-ciri ikhlas dalam diri seseorang dapat dilihat melalui sikap dan perbuatannya antaranya seperti tidak berasa terpaksa dalam melakukan ibadat atau

pekerjaan dan mengerjakannya dengan sepenuh hati serta bersungguh-sungguh. Berbeza jika melakukan ibadat atau pekerjaan kerana ada tujuan yang lain. Mereka beramal dan bekerja hanya untuk menunjuk-nunjuk supaya dilihat sebagai seorang yang pemurah dan rajin kerana mengharapkan pujian, penghargaan atau balasan, maka akan lahirlah perasaan riak, ujub, takbur dan sebagainya. Maka orang yang sedemikian akan terhapuslah segala amal kebajikan yang dilakukannya. Ketahuilah, Allah Subhanahu Wata'ala hanya akan menerima amalan seseorang yang ikhlas semata-mata kerana-Nya. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Umamah Al-Bahili ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tiada menerima sesuatu amalan melainkan yang dikerjakan dengan penuh ikhlas kepada-Nya dan ditujukan hanya kepada-Nya semata-mata.” (Riwayat Imam Al-Nasa'i)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam At-Tabrani bahawa pada akhir zaman, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan berpecah menjadi tiga golongan:

Golongan pertama: Golongan yang menyembah Allah Subhanahu Wata'ala dan beribadat dengan ikhlas.

Golongan kedua: Golongan yang menyembah Allah Subhanahu Wata'ala dan beribadat dengan riak.

Golongan ketiga: Golongan yang menyembah Allah Subhanahu Wata'ala dan beribadat dengan tujuan mencari makan daripada manusia.

Maka pada hari kiamat, Allah Subhanahu Wata'ala mengumpulkan mereka itu dan bertanya tujuan mereka beribadat kepada-Nya. Golongan yang beribadat dengan riak dan dengan tujuan mencari makan daripada manusia, Allah Subhanahu Wata'ala mencampakkan mereka ke dalam neraka kerana tiada satu pun dari amalan yang mereka kerjakan itu sampai kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Manakala hanya golongan yang beribadat dengan ikhlas, yang mengharap keredaan Allah

Subhanahu Wata'ala sahalah yang dimasukkan ke dalam syurga.

Contohnya Sayidina Abu Bakar As-Siddiq Radhiallahuanhu beliau adalah seorang yang benar-benar ikhlas dalam menginfakkan seluruh hartanya untuk dakwah Islam semasa Perang Tabuk. Apabila ditanya oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, apakah yang engkau tinggalkan untuk membiayai kehidupanmu dan keluargamu, sesudah seluruh hartamu engkau sedekahkan wahai Abu Bakar? Abu Bakar dengan tegas mengatakan: "Saya telah tinggalkan Allah dan Rasul-Nya untuk mereka." Sayidina Abu Bakar As-Siddiq Radhiallahuanhu rela melepaskan harta dan seluruh kekayaan yang dimilikinya dengan ikhlas demi agama dan untuk mencari keridaan Allah Subhanahu Wata'ala. Perlu diketahui mereka yang ikhlas tidak akan teragak-agak membelanjakan atau menghulurkan harta yang mereka miliki sama ada dalam bersedekah, berzakat atau berwakaf. Ketahuilah, harta yang dibelanjakan atau diinfakkan pada jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan berkurangan bahkan Allah Subhanahu Wata'ala akan menggantikan apa yang telah mereka belanjakan itu dengan ganjaran yang lebih baik.

Akhirnya, marilah kita sama-sama muhasabah diri dan sentiasa berniat dengan ikhlas kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar setiap amal dan pekerjaan yang kita lakukan menjadi ibadat. Mudah-mudahan segala amal perbuatan yang kita lakukan dengan niat yang ikhlas akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat keridaan, keberkatan serta rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Isra', ayat 19 tafsirnya:

"Dan sesiapa yang menghendaki kebahagiaan hidup akhirat dan berusaha mengerjakan amal kebajikan untuk tujuan itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang dia beriman maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala)."

Rakyat bertakwa, negara aman makmur dan sejahtera

Keluaran Pelita Brunei 17 Februari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja yang mementingkan nilai-nilai keagamaan dan mengutamakan ajaran Islam dalam membentuk dasar pentadbiran, pengurusan dan undang-undang negara mengikut Al-Quran dan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan yang demikian, negara dapat menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan, di samping sokongan rakyat dan penduduknya yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah, Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan rahmat dan berkat dari langit dan bumi kepada mereka yang beriman dan bertakwa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 96 yang tafsirnya:

“Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan Rasul-Rasul Kami lalu Kami menimpakan mereka dengan azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala sering mengingatkan hamba-hambanya di dalam Al-Quran untuk sentiasa bertakwa kepada-Nya. Menurut Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala pengertian takwa itu berasal dari perkataan Arab, iaitu al-wiqayah yang bererti melindungi atau menjaga. Ketika seorang hamba itu menjaga diri daripada kemaksiatan dengan tekad yang kuat dan istiqamah pada jalan ketaatan, maka ketika itu ia disifatkan sebagai orang yang bertakwa.

Kita umat Islam perlu berpegang kepada ajaran Allah dan Rasul dengan

mematuhi perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Adapun tujuan takwa yang sebenar adalah untuk mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara maksiat dan terlarang. Ketahuilah, bertakwa itu wajib bagi setiap Muslim. Allah Subhanahu Wata'ala berjanji kepada orang-orang yang bertakwa akan memberi mereka jalan keluar daripada segala macam kesukaran dalam hidup ini. Bukan itu sahaja, malah juga akan melimpahi mereka dengan rezeki yang tidak terlintas di hati. Tambahan lagi jika takwa itu dihias dengan tawakal, maka segala-galanya akan menjadi milik mereka, berupa pertolongan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ath-Thalaq, ayat 2-3, tafsirnya:

“Demikianlah pengajaran itu diberikan kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar dalam urusannya. Dan Dia mengurniakannya rezeki dari arah yang tidak terlintas difikirkannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan-Nya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.”

Sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, negara amat memerlukan rakyat dan penduduk yang benar-benar beriman dan bertakwa kerana kemajuan sesebuah negara itu bukanlah sekadar diukur dengan kekuatan ekonomi, bangunan-bangunan pencakar langit dan sebagainya. Akan tetapi kemajuan sesebuah negara juga adalah disebabkan pemimpin yang adil, penduduk yang beriman dan bertakwa serta berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ketahuilah, kemajuan sesebuah negara tidak akan bererti jika rakyat dan penduduknya hidup tanpa pedoman dan tidak berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Apabila hidup manusia tidak berpegang kepada ajaran Islam sudah tentu banyak kemungkaran dan kemaksiatan berlaku seperti minum arak, judi, curi, ragut, bunuh dan sebagainya. Yang akhirnya boleh menghancurkan sesebuah masyarakat, bangsa dan negara.

Menurut ulama ada beberapa langkah yang penting bagi setiap Muslim untuk menjadi orang yang bertakwa, antaranya adalah:

Pertama: Mengingati Allah (Zikrullah)

Mengingati Allah adalah jalan yang terbaik bagi menyebut atau merawat hati dan jiwa manusia. Mengingati Allah dengan bertafakur, iaitu merenung kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala akan dapat membersihkan hati dan menambahkan keyakinan akan kebesaran dan keagungan-Nya sehingga menimbulkan sifat takwa.

Kedua: Bertaubat

Sentiasa bertaubat memohon keampunan dan menyerahkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah sifat utama yang dimiliki oleh orang-orang yang beriman, bertakwa dan beramal soleh kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ini dapat menyedarkan kita dari terus melakukan dosa dan segala larangan Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis, maksudnya:

“Daripada Abu Burdah, dari seorang lelaki Muhajirin dia berkata: Aku telah mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Wahai sekalian manusia, bertaubatlah kamu kepada Allah dan beristighfar kamu kepada-Nya, sesungguhnya aku bertaubat setiap hari seratus kali atau lebih seratus kali.” (Riwayat Imam Ahmad).

Ketiga: Mendirikan sembahyang

Mendirikan sembahyang merupakan ibadat utama dalam kehidupan manusia yang boleh memperkuat keimanan dan ketakwaan serta memperolehi keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Mendirikan sembahyang fardu lima waktu dengan tertib dan khusyuk merupakan kekuatan rohani yang bertindak sebagai benteng bagi mencegah dari melakukan perkara-perkara keji dan mungkar.

Keempat: Takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Perasaan takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah salah satu dari sifat orang yang beriman, perasaan takut kepada Allah dapat mendorong seseorang

untuk meningkatkan amal ibadat dan takut untuk melakukan perkara-perkara yang dimurkai Allah Subhanahu Wata'ala.

Kelima: Muhasabah

Muhasabah merupakan suatu tindakan yang penuh teliti terhadap segala gerak-geri yang dilakukan agar tidak mendatangkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Orang yang beriman hendaklah muhasabah dalam setiap tindakan agar tidak bersarang di dalam hatinya sifat-sifat tercela. Muhasabah dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sentiasa memelihara diri daripada sebarang kemungkaran dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, langkah-langkah untuk menjadi orang yang bertakwa juga adalah dengan sentiasa bersifat sabar, tawaduk (rendah diri), istiqamah, tawakal dan sebagainya. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjelaskan kepada kita melalui Al-Quran bahawa dalam takwa itu terdapat kebahagiaan dan kebaikan yang tidak terhitung banyaknya. Antara kelebihan orang-orang yang bertakwa itu adalah sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Takwa juga adalah sebagai penebus kesalahan dan mensucikan dosa, diselamatkan dari seksa api neraka pada hari kiamat kelak, terpelihara dari tekanan hidup, rezeki datang melimpah tanpa diduga, sentiasa hidup berlapang dada, sentiasa dilimpahi pahala yang tidak terhingga. Orang yang bertakwa juga dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti untuk dimasukkan ke dalam syurga serta mendapat kemuliaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ad-Dukhan, ayat 51-52 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa akan berada di tempat yang aman. Iaitu di dalam syurga-syurga dan ada mata-mata air yang mengalir.”

Rakyat dan penduduk yang bertakwa dan sentiasa mengerjakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala, menjauhi perkara-perkara yang mendatangkan maksiat dan dosa, serta sentiasa berusaha mencari keredaan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, maka sudah pastinya negara akan beroleh

keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan. Oleh itu, sebagai menzahirkan rasa syukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini, bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-34 Tahun, maka marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, iaitu pada petang Khamis, 6 Jamadilakhir 1439 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 2018 Masihi bagi sama-sama bersembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, membaca Surah Yasin dan doa kesyukuran dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Sama-samalah kita berdoa semoga kehidupan kita di dunia ini sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan serta menjadi hamba Allah yang benar-benar beriman dan bertakwa. Amin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Maidah, ayat 35, tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya dan berjuanglah pada jalan-Nya supaya kamu beroleh kemenangan.”

Mensyukuri nikmat kemerdekaan

Keluaran Pelita Brunei 24 Februari 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, pada hari ini kita menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-34. Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita mestilah bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan nikmat kemerdekaan, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran di bumi Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152, tafsirnya:

“Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat.”

Menurut Islam kemerdekaan adalah apabila seseorang, sesuatu bangsa atau umat mendapat kebebasan daripada sebarang bentuk penjajahan, baik penjajahan dari segi jasmani atau rohani. Ketahuilah, kemerdekaan adalah nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada sesebuah negara kerana tidak semua manusia mendapat kurnia untuk menjadi bangsa yang merdeka. Ada yang terus menerus berjuang untuk mencapainya. Ada yang sudah mencapainya tetapi tidak dapat mempertahankannya. Ada yang tetap dengan kemerdekaannya tetapi tidak dapat menjadikan aspirasi kemerdekaan itu suatu kenyataan yang menguntungkan bangsa dan tanah airnya.

Sesungguhnya nikmat kemerdekaan, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran

Negara Brunei Darussalam ini tidak datang dengan sendirinya bahkan ia adalah berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita:

Pertama: Telah menegakkan agama Allah di bumi Darussalam dengan meletakkan agama Islam di tempat yang teratas, manakala segala amalan yang bertentangan dengan akidah Islam dibanteras, begitu juga setiap perbuatan yang berlawanan dengan syariat Islam dibetulkan dan segala kelakuan yang menyalahi akhlak Islam dihindarkan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Muhammad, ayat 7 tafsirnya:

“Wahai orang yang beriman, jika kamu menolong (membela agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu mencapai kemenangan dan meneguhkan pendirian kamu.”

Kedua: Kerana kita beriman dan bertakwa juga mengundang keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala sehingga membawa kebaikan kepada Negara Brunei Darussalam dan isi di dalamnya. Ini adalah berkat kepimpinan Raja yang adil dan berpegang teguh kepada agama Islam sehingga ajaran Islam itu subur dalam jiwa dan mampu mengubah cara hidup rakyat dan penduduknya. Tanggungjawab yang dipikul oleh pemerintah dalam melaksanakan keadilan adalah perkara yang amat berat akan tetapi sekiranya keadilan ini berjaya ditunaikan maka ganjarannya adalah amat besar, iaitu mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala pada hari kiamat kelak. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari yang maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Ada tujuh golongan orang yang akan mendapat perlindungan daripada Allah (pada Hari Kiamat) di mana pada hari itu tidak ada perlindungan selain perlindungan-Nya. Salah satu dari ketujuh orang tersebut adalah pemimpin yang adil.”

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, kehidupan kita selepas

merdeka telah jauh berubah jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya. Adapun perubahan besar yang dapat dirasa adalah peningkatan taraf hidup yang lebih baik (Hayatun Thayyibah) antaranya:

Pertama: Menikmati keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal melalui khidmat subsidi dan bantuan.

Kedua: Menikmati bekalan air bersih, tenaga elektrik, kemudahan jalan raya dan seumpamanya.

Ketiga: Menikmati suasana alam sekitar yang bersih dan terpelihara melalui perkhidmatan kebersihan dan penjagaan yang khusus.

Keempat: Menikmati perkhidmatan kesihatan dan perubatan secara percuma.

Kelima: Menikmati perkhidmatan pendidikan kebangsaan termasuk pendidikan agama secara percuma dan bermacam-macam lagi kemudahan yang telah disediakan.

Semua ini dapat dicapai kerana berkat kita berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, iaitu dengan mengerjakan apa yang disuruh-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya serta sentiasa bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat yang telah dikurniakan. Inilah cara dan amalan hidup kita yang sentiasa mendahulukan Allah Subhanahu Wata'ala dalam segala urusan terutamanya dalam pentadbiran negara sehingga Raja yang adil mendapat berkat, rakyat yang taat mendapat rahmat dan negara yang aman, kekal selamat dan berdaulat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Maryam, ayat 76, tafsirnya:

“Dan Allah akan menambah hidayah kepada orang-orang yang mendapat petunjuk, dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya.”

Sebagaimana yang kita ketahui, tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun

ini adalah 'Menjayakan Wawasan Negara'. Sesungguhnya Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rayat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Ke arah mencapai wawasan tersebut, kita perlu bersatu untuk taat setia kepada Raja dan negara, yakin kepada nilai-nilai agama, mengamalkan nilai-nilai mulia dan sifat berbaik-baik sesama bangsa, agama dan negara.

Justeru, dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dengan jayanya, setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam perlu mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset yang berguna dalam pembangunan negara. Antara peranan tersebut adalah dengan melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, menyediakan diri dalam pembangunan negara, serta meningkatkan daya saing, berinovatif, kreatif, membangun ekonomi, politik, sosiobudaya, keselamatan dan sebagainya.

Sesungguhnya untuk mencapai kejayaan dan survival bangsa dan negara, rakyat dan penduduk di negara ini perlu bersatu padu sama ada sektor kerajaan mahupun swasta bersama-sama meningkatkan usaha dalam pembangunan negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2035, baik dalam sumber manusia, sumber alam dan sistem pentadbiran, semua adalah berperanan bagi mengisi agenda pembangunan tersebut.

Mudah-mudahan dengan usaha yang demikian negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, negara zikir dan menjadi 'Baladatul Tayyibatun Warabbun Ghaffur', iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun. Oleh itu, demi mempertahankan nikmat kemerdekaan negara yang tercinta ini, marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat tersebut dengan banyak berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi negara dan penduduk Brunei Darussalam agar sentiasa selamat dan terpelihara dari sebarang bala

bencana serta dikurniakan rahmat dan nikmat kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Ahzab, ayat 41 - 43, tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula berdoa memohonkan ampun bagi kamu untuk mengeluarkan kamu dari kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (Iman) dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman.”

Khutbah Jumaat Bulan Mac 2018

Sifat tamak

Keluaran Pelita Brunei 3 Mac 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya manusia adalah ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala dan di dalam jasad manusia itu terdapat segumpal daging yang akan mendorong manusia untuk melakukan kebaikan ataupun kejahatan iaitu hati, kerana dalam hati inilah tempat berkumpulnya sifat-sifat yang mulia dan keji.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Nukman bin Bashir berkata, aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: ‘Ingatlah bahawa di dalam jasad itu ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baik pula seluruh jasad. Jika ia rosak, maka rosak pula seluruh jasad. Ketahuilah bahawa ia adalah hati.’” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Adapun salah satu sifat keji yang terdapat di dalam hati adalah sifat tamak. Tamak adalah sifat haloba, iaitu ingin memiliki sesuatu tanpa batasan dan berasa tidak cukup sehingga menyebabkan seseorang itu membuat kerja-kerja yang hina seperti membolot harta, merampas, menipu, mengambil hak orang lain dan seumpamanya. Mereka yang bersifat tamak tidak memperdulikan halal dan haram serta hanya mengikut kehendak hawa nafsu. Setentunya hal ini boleh menimbulkan perasaan benci, perkelahian, perpecahan, perselisihan faham, dendam, permusuhan dan sebagainya.

Ketahuilah, sifat tamak boleh mengundang kepada hasil rezeki yang tidak halal atau syubhah. Setiap rezeki yang diperoleh daripada jalan yang salah ataupun

syubhah yakni bercampur antara yang halal dengan yang haram pasti memberi kesan yang tidak baik, sama ada pada diri sendiri atau keluarga mahupun masyarakat dan negara.

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi peringatan yang keras mengenai sesuatu yang tumbuh dalam diri manusia hasil dari sumber yang haram pastinya neraka lebih utama baginya. Terdapat sebuah kisah untuk diambil pengajaran mengenai seorang sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu ketika ia makan, lalu orang suruhannya memberitahu bahawa makanan yang dimakannya itu adalah hasil daripada pekerjaannya sebagai tukang tilik sebelum dia memeluk agama Islam. Lalu Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu memuntahkan semua makanan yang telah dimakannya itu. Maka ditanya kepada Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu mengapa ia melakukan hal yang demikian, lalu Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu menjawab bahawa beliau takut kalau-kalau makanan itu subur dan tumbuh di dalam badannya.

Lalu membacakan hadis yang didengarnya daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Kaab bin Ujrat maksudnya:

“Sesungguhnya tiap-tiap daging yang tumbuh dari yang haram maka neraka lebih utama baginya.”

Begitulah kisah tentang Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu yang sangat mengambil berat tentang halal haramnya rezeki yang dimakannya. Sebagai orang Islam, kita diwajibkan untuk mencari rezeki yang halal lagi baik, melalui usaha yang betul dan bukan dengan cara yang keji, salah atau bersifat tamak.

Ketahuilah, rezeki kita telah pun ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata’ala sejak azali lagi dan hanya Allah Subhanahu Wata’ala sahajalah yang berhak memberi rezeki kepada sesiapa yang ia kehendaki. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ar-Ra’d, ayat 26 tafsirnya:

“Allah meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya dan menyempitkannya. Dan mereka (orang-orang Musyrik itu) gembira dengan kehidupan dunia padahal kehidupan dunia itu dibandingkan dengan kehidupan akhirat hanyalah kesenangan yang sedikit.”

Hapuskanlah sifat tamak dari hati kita, kerana ia boleh menjauhkan diri kita daripada mengingat Allah Subhanahu Wata’ala. Berhati-hatilah dalam mencari rezeki, tidak ada gunanya kekayaan di dunia ini jika amal kita tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala hanya disebabkan kita terlalu tamak dalam mencari dan mengumpul harta dunia tanpa mengira hak orang lain dan mengambilnya dengan cara yang bathil. Ingatlah, orang yang memakan harta secara bathil adalah tergolong sebagai orang yang mufliis di akhirat kelak. Maksud mufliis di akhirat itu adalah segala amal kebajikannya diambil dan diberikan kepada orang yang pernah dizaliminya di dunia ini. Jika amalnya tidak mencukupi untuk menebus dosaduanya, maka kejahatan orang yang dizaliminya itu akan dipindahkan kepadanya kemudian dia dimasukkan ke dalam neraka.

Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahanhu ia berkata, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Siapa yang pernah berbuat zalim kepada orang lain, hendaklah minta maaf sekarang kepada orang yang dizalimi sebelum tiba suatu hari tanpa ada dinar atau dirham untuk menebus kezalimannya (hari kiamat). Pada hari itu orang yang pernah berbuat zalim jika memiliki amal baik pahalanya diambil sebanyak kezalimannya untuk diberikan kepada orang yang pernah dizaliminya. Jika ia tidak memiliki amal kebajikan, maka dosa orang yang dizalimi diambil sebanyak kezaliman yang pernah dideritanya untuk dibebankan kepada orang yang berbuat zalim kepadanya.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Adapun sifat tamak ini boleh dihapuskan dengan sifat qanaah, iaitu beresanya cukup dengan apa yang kita miliki, sentiasa bersyukur dan mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan pada semua hal, baik dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara serta meyakini sepenuhnya bahawa segala rezeki sudah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Contohnya kehidupan para Nabi dan Rasul dalam mengamalkan sikap bersederhana dalam kehidupan harian dan jauhilah bersifat seperti Qarun yang tidak pernah merasa cukup dengan harta yang telah dimilikinya sehingga sanggup melakukan kezaliman terhadap orang lain, yang akhirnya Qarun ditenggelamkan ke dalam bumi bersama-sama dengan hartanya, itulah azab daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Memang lumrah manusia jika tidak dikawal maka mereka tidak akan berpada-pada tentang apa yang ada dan tidak akan merasa puas tentang apa yang telah dimilikinya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Anas bin Malik daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sesungguhnya Baginda bersabda: Jika anak Adam (manusia) memiliki satu lembah emas, nescaya dia akan mencari lembah yang kedua.” (Riwayat Imam Muslim)

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga diri kita, keluarga kita dan umat Islam seluruhnya dijauhkan daripada sifat tamak, mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang sentiasa merasa cukup dengan rezeki yang dimilikinya dan menjadi golongan yang sentiasa bersyukur atas nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sambil itu kita hendaklah sentiasa memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beristighfar, supaya kita sekalipun kiranya telah terlanjur, agar segera insaf, dengan itu Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi keampunan dan kita menjadi orang yang diampunkan untuk berkehidupan yang baik lagi berkat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 145 tafsirnya:

“Dan setiap yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah sebagai suatu ketetapan yang tertentu masanya. Dan sesiapa yang mengkehendaki ganjaran dunia, Kami kurniakan kepadanya sebahagian ganjaran dunia itu dan sesiapa yang mengkehendaki ganjaran akhirat, Kami kurniakan pula kepadanya ganjaran akhirat itu. Dan Kami akan mengurniakan ganjaran pahala orang-orang yang bersyukur.”

Dunia jambatan ke akhirat

Keluaran Pelita Brunei 10 Mac 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini adalah kehidupan yang sementara dan penuh dengan tipu daya yang boleh melalaikan manusia daripada mengingat Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mempersiapkan diri dengan memperbanyakkan amal ibadat sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut kita diingatkan supaya jangan terlalu ghairah dalam mencari kesenangan hidup di dunia. Kehidupan dunia bukanlah satu matlamat yang dicari-cari dan dikejar. Sebaliknya, dunia hanyalah wasilah atau wadah menuju ke arah kehidupan abadi, iaitu kehidupan di akhirat. Dunia itu umpama satu jambatan dan akhirat itu umpama tempat perhentian dan destinasi yang kekal buat selama-selamanya. Orang yang beriman dan bertakwa menjadikan dunia sebagai persinggahan sementara untuk mempersiapkan bekal amal ibadat dan persediaan menghadap Allah Subhanahu Wata'ala kelak.

Agama kita melarang umatnya untuk kasihkan dunia, iaitu kasih yang keterlaluan dan berlebihan seperti mengutamakan kehendak hawa nafsu yang dilarang oleh

syarak dan mengutamakan perhiasan dunia seperti harta kekayaan dan anak-pinak sehingga melalaikan diri sendiri untuk menunaikan kewajiban terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Memang tidak salah, jika seseorang itu ingin mencari harta benda dan kekayaan yang melimpah ruah akan tetapi alangkah baiknya jika segala kekayaan dan harta benda itu digunakan sebagai jalan untuk mendekati diri dan mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qashash, ayat 77 tafsirnya:

“Dan carilah pahala negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada kenikmatan dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakkan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan.”

Adapun cara untuk memanfaatkan kehidupan atau kesenangan di dunia untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala ialah:

Pertama: Harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala, hendaklah disedekahkan, diwakafkan dan diinfakkan ke jalan kebaikan dan kebajikan bukannya digunakan untuk perkara-pekerja maksiat dan sia-sia.

Kedua: Umur yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah digunakan untuk beribadat kepada-Nya dan jangan sekali-kali digunakan untuk melakukan maksiat atau perkara yang mungkar.

Ketiga: Amanah dan jujur dalam melakukan sesuatu pekerjaan sama ada dalam menggunakan kuasa, pangkat, kedudukan atau jawatan. Ia wajib dilaksanakan dengan adil, telus dan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala bukan untuk membuat kezaliman atau untuk kepentingan diri sendiri, saudara-mara, rakan-rakan dan sebagainya. Ingatlah pangkat atau kuasa yang diberikan bukanlah satu keistimewaan, tetapi ia adalah satu amanah atau tanggungjawab yang amat berat dan wajib ditunaikan dengan seadil-adilnya kerana ia akan dipersoalkan kepada kita di akhirat kelak.

Keempat: Anak-anak hendaklah dididik dengan ajaran dan nilai-nilai murni Islam supaya menjadi anak yang soleh dan dapat berbakti kepada kedua ibu bapa, keluarga, agama, bangsa dan negara.

Kelima: Menuntut ilmu kerana Allah Subhanahu Wata'ala bukan hanya untuk mendapatkan habuan dan ganjaran dunia semata-mata.

Percaya kepada hari kiamat adalah salah satu dari rukun iman yang wajib kita percaya, pada hari itulah seluruh manusia akan dihidupkan di Padang Mahsyar untuk dihisab dan akan menerima pembalasan yang setimpal dari amal perbuatan yang telah dilakukan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Iman At-Tirmidzi, daripada Mu'az bin Jabal, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Sekali-kali tidak akan berganjak kedua-dua telapak kaki seseorang hamba (manusia) pada hari kiamat sehingga dia ditanya tentang empat perkara, iaitu tentang umurnya ke mana dihabiskannya, tentang waktu mudanya ke mana dipergunakannya, tentang hartanya dari mana diperolehinya dan ke mana dibelanjakannya, tentang ilmunya apakah yang diamalkannya.”

Sesungguhnya balasan manusia di akhirat ditentukan berdasarkan apa yang telah mereka lakukan ketika di dunia. Masing-masing akan menerima hasil perbuatan mereka dalam bentuk buku catatan amalan mereka. Jika diberi dan diterima dengan tangan kanan, maka berbahagialah si penerimanya kerana syurga bakal menantinya. Tetapi mereka yang menerima buku catatan amalan mereka dengan tangan kiri, maka neraka bakal menantinya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Insyiqaq, ayat 7 - 9 yang tafsirnya:

“Adapun orang yang diberikan kitab amalnya di tangan kanannya, maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ia akan kembali kepada keluarganya yang sama-sama beriman dengan gembira.”

Imam As-Syafii Rahimahullahu Ta'ala memperingatkan bahawa barang siapa yang ingin meninggalkan dunia dengan selamat, maka hendaklah dia menunaikan 10 perkara:

Pertama: Hak kepada diri sendiri seperti mengurangkan tidur, mengurangkan makan, mengurangkan percakapan dan berpada-pada dengan rezeki yang ada.

Kedua: Hak kepada Malaikatul Maut, iaitu persediaan sebelum menghadapi kematian dengan mengqadakan kewajipan-kewajipan yang tertinggal seperti sembahyang fardu atau puasa, mendapatkan kemaafan daripada orang yang dizalimi dan meningkatkan rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Hak kepada kubur, iaitu menjauhi dan membuang sifat suka menabur fitnah, memperbanyakkan Solat Tahajud dan membantu orang yang dizalimi.

Keempat: Hak kepada Malaikat Munkar dan Nakir, iaitu tidak berdusta, meninggalkan maksiat dan saling nasihat-menasihati sesama insan.

Kelima: Hak kepada Mizan (timbangan amal), iaitu menahan kemarahan, banyak berzikir, mengikhlaskan amalan dan sanggup menanggung kesulitan.

Keenam: Hak kepada Titian Sirat, iaitu suka membantu orang, bersifat warak, suka berjemaah dan membuang tabiat suka mengumpat.

Ketujuh: Hak kepada Malaikat Malik (Penjaga Neraka), iaitu banyak menangis kerana takut kepada azab Allah Subhanahu Wata'ala. Berbuat baik kepada kedua ibu bapa, bersedekah dan memperelokkan akhlak.

Kelapan: Hak kepada Malaikat Ridzuan (Penjaga Syurga), iaitu reda kepada qada (ketentuan) Allah Subhanahu Wata'ala, bersabar menerima bala atau ujian, bersyukur kepada nikmat Allah dan bertaubat daripada segala perkara dosa dan maksiat.

Kesembilan: Hak kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu dengan

memperbanyakkan selawat ke atasnya, berpegang dengan syariat, bergantung dengan sunah dan menyayangi para sahabat.

Kesepuluh: Hak kepada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan, mencegah manusia daripada kemungkaran, menyukai ketaatan dan membenci kemaksiatan.

Sesungguhnya dunia ini hanya pinjaman, akhirat jua yang kekal abadi, jika kita seorang yang taat perintah Allah Subhanahu Wata'ala pasti kegembiraan dan kebahagiaan yang akan diperolehi tetapi jika kita seorang yang ingkar perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan menjalani kehidupan di dunia ini dengan penuh dosa dan maksiat, maka kesengsaraanlah yang akan menanti. Oleh itu, kita perlu sedar jika kita telah banyak melakukan kesalahan dan dosa, bertaubatlah dengan segera. Jangan tunggu sehingga nyawa di kerongkongan baru hendak bertaubat kerana pada ketika itu tidak ada gunanya lagi penyesalan.

Ingatlah, selagi kita diberi nafas, dipanjangkan usia, diberi nikmat kesihatan, masa dan sebagainya, tingkatkanlah amal ibadat dan usaha untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah kita menjadi orang yang rugi dan menyesal di hari kandila. Gunakanlah dunia sebagai jambatan, janganlah berhenti ditengahnya dengan mengikut hawa nafsu dan tipu daya syaitan. Berjalanlah terus sehingga sampai ke akhirat kerana di akhirat sana ada yang lebih indah dan berbagai nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Oleh itu, rebutlah peluang hidup semasa di dunia ini dengan beramal ibadat kerana amal kebaikan dan kebajikan sahajalah sebagai bekal yang akan dapat menolong dan menyelamatkan kita di hari akhirat kelak.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita dan keluarga kita menjadi orang-orang yang beriman dan bertakwa, tidak dilalaikan oleh urusan harta benda dunia, sentiasa mengingati Allah dengan menjalankan segala perintah-Nya, selamat dari azab api neraka dan seterusnya tergolong dalam golongan orang yang mendapat kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Munafiqun, ayat 9 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah harta kamu dan anak-anak melalaikan kamu daripada mengingat Allah. Dan sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi.”

Pengisian masa di musim cuti persekolahan

Keluaran Pelita Brunei 17 Mac 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya masa itu sangat berharga kerana apabila ia berlalu ia tidak akan berulang lagi. Oleh kerana itu pergunakanlah masa yang ada dengan sebaik-baiknya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan kita mengenai perkara masa ini, sebagaimana sabda baginda, maksudnya:

“Daripada ibnu Abbas Radhiallahuanhuma, dia berkata: Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Dua kenikmatan, kebanyakan manusia tertipu pada keduanya, iaitu nikmat kesihatan dan masa lapang.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Ketahuilah orang yang bijak mengurus dan menggunakan masanya dengan berbuat amal yang baik dan melakukan perkara-perkara yang berfaedah maka mereka itulah orang-orang yang beruntung dan berjaya dalam kehidupan.

Sebaliknya orang yang lalai, membuang dan membiarkan masa berlalu begitu saja tanpa mengisi dengan perkara yang bermanfaat maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Oleh itu, kita hendaklah memanfaatkan masa yang ada dengan sebaik-baiknya kerana kita semua akan ditanya di akhirat kelak, adakah kita telah menggunakan masa dengan betul ataupun sebaliknya. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Abu Barzatal Aslami ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak akan bergerak kedua-dua kaki seseorang hamba itu pada hari kiamat di Padang Mahsyar sehingga ia disoal tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang ilmunya apa yang dilakukan dengannya, tentang

hartanya dari mana diperolehi dan untuk apa ia dibelanjakan dan tentang tubuh badannya bagaimana ia menggunakannya.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi)

Agama kita menggalakkan umatnya supaya mengurus masa dengan penuh bijaksana seperti menggunakan waktu bekerja dengan betul, meluangkan masa rehat atau bercuti dengan sebaik-baiknya. Pada masa ini, penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar sekolah sedang menjalani cuti penggal pertama persekolahan. Inilah masa yang ditunggu-tunggu oleh para pelajar atau penuntut malahan juga kepada ibu bapa sendiri untuk dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam merancang dan mengatur aktiviti yang dilakukan sepanjang cuti persekolahan. Pengawasan dan pemerhatian daripada ibu bapa adalah amat penting. Jangan dibiarkan anak-anak menghabiskan masa dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan merugikan. Dikhuatiri mereka akan mudah terjebak dengan aktiviti tidak sihat dan aktiviti sosial yang menyalahi ajaran agama Islam. Ini kerana dalam usia yang muda, anak-anak begitu mudah terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya dan meniru perbuatan tidak sihat yang boleh merosakkan akhlak dan moral.

Pada musim cuti persekolahan ini banyak aktiviti-aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun persendirian. Ibu bapa atau penjaga hendaklah memberi galakan dan dorongan kepada anak-anak untuk menyertai aktiviti-aktiviti tersebut antaranya:

Pertama: Menghantar anak-anak mengikuti aktiviti keagamaan, memakmurkan masjid dan sebagainya kerana ia mampu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang ilmu berkaitan ibadah sembahyang, doa-doa harian, zikir, bacaan Al-Quran dan sebagainya, iaitu bagi mewujudkan modal insan yang dididik mengikut ajaran agama yang sebenar. Selain itu, ia juga dapat membentuk dan meningkatkan keyakinan diri anak-anak dan membantu mereka untuk menjadi insan yang cemerlang dan berjaya pada masa hadapan.

Kedua: Mendedahkan anak-anak dengan pelbagai aktiviti yang dapat mencungkil bakat mereka seperti bidang kraf tangan, kemahiran diri, kesukanan dan sebagainya.

Ketiga: Menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak dengan mendorong mereka untuk ikut serta dan turun padang membantu masyarakat yang lebih memerlukan seperti anak-anak yatim, golongan warga emas dan sebagainya. Ia merupakan satu pendedahan yang baik bagi mengeratkan silaturahim dan hidup bermasyarakat.

Keempat: Membawa anak-anak melancong agar dapat menikmati keindahan alam ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping membuka minda mereka melihat dunia luar yang berbeza seperti menunaikan umrah, melawat tempat-tempat bersejarah dan sebagainya. Namun bagi mereka yang tidak berkesempatan berbuat demikian, antara pilihan lain yang lebih mudah dan menjimatkan adalah membawa anak-anak bercuti di dalam negara dengan mengambil peluang untuk menerokai dan mengenali negara sendiri. Ia bukan sahaja mengurangkan kos perbelanjaan tetapi boleh membantu menjana kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, bercuti di dalam negara juga dapat memberikan pendedahan mengenai kesenian dan kebudayaan negara kita sendiri dengan melawat dan bersiar-siar ke pantai-pantai, taman-taman rekreasi, taman-taman permainan dan tempat-tempat bersejarah dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mulk, ayat 15 tafsirnya:

“Dialah yang menjadikan bumi ini mudah bagi kamu menjalani kehidupan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya serta makanlah sebahagian rezeki-Nya dan kepada-Nyalah kamu kembali setelah dibangkitkan.”

Dalam keseronokan menikmati cuti persekolahan apa yang sangat penting adalah mengutamakan faktor keselamatan diri, keluarga dan harta benda. Mudah-mudahan cuti persekolahan ini akan dapat memberi manfaat yang penuh bermakna dan pengisian masa yang berfaedah untuk kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dan mudah-mudahan kita terhindar daripada sebarang bahaya dan malapetaka dan sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-‘Ashr, ayat 1 - 3 tafsirnya:

“Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan-pesan untuk bersabar.”

Jimatkan penggunaan air

Keluaran Pelita Brunei 24 Mac 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya setiap yang Allah Subhanahu Wata'ala ciptakan di muka bumi ini mempunyai manfaat dan faedah kepada makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Mustahil bagi Allah Subhanahu Wata'ala mencipta perkara tersebut tanpa ada sesuatu manfaat dan tujuannya sama ada matahari, bulan, bintang, gunung-ganang, bukit bukau, lautan, sungai, hujan dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Ali-'Imran ayat, 191 tafsirnya:

“Iaitu orang-orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring mengiring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata: “ Ya Tuhan kami! Tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia, Maha Suci Engkau , maka peliharalah kami daripada azab neraka.”

Antara nikmat terbesar yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dan ciptakan adalah air. Air merupakan sumber kehidupan yang paling berharga dan sangat diperlukan serta menjadi asas kehidupan kepada semua makhluk yang hidup di bumi ini. Ketahuilah, tidak kira manusia, binatang ataupun tumbuh-tumbuhan semuanya tidak akan dapat hidup tanpa air. Khusus bagi manusia, air bukan sahaja merupakan keperluan asasi dalam kehidupan seharian, bahkan air juga berkaitan rapat dengan perkara-perkara ibadat seperti berwuduk, sembahyang, membaca Al-Quran dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-An'am, ayat 99 tafsirnya:

“Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit lalu Kami menumbuhkan dengannya berbagai-bagai jenis tumbuhan maka Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan daripadanya biji-bijian yang bersusun-susun dan daripada pohon kurma, Kami keluarkan daripada mayangnya tangkai-tangkai yang berjuntai yang mudah dipetik serta kebun-kebun anggur dan Kami keluarkan pula zaitun dan delima yang serupa bentuknya dan yang tiada serupa rasanya. Perhatikanlah buahnya apabila ia masak, sesungguhnya yang demikian itu ialah tanda-tanda kebesaran Kami bagi kaum yang beriman.”

Bayangkan sahaja kesukaran yang berlaku jika tidak ada air seperti bekalan air ditutup, kemarau, paip air bocor, rosak dan yang seumpamanya. Rutin kehidupan harian kita pasti akan terjejas. Bagaimana seseorang itu hendak mandi, beristinjak, memasak dan sebagainya tanpa air? Sama ada sedar ataupun tidak, kita seakan-akan kurang menghargai nikmat air kerana pada masa ini, ia masih mudah dan senang diperolehi. Akibat sifat kurang menghargai nikmat air ini, menyebabkan sebilangan orang melakukan perbuatan membazir dan menggunakan air lebih daripada kadar yang diperlukan. Ulama sepakat mengatakan bahawa membazir air merupakan suatu perbuatan yang ditegah walaupun pada ketika itu air terlalu banyak dan mudah diperolehi. Sifat membazir secara umumnya adalah satu sifat yang dicela oleh agama kita. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala tidak menyukai orang-orang yang membazir dan berlebih-lebihan.

Alhamdulillah, kita sangat beruntung kerana negara kita Brunei Darussalam dikurniakan dengan sumber air bersih yang mencukupi untuk kegunaan rakyat dan penduduk serta bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti sosioekonomi seperti pertanian, perikanan, perindustrian dan seumpamanya. Para penduduk di negara ini sangat beruntung kerana dapat menikmati bekalan air paip yang bersih. Bagi menjalankan aktiviti harian seperti menyediakan makanan dan minuman, memasak, mencuci, menyiram tanaman, mandi dan bersuci seperti berwuduk dan sebagainya. Elakkanlah penggunaan air secara berlebihan dan membazir kerana ia boleh merugikan diri sendiri, keluarga mahupun negara. Sebagai pengguna kita mesti peka, prihatin serta bertanggungjawab dan memberikan kerjasama dalam menangani pembaziran air sama ada di dalam rumah mahupun di luar rumah seperti jika berlaku kebocoran paip air maka kita hendaklah melaporkannya

dengan segera kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Selain itu, sebagai pengguna yang bertanggungjawab, kita hendaklah mengambil perhatian yang sewajarnya dengan memantau penggunaan air melalui tuntutan bil air dan menjelaskan setiap tuntutan bil-bil tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Jangan dilalaikan, kerana ia akan membuatkan jumlah tuntutan semakin meningkat dan akhirnya menjadi beban dan tanggungan hutang yang banyak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: jiwa orang Mukmin terhalang oleh hutangnya sehingga hutang itu dibayar.” (Riwayat Ibnu Majah)

Akhirnya, marilah kita sama-sama menjimatkan penggunaan air dan menggunakannya mengikut kadar keperluan sahaja. Perkara ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk membersihkan, merawat dan membekalkan air. Di samping itu ia juga dapat membantu mengurangkan jumlah tuntutan bil-bil air kita pada setiap bulan. Jadilah hamba-hamba Allah Subhanahu Wata’ala yang sentiasa mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah Allah Subhanahu Wata’ala kurniakan. Sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan nikmat tersebut berkekalan dan terus dinikmati sepanjang hayat. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Waqi‘ah ayat 68 – 70 yang tafsirnya:

“Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum? Adalah kamu yang menurunkannya dari awan sebagai hujan atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki Kami jadikan ia masin maka mengapakah kamu tidak bersyukur?”

Mengawal dan menahan diri daripada marah

Keluaran Pelita Brunei 31 Mac 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kehidupan kita di dunia ini tidak terlepas dari menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada berbentuk kesenangan atau kesusahan. Adakalanya ujian yang diberikan itu membuat kita berasa gembira dan ada kalanya membuat kita berasa marah dan tidak tenteram.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-‘Ankabut ayat 2 tafsirnya:

“Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji?”

Dalam menghadapi cabaran dan dugaan tersebut, sebagai umat Islam kita semestinya mencontohi sifat-sifat terpuji dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti bersifat lemah lembut, pemaaf, sabar, tidak mudah marah dan sebagainya, Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam ayat 4 yang tafsirnya:

“Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia.”

Salah satu sifat yang dianjurkan kita untuk menjauhinya ialah sifat marah. Sifat marah ialah berasa panas hati kerana sesuatu sebab yang tertentu seperti tersinggung perasaan, dihina, ditipu, dicerca, difitnah dan seumpamanya. Tidak dinafikan bahawa dalam setiap diri manusia pasti ada sifat marah, namun kemarahan itu perlulah dikawal dan ada batasnya. Adapun antara punca-punca yang menyebabkan sifat marah itu terjadi adalah:

Pertama - Sifat ujub, riak dan takbur dalam diri seseorang yang merasakan dirinya lebih hebat dan lebih mulia daripada orang lain.

Kedua - Pertengkaran atau perbalahan kerana sesuatu perkara yang kadang-kadang puncanya adalah kecil sahaja.

Ketiga - Berasa dirinya dizalimi, dikhianati, diperkecilkan dan sebagainya.

Keempat - Bergurau yang melampaui had dan batasan. Bergurau yang pada awalnya dengan perkataan tetapi akhirnya membawa kepada maki hamun, mencaci, mencela dan pukul memukul dan sebagainya.

Kelima - Lidah yang tidak dikawal dengan baik sehingga mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan orang lain dan boleh menimbulkan kemarahan.

Oleh itu, untuk mengelakkan diri dari bersifat marah, maka kita hendaklah sentiasa menghindarkan diri dari melakukan perkara-perkara yang menjadi punca kepada timbulnya kemarahan itu. Kita hendaklah sentiasa mengawal kemarahan dan menanamkan sifat rendah diri serta bersedia memaafkan kesalahan orang lain.

Jika ada orang yang membuat kita marah kita hendaklah bersabar, janganlah kita berdendam dan bermusuhan, apatah lagi untuk memutuskan hubungan silaturrahim.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan dalam hadis baginda yang maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa ada seorang lelaki telah berkata kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Berikanlah aku nasihat. Baginda bersabda: Janganlah marah, maka orang itu mengulangi permintaan beberapa kali, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: janganlah marah.”

Dalam agama kita, marah itu terbahagi kepada dua, iaitu marah yang dipuji dan marah yang dikeji. Marah yang dipuji itu ialah apabila seseorang itu marah kerana

mempertahankan kebenaran dan perkara yang hak. Oleh itu, adalah tidak salah jika berasa marah apabila melihat kemungkaran berlaku di depan mata, akan tetapi cara menzahirkan marah itu biarlah dengan cara yang betul dan kena pada tempatnya dengan tujuan yang baik iaitu untuk menyedarkan orang yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya.

Manakala marah yang dikeji pula ialah marah kerana mempertahankan perkara yang batil umpamanya bermegah-megah mempertahankan nama, pangkat, kebesaran diri dalam majlis-majlis, bermegah-megah dengan ilmu pengetahuan dan bermegah-megah dengan harta.

Jika sifat marah itu telah menguasai diri, maka ia akan mengakibatkan berbagai keburukan seperti berlakunya pergaduhan dan yang lebih dahsyat lagi boleh menyebabkan berlakunya pembunuhan. Oleh itu bagi mengelak berlakunya perkara buruk tersebut, kita hendaklah mengawal dan menahan diri daripada bersifat marah. Sesungguhnya marah itu boleh dikawal dan dicegah dengan melakukan beberapa perkara:

Pertama: Dengan bertafakur memikirkan kisah-kisah teladan yang menyebut tentang buruk baiknya bersifat marah, berfikir tentang keutamaan menahan kemarahan, memberi maaf dan berlemah lembut.

Kedua: Sentiasa ingat kepada seksa Allah Subhanahu Wata'ala dan percaya bahawa kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas dirinya lebih besar dari kekuasaan dirinya ke atas orang lain.

Ketiga: Sentiasa mengingatkan dirinya bahawa marah akan mengakibatkan berlakunya permusuhan dan dendam.

Keempat: Berfikir tentang bentuk buruk bagi dirinya ketika dia marah dan berfikir tentang betapa kejinya sifat marah itu.

Kelima: Dengan berfikir tentang sebab yang membawanya kepada kemarahan.

Keenam: Dengan menyadari bahawa kemarahannya adalah berpunca dari sikap membanggakan diri sendiri yang tidak sesuai dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketujuh: Membaca ta'awudz iaitu *أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ* yang ertinya: *Aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang direjam.*

Kelapan: Sunat membaca doa-doa ketika marah iaitu:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّبِيِّ مُحَمَّدِ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَأَذْهَبْ غَيْظَ قَلْبِي
وَأَجِرْنِي مِنْ مُضَلَّاتِ الْفِتَنِ.

Ertinya: *Wahai Tuhanku, Tuhan Nabi Muhammad, ampunilah dosaku, hilangkanlah kemarahan hatiku dan lepaskanlah aku dari fitnah-fitnah yang menyesatkan.*

Kesembilan: Jika kemarahan itu tidak hilang dengan membaca yang demikian, maka hendaklah seseorang itu duduk jika dia marah dalam keadaan berdiri dan berbaring jika dia marah dalam keadaan sedang duduk dan mendiamkan diri.

Kesepuluh: Apabila seseorang itu sedang marah, sebaik-baiknya hendaklah dia berwuduk kerana air yang disapukan pada anggota wuduk bukan sahaja dapat menjauhkan diri daripada godaan dan hasutan syaitan, ia juga dapat menyejukkan muka dan anggota badan kita yang sedang panas dan marah itu.

Sesungguhnya menjauhkan diri daripada bersifat marah itu boleh mengelakkan berlakunya sifat dengki, dendam, benci, buruk sangka, memendam perasaan tidak baik terhadap seseorang dan bermacam-macam lagi sifat yang dikeji oleh syarak. Agama kita mahukan umatnya bersatu padu, hidup bersaudara, berkasih sayang dan menganjurkan umat Islam untuk menjauhi perpecahan, perselisihan

dan permusuhan yang akhirnya boleh membawa kepada kehancuran. Oleh itu, jauhilah sifat marah, mudah-mudahan dengan demikian kita akan menjadi umat Islam yang bersatu padu, kuat dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Asy-Syura, ayat 37 tafsirnya:

“Dan juga bagi orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan keji dan apabila mereka marah, mereka segera memaafkan.”

Khutbah Jumaat Bulan April 2018

Reda dengan qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala

Keluaran Pelita Brunei 7 April 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita menuntut umatnya agar memiliki sifat-sifat terpuji dan melarang umatnya daripada bersifat keji bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala dalam kitabnya Al-Arba'ain Fii Ussuluddin telah menggariskan 10 sifat mahmudah yakni terpuji itu, iaitu taubat, khauf (takut kepada Allah), mengingati mati, mahabbah (kasih sayang), zuhud (meninggalkan kesenangan dunia), tawakal, ikhlas, syukur, sabar dan reda. Yang dimaksudkan dengan reda itu ialah menerima sesuatu perkara dengan hati yang ikhlas.

Sheikh Abdul Kadir Jailani berkata, seorang Mukmin yang hakiki adalah mereka yang reda kepada apa yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya. Dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah lebih baik daripada ketetapan manusia itu sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 216 tafsirnya:

“Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu pada hal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.”

Reda dengan qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah menerima segala yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh ikhlas, tunduk dan patuh sama ada suka atau duka dengan hati yang tenang dan lapang serta tidak menyangkal akan segala yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke atasnya. Reda itu bukanlah bermaksud seseorang itu tidak berasa sakit

dengan bala bencana akan tetapi seseorang itu tidak menyangkal akan qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah tanda cinta dan mahabbah hamba-hambanya yang benar-benar beriman dan mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya reda itu merupakan lambang ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan orang-orang yang reda itu adalah orang-orang yang terpilih dan akan dibalas oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan dikurniakan Syurga 'Adnin yang di dalamnya terdapat air sungai yang mengalir. Sifat reda hanya dimiliki oleh orang yang beriman dan tidak dimiliki oleh orang-orang munafik kerana orang munafik menentang ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Jika mereka beribadat, maka mereka melakukan ibadat itu bukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi dilakukan hanya kerana terpaksa dan berpura-pura serta menunjuk-menunjuk, bukan benar-benar reda dan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 142 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu mahu memperdayakan Allah (dengan menyatakan yang lain daripada apa yang ada dalam hati mereka) dan Dia (Allah) tetap membalas usaha tipu daya mereka (dengan balasan seksa di akhirat). Dan apabila mereka berdiri untuk menunaikan sembahyang, mereka berdiri dengan (perasaan) malas dengan maksud riak kepada manusia (supaya mereka disangka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah melainkan sedikit sahaja.”

Percaya kepada qada dan qadar adalah salah satu daripada rukun iman yang enam. Adapun yang dimaksudkan dengan qada ialah perkara yang terjadi ke atas manusia seperti suka dan duka, kaya dan miskin. Manakala qadar itu ialah ketetapan dan ketentuan daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas setiap makhluk.

Beriman dengan qada dan qadar termasuklah reda yakni rela menerima ketentuan nasib yang telah ditentukan Allah Subhanahu Wata'ala sama ada berupa nikmat ataupun ujian seperti kesenangan, kesusahan, kekayaan dan kemiskinan. Tetapi

lain halnya dengan manusia yang tidak beriman, kehidupannya tidak seimbang dan tidak tenteram, mereka hanya bersyukur di kala senang atau ketika menerima nikmat tetapi akan berasa kecewa dan tidak sabar ketika diberi ujian Allah Subhanahu Wata'ala seperti kesusahan, menerima musibah atau hajat yang tidak kesampaian atau seumpamanya sedangkan orang yang beriman tetap menerima qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala dengan berlapang dada dan rela hati.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Syuaib ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Betapa ajaibnya orang-orang yang beriman itu. Sesungguhnya semua perkara adalah baik bagi mereka. Dan tiadalah kebaikan itu kecuali bagi Mukmin. Jika memperoleh kegembiraan dia berterima kasih bererti kebaikan baginya dan jika ditimpa kesulitan dia bersabar bererti kebaikan baginya.” (Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya dalam mencapai sesuatu hajat atau cita-cita kita perlulah ada usaha dan ikhtiar. Di samping itu agama kita juga menganjurkan untuk sentiasa memohon doa dan bertawakal atau berserah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Setelah itu, kita hendaklah reda, sama ada hasil yang akan diterima baik ataupun sebaliknya, janganlah berkata sesuatu yang menandakan rasa tidak puas hati dan tidak reda. Jika apa yang kita harapkan tidak tercapai dan belum dikabulkan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: *Jikalau engkau terkena oleh sesuatu musibah, maka janganlah engkau berkata: Andai kata saya mengerjakan begini, tentu akan menjadi begini dan begitu. Tetapi berkatalah: Ini adalah takdir daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya tentu dia melaksanakannya, sebab sesungguhnya ucapan andai kata itu membuka pintu godaan syaitan.*

Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk hamba-hamba-Nya. Oleh itu, segala nikmat dan ujian, sama ada suka ataupun duka, susah

ataupun senang, cepat ataupun lambat, semua itu mempunyai hikmah tersendiri yang mesti disyukuri dan diredai serta diterima dengan hati yang penuh ikhlas. Sesungguhnya jika kita reda terhadap qada dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka kita juga memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Akan tetapi barang siapa yang marah dan tidak menerima akan ketentuan Allah, maka ia akan mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada Anas Radhiallahuanhu ia berkata: *“Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Bila Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji. Barang siapa reda menerima ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Dan barang siapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murka kepadanya.”*

Oleh itu, marilah kita sama-sama membersihkan jiwa dan membetulkan niat kita dengan sentiasa reda dalam apa jua keadaan yang Allah Subhanahu Wata'ala tentukan, janganlah kita terlalu risau tentang dunia, kerana itu adalah urusan Allah, janganlah kita risau tentang rezeki, kerana rezeki itu adalah daripada Allah, janganlah kita risau tentang masa depan, kerana masa depan itu adalah ketetapan Allah akan tetapi apa yang mesti kita risaukan adalah mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Jadilah hamba-hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang benar-benar beriman dan bertakwa, patuh dan tunduk kepada segala perintah dan larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita sentiasa mendapat ketenangan jiwa dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baiyinah, ayat 7 - 8, tafsirnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Ganjaran mereka di sisi Tuhan ialah syurga-syurga ‘Adnin yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pula reda terhadap-Nya. Yang demikian itu ialah (ganjaran) bagi orang yang takut kepada Tuhannya.”*

Sembahyang berjemaah meraih berkat

Keluaran Pelita Brunei 14 April 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bulan Rejab adalah bulan yang mencatatkan sejarah yang sentiasa diingati oleh umat Islam kerana di dalam bulan ini berlakunya peristiwa agung Israk dan Mikraj Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh itu, apabila menjelang 27 Rejab, pada kelazimannya negara kita akan mengadakan majlis-majlis keagamaan dengan tujuan bagi memperingati peristiwa agung tersebut.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan (diperjalankan) dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid Al-Aqsa di Palestin dan kemudian dimikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju Sidratul Muntaha. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1 tafsirnya:

“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya pada malam hari dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Di dalam peristiwa tersebut, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan diperlihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perilaku manusia serta amalan dan balasan-balasan yang bakal mereka terima di akhirat kelak. Di kemuncak peristiwa inilah Allah

Subhanahu Wa'atala telah memfardukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 78 tafsirnya:

“Dirikanlah sembahyang mulai tergelincir matahari hingga sampai gelap malam, dan dirikanlah sembahyang Subuh sesungguhnya sembahyang Subuh itu disaksikan oleh malaikat.”

Ibadah sembahyang adalah tanda ketaatan dan kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan berbagai-bagai kenikmatan dan rahmat. Sesungguhnya ibadat sembahyang adalah ibadat yang utama dan yang mula-mula sekali akan diperhitungkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada hari kiamat kelak. Oleh itu, jika seseorang itu sempurna sembahyangnya nescaya berbahagialah dan beruntunglah dia.

Sebaliknya jika tidak sempurna sembahyangnya maka akan rugi dan menyesallah dia kelak. Apa tah lagi bagi mereka yang sengaja meninggalkan sembahyang hukumnya adalah berdosa besar dan balasan bagi orang yang meninggalkan atau tidak mendirikan sembahyang itu ialah Neraka Saqar. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muddatstsir, ayat 42-43 tafsirnya:

“Mereka berkata: Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar? Orang-orang yang berdosa itu berkata: Kami tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang mendirikan sembahyang.”

Sesungguhnya tuntutan mendirikan sembahyang itu adalah wajib selagi akal fikiran sedar dan waras, sekalipun seseorang itu dalam keadaan sakit atau kurang upaya, tidak ada alasan untuknya meninggalkan sembahyang. Cuma cara mendirikan sembahyangnya sahaja berbeza mengikut keupayaan pesakit itu sendiri sama ada secara berdiri, duduk atau berbaring.

Di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak menyatakan tentang kelebihan sembahyang fardu lima waktu, antaranya:

Pertama: Sembahyang dapat menghindarkan diri seseorang daripada melakukan

kejahatan dan kemungkarannya serta menghapuskan dosa, sebagaimana air menghilangkan kotoran.

Kedua: Sesiapa yang menjaga sembahyang fardu lima waktu dengan sempurna kesuciannya dan menjaga waktu-waktu sembahyang, maka baginya cahaya dan kejayaan pada hari kiamat kelak.

Ketiga: Sembahyang merupakan kunci syurga dan Allah Subhanahu Wata'ala berjanji untuk memasukkan ke syurga hamba-hamba-Nya yang tidak melalaikan atau meringan-ringankan sembahyang fardu lima waktu.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mencontohi Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam semua aspek kehidupan, termasuklah dalam hal mendirikan sembahyang. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah meninggalkan sembahyang fardu lima waktu secara berjemaah walaupun dalam keadaan Baginda sakit. Dalam sirah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sejak Baginda berhijrah ke Madinah, Baginda tidak pernah meninggalkan sembahyang berjemaah sehinggalah Baginda wafat. Malah ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam keadaan sakit tenat, iaitu pada penghujung hayat Baginda, Baginda dipapah oleh para sahabat Radhiallahuanhuma untuk menunaikan sembahyang berjemaah di masjid. Hal ini sememangnya menunjukkan kepada kita betapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ingin mendidik umatnya agar mengambil berat akan ibadat sembahyang fardu secara berjemaah.

Adapun sembahyang berjemaah itu ganjaran pahalanya sangat besar daripada sembahyang seorang diri, iaitu 27 darjat dan mengandungi banyak hikmah seperti dengan mendirikan sembahyang berjemaah di masjid, kita akan dapat mengeratkan silaturahim dan menyatupadukan masyarakat tanpa mengira bangsa, darjat atau keturunan.

Sesungguhnya banyak ganjaran dan kebaikan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang melaksanakan sembahyang fardu secara berjemaah di masjid. Antaranya:

Pertama: Orang yang melangkah menuju ke masjid untuk mendirikan sembahyang berjemaah maka akan diberikan pahala bagi setiap langkah atau perjalanannya, dihapuskan segala dosa dan diangkat darjatnya.

Kedua: Orang yang menunggu di tempat sembahyangnya bagi mendirikan sembahyang berjemaah di masjid adalah dikira sebagai mendirikan sembahyang. Bahkan dalam tempuh tersebut para malaikat akan mendoakan mereka itu supaya mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Dengan mendirikan sembahyang berjemaah di masjid, kita berpeluang meraih pahala iktikaf dengan syarat kita hendaklah memasang niat iktikaf seperti "sahaja aku beriktikaf di masjid ini kerana Allah Ta'ala".

Melihat betapa banyak dan besarnya ganjaran pahala mendirikan sembahyang fardu lima waktu secara berjemaah khususnya di masjid maka alangkah ruginya jika kita tidak merebut peluang untuk memperolehi ganjaran-ganjaran tersebut. Oleh itu, marilah kita memakmurkan masjid-masjid dengan mendirikan sembahyang berjemaah bagi meraih berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan kita semua akan mendapat ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan sekali gus memperolehi rahmat dan terhindar daripada bala bencana. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Thaha, ayat 132 tafsirnya:

"Dan perintahkanlah keluargamu mendirikan sembahyang, dan bersabarlah dalam menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki daripadamu bahkan Kamilah yang mengurniakan rezeki kepadamu dan akibat kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa."

Bulan Syaaban: Persediaan di ambang Ramadan

Keluaran Pelita Brunei 21 April 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita diberi peluang lagi untuk meningkatkan amal ibadat lebih-lebih lagi di bulan Syaaban yang mulia ini. Bulan Syaaban adalah salah satu bulan yang mempunyai keistimewaan kerana dalam bulan ini terdapat satu malam yang dikenali sebagai Nisfu Syaaban. Malam Nisfu Syaaban merupakan salah satu malam yang penuh berkat, rahmat dan doa dimakbulkan.

Berkata Imam As-Syafii dalam kitabnya al-Umm: *“Telah sampai pada kami bahawa dikatakan sesungguhnya doa-doa dikabulkan pada lima malam, iaitu pada malam Jumaat, malam Hari Raya Adha, malam Hari Raya Fitrah, malam pertama di bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban. Oleh itu, hidupkan malam tersebut dengan berzikir, membaca Al-Quran dan lain-lain amalan untuk mendapatkan rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.”*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 tafsirnya:

“Oleh itu ingatlah kepada-Ku dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan, dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan jaganlah kamu kufur akan nikmat-Ku.”

Bulan Syaaban adalah antara bulan yang disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Kerana di dalam bulan inilah, baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperbanyakkan puasa sunat berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi, maksudnya:

“Daripada Aisyah Radhiallahuanha dia telah berkata: *Aku tidak pernah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat baginda berpuasa sunat dalam sebulan lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban.*”

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mencontohi apa yang dilakukan oleh baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan puasa sunat, membaca Al-Quran, berdoa, berzikir, bertaubat, beristighfar, bersedekah dan seumpamanya. Di samping mengerjakan amal ibadat dan kebajikan, ia juga merupakan suatu latihan rohani bagi mempersiapkan diri menyambut dan mengagungkan bulan Ramadan Al-Mubarak.

Bulan Syaaban adalah bulan latihan bagi membiasakan dan mempersiapkan diri bagi menunaikan kewajipan berpuasa dalam bulan Ramadan. Bagi mereka yang sudah biasa berpuasa sunat di bulan Syaaban atau bulan-bulan yang sebelumnya tentu mereka ini berasa mudah dan ringan untuk mengerjakan ibadat puasa di bulan Ramadan. Oleh itu, perlu diingat jika kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum diqada, maka tunaikanlah puasa itu semasa kita masih ada waktu sebelum tibanya bulan Ramadan.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 tafsirnya:

“Dan siapa yang sakit atau dalam musafir, maka bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dengan ketetapan yang demikian itu Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadan, dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur.”

Ketahuiilah perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang bulan Ramadan yang berikutnya adalah berdosa dan diwajibkan ke atasnya mengqada puasa tersebut dan membayar fidyah. Oleh itu, janganlah dilengah-lengahkan lagi qada puasa sehingga datangnya Ramadan yang baharu.

Melihat betapa besarnya kelebihan dan keistimewaan yang terdapat di bulan Syaaban ini, maka sewajarnya kita merebut peluang ini dengan sebaik-baiknya, jangan kerana sibuk dengan urusan duniawi seperti kerja pejabat, sekolah, keluarga dan sebagainya, menyebabkan kita lalai dan leka sehingga tidak berpeluang merebut keistimewaan di bulan Syaaban ini.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan amal ibadat dan kebajikan di bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Surah Al-Kahfi, ayat 30 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya.”

Pentingnya ilmu pengetahuan

Keluaran Pelita Brunei 28 April 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan hamba-hamba-Nya untuk menuntut ilmu. Ilmu adalah kunci kejayaan untuk mencapai keselamatan, kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Kita adalah digalakkan untuk menuntut ilmu kerana ilmu itu adalah cahaya dan hidayah yang menerangi kehidupan manusia dari kegelapan dan kejahilan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 18 tafsirnya:

“Allah menerangkan kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil dan bukti bahawa tiada Tuhan berhak disembah melainkan Dia, yang mentadbir seluruh alam dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang-orang yang berilmu berikrar dan mengakui juga bahawa tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Perkasa lagi Bijaksana.”

Imam As-Syafii Rahimahullahu Ta'ala mengenai perkara menuntut ilmu ini telah berkata dalam wasiatnya: *“Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia akan menjaga kamu dan membuat kamu cemerlang di dunia dan di akhirat. Ilmu yang sebenar-benarnya adalah ilmu yang mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.”*

Agama Islam amat menggalakkan dan menganjurkan umatnya supaya menerapkan ilmu agama kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi. Ibu bapa bertanggungjawab menjaga amanah Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sebaik-baiknya dengan memberikan anak-anak mereka pendidikan yang sempurna dan seimbang, iaitu duniawi dan ukhrawi bagi membentuk jati diri yang mantap dan

Muslim yang sejati dan sebenar.

Sesungguhnya tanpa ilmu pengetahuan, hidup manusia akan berada di dalam kegelapan. Tanpa ilmu, kehidupan manusia tidak akan maju dan tanpanya juga manusia tidak dapat membezakan antara kebenaran dengan kebatilan. Dengan ilmu sahajalah seseorang akan terselamat daripada tipu daya syaitan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 269 tafsirnya:

“Dia (Allah) memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya dia telah diberikan kebajikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikir dan memahaminya.”

Sesungguhnya kita diwajibkan menuntut ilmu kerana ganjaran dan kelebihanannya adalah sangat besar, antaranya:

Pertama: Dipermudahkan jalan menuju ke syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan memudahkan baginya suatu jalan untuk ke syurga.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Kedua: Dalam Syarah Hadis Empat Puluh karangan Imam An-Nawawi bahawa barang siapa beramal dengan apa yang diketahuinya, Allah akan mewarisi untuknya ilmu yang tidak diketahuinya.

Ketiga: Orang yang berilmu pengetahuan dipandang tinggi oleh masyarakat dan orang yang memiliki ilmu juga sangatlah beruntung kerana ilmu itu adalah jiwa dan harta yang tidak akan hilang dan habis.

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

sangat mementingkan mengenai hal ehwal pendidikan di negara ini. Kejayaan dan kemajuan negara di masa hadapan sangat bergantung kepada keupayaan pendidikan untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi.

Ke arah itu dan juga sebagaimana strategi pendidikan Wawasan Negara 2035, Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Programme for International Student Assessment - PISA) sebagai salah satu program untuk mengukur kompetensi pelajar dalam pengetahuan dan kemahiran berfikir. Dengan penanda aras antarabangsa seperti PISA, insyaaAllah akan dapat membantu mengenal pasti peluang-peluang dalam mencapai kejayaan pendidikan dan juga sebagai pemacu ke arah usaha pembaharuan dan pembangunan pendidikan.

Penyertaan Brunei Darussalam dalam PISA 2018 adalah selaras dengan hasrat Wawasan Negara 2035, iaitu melahirkan warga negara yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi dan akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sumber manusia yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun tinggi.

Sesungguhnya ilmu pengetahuan itu sangat berharga dan ilmu itu tidak akan diperolehi jika tidak dicari dan dipelajari. Oleh itu, semua orang perlu berusaha mencari dan menuntut ilmu sebanyak mungkin dan terus meningkatkannya dari semasa ke semasa. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga kita tergolong daripada kalangan orang-orang yang sentiasa ditambahkan ilmu pengetahuan, mempunyai fahaman para Nabi, ilmu hafazan para Rasul, mempunyai ilham para malaikat dan memperolehi keafiatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya akan mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Thaha, ayat 114 tafsirnya:

“Maka Maha Tinggi Allah yang menguasai lagi Maha Benar. Dan janganlah engkau (wahai Nabi Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai diwahyukan kepadamu dan berdoalah: Ya Tuhanku! Tambahilah aku ilmu.”

Khutbah Jumaat Bulan Mei 2018

Membentuk keluarga bahagia dan harmoni

Keluaran Pelita Brunei 5 Mei 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Keluarga adalah institusi terpenting bagi sesebuah masyarakat kerana dari sebuah keluarga akan lahir individu yang menjadi harapan kepada kejayaan bangsa dan negara. Setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab masing-masing yang wajib dipikul dan ditunaikan kerana ia adalah amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam sesebuah keluarga, suami adalah pemimpin atau ketua keluarga yang memikul amanah dan tanggungjawab yang sangat besar yang tidak boleh diabaikan iaitu menjaga isteri dan anak-anak supaya mereka beroleh kebahagiaan, keselamatan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 34 yang tafsirnya:

“Laki-laki adalah pemimpin terhadap kaum perempuan kerana Allah telah melebihkan laki-laki dengan beberapa keistimewaan atas kaum perempuan, dan juga kerana laki-laki memberi nafkah dari harta mereka”.

Selain itu, isteri pula bertanggungjawab menjaga rumah tangga, membantu suami, mendidik anak-anak dan bekerjasama dalam usaha mewujudkan rumah tangga yang bahagia dan harmoni berlandaskan ajaran Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Umar ia berkata, Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Seseorang lelaki adalah pemimpin dalam urusan keluarganya, dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya. Seseorang isteri adalah pemimpin dalam mengurus rumah tangga

suaminya, dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya.”
(Riwayat Imam Al-Bukhari)

Suami adalah orang yang berperanan penting dan bertanggungjawab dalam memberikan bimbingan, pimpinan serta didikan kepada isteri, anak-anak dan keluarga agar mereka menjadi golongan orang yang beriman, bertakwa dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Pasangan suami dan isteri hendaklah berusaha membina sebuah keluarga yang sakinah, mawwadah, warrahmah dengannya akan terbuktilah tanda kekuasaan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 21 tafsirnya:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya bahawa Dia menciptakan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa senang kepadanya dan dijadikan-Nya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan rahmat (belas kasihan). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir”.

Ketahuilah dalam mewujudkan keluarga bahagia, baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh teladan yang baik untuk diikuti sebagai seseorang pemimpin yang amat bertanggungjawab, pengasih dan penyayang.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 tafsirnya:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap keredaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

Dalam menghadapi cabaran hidup yang serba moden dengan pengaruh-pengaruh negatif melalui media sosial, maka didikan agama adalah sangat penting dalam sesebuah keluarga sebagai benteng dari pengaruh tersebut. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan As-Sunah yang dibina atas dasar takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibu bapa bertanggungjawab

memastikan akhlak dan akidah (kepercayaan) anak-anak tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 13 yang tafsirnya:

“Dan ingatlah ketika Lukman berkata kepada anaknya semasa dia memberi pengajaran kepadanya: Wahai anak ku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

Sesungguhnya keluarga yang tidak dibentuk berlandaskan ajaran agama Islam boleh mengundang berbagai-bagai masalah antaranya seperti berlaku penganiayaan, penyelewengan, masalah akhlak dan sosial. Berdasarkan maklumat dari Unit Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, antara penyelewengan dan masalah sosial itu ialah seperti pencabulan dan penderaan terhadap ahli keluarga termasuk kanak-kanak, remaja lari dari rumah, salah perlakuan anak-anak di luar rumah dan jenayah dalam kalangan anak-anak. Oleh yang demikian, kita mestilah berusaha sedaya upaya mengelakkan daripada perkara itu terjadi dan bentuklah keluarga yang bahagia, harmoni dan berjaya sepanjang masa dengan berpandukan ajaran agama Islam yang sebenar.

Antara cara yang perlu kita lakukan adalah seperti berikut:

Pertama: Menanamkan keimanan yang kukuh dan nilai-nilai Islam dalam keluarga. Dengan iman dan amal yang kukuh akan menghasilkan sifat bertanggungjawab dalam diri untuk melakukan kebaikan di samping menanamkan sikap berwaspada agar tidak terjerumus dengan perkara dosa dan maksiat.

Kedua: Ibu bapa hendaklah sedar dan memahami akan tanggungjawabnya sendiri kerana ia adalah amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Berikanlah nasihat dan sokongan secara berhikmah dan tanamkanlah sikap saling hormat-menghormati sesama keluarga. Elakkan penggunaan kata-

kata yang kesat, dengarlah keluhan dan pandangan anak-anak agar mereka berasa dihargai dan disayangi.

Akhirnya, marilah kita berdoa semoga kita tergolong dalam keluarga yang beriman, beramal dan bertakwa iaitu keluarga yang sentiasa harmoni dan bahagia serta selamat di dunia dan di akhirat serta sentiasa mendapat rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Furqan, ayat 74 tafsirnya:

“Dan juga mereka yang diredai Allah itu ialah orang-orang yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat dan keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan menjadikan kami ikutan bagi orang-orang yang bertakwa.”

Persediaan menjelang Ramadan Al-Mubarak

Keluaran Pelita Brunei 12 Mei 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat umur yang panjang, dengannya kita diberi peluang akan dipertemukan lagi dengan bulan yang mulia, bulan yang penuh rahmat, bulan keampunan dan bulan yang dirindui oleh semua umat Islam, iaitu bulan Ramadan Al-Mubarak. Pada bulan Ramadan kita diwajibkan untuk menyempurnakan salah satu dari rukun Islam yang lima, iaitu berpuasa di bulan Ramadan. Yang dimaksudkan dengan puasa itu ialah menahan diri daripada makan minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai dari terbit fajar sadiq hingga masuk matahari dengan niat dan syarat-syarat yang tertentu.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Baqarah, ayat 183 yang tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa.”

Di samping kita menunaikan ibadat puasa, kita berpeluang untuk meningkatkan amal ibadat bagi meraih pahala yang berlipat ganda berbeza dari bulan-bulan yang lain. Antara amal ibadat yang perlu kita lakukan di bulan yang mulia ini adalah:

Pertama: Menambah amal ibadat, iaitu memperbanyakkan sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, bersembahyang fardu berjemaah di masjid, qiamullail dan seumpamanya.

Kedua: Mendalami ilmu agama, khususnya dalam perkara ibadah puasa seperti hukum-hukum puasa dan adab-adabnya. Antara adab-adab tersebut adalah seperti menjaga diri dari melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika berpuasa seperti menjaga pandangan, pendengaran, percakapan, perbuatan daripada perkara-perkara yang diharamkan dan sia-sia. Begitu juga menahan perut daripada makan makanan dan minuman yang syubhah apatah lagi yang haram, terutamanya ketika berbuka puasa dan bersahur.

Ketiga: Memperbanyakkan amal kebajikan, bersedekah dan seumpamanya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang paling suka bersedekah dan dermawan di dalam bulan Ramadan. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Abbas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah orang yang paling dermawan. Dan baginda lebih dermawan lagi di bulan Ramadan di saat baginda bertemu Jibril. Jibril menemuinya setiap malam di bulan Ramadan untuk mengajarkan Al-Quran. Kedermawanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melebihi angin yang berhembus.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Bulan Ramadan adalah bulan latihan bagi mengawal hawa nafsu, seperti nafsu amarah (nafsu yang cenderung kepada perkara mungkar dan kejahatan), nafsu syahwat, nafsu makan dan seumpamanya. Memang tidak dapat dinafikan apabila dalam keadaan lapar atau perut kosong, nafsu makan kita akan semakin meningkat, perkara ini jika tidak dikawal boleh menyebabkan kita lalai dan leka dalam membeli dan menyediakan juadah untuk berbuka puasa atau bersungklai sehingga berlakunya pembaziran.

Ingatlah, sebagai umat Islam tujuan kita berpuasa, di samping menunaikan tuntutan agama, puasa juga adalah sebagai benteng daripada melakukan perkara mungkar dan ia adalah merupakan latihan rohani dan jasmani. Oleh itu, tunaikanlah ibadat puasa berpandukan ajaran agama Islam yang sebenar. Janganlah kita berpuasa dengan hanya sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja. Tetapi buatlah amal kebajikan atau ibadat sunat yang lain. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu berkata Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Berapa banyak orang yang berpuasa tidak ada baginya dari puasanya melainkan lapar dan berapa banyak orang yang bangun beribadat pada malam hari tidak ada baginya dari bangun malamnya kecuali berjaga malam.”

Dalam kita menunaikan ibadat puasa, antara perkara penting yang perlu kita jaga adalah kesihatan tubuh badan. Ini kerana, dengan badan yang sihat akan memudahkan kita menjalani ibadat puasa dan ibadat-ibadat yang lain dengan baik, lancar, khusyuk dan tawaduk seperti Solat Sunat Tarawih, qiamullail, beriktikaf, membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya. Antara perkara-perkara kesihatan yang perlu diambil berat semasa di bulan Ramadan ialah:

Pertama: Memilih dan menyediakan makanan daripada sumber yang halal dan bersih.

Kedua: Mengamalkan makanan yang seimbang dan bersederhana. Membanyakkan minum air putih dan disunatkan bersahur bagi mendapatkan keberkatan dan tenaga di siang hari.

Ketiga: Berpuasa merupakan satu latihan yang amat berfaedah seperti latihan mengatasi tabiat merokok dan perokok-perokok boleh mengambil kesempatan di bulan Ramadan ini untuk berazam berhenti merokok. Agama kita melarang keras umatnya dari melakukan apa jua perkara yang boleh membinasakan diri. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 yang tafsirnya:

“Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumus diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Menjelang 1 Ramadan ini, marilah kita sama-sama membuat persediaan dengan sebaik-baiknya, sama ada dari segi rohani mahupun jasmani. Ambillah peluang dengan melipatgandakan amal ibadat dan mengamalkan cara hidup yang sihat. Isilah ruang dan masa yang ada pada bulan Ramadan ini nanti dengan melakukan

perkara-perkara kebajikan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mempertemukan kita dengan bulan Ramadan yang bakal menjelang beberapa hari sahaja lagi. Mudah-mudahan dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan dan melipatgandakan amal ibadat dengan sempurna dan diterima serta mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Nahl, ayat 97 tafsirnya:

“Siapa yang mengerjakan amalan soleh sama ada lelaki atau perempuan sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan.”

Manfaatkan bulan Ramadan dengan ibadah

Keluaran Pelita Brunei 19 Mei 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana mendapat peluang pada tahun ini untuk bertemu lagi di bulan Ramadan, iaitu bulan yang penuh keberkatan, keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Di bulan inilah kita berpeluang untuk melipatgandakan amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala khasnya amalan-amalan sunat. Alangkah beruntungnya orang yang merebut peluang yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bulan ini dan sangat rugilah bagi mereka yang mensia-siakannya.

Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu berkata:

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *Setiap amalan kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam akan dilipatgandakan dengan sepuluh kebaikan hingga tujuh ratus kali ganda. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya: "Kecuali amalan puasa. Amalan puasa tersebut adalah untuk-Ku, Aku sendiri yang akan membalasnya. Disebabkan dia telah meninggalkan syahwat dan makanan kerana-Ku. Bagi orang yang berpuasa akan mendapatkan dua kebahagiaan, iaitu ketika dia berbuka dan ketika berjumpa dengan Tuhannya. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi."* (Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk mendidik jiwa dan rohani kita ke arah kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Di bulan ini, kita bukan sahaja diperintahkan untuk menahan diri

daripada lapar dan dahaga, akan tetapi diperintahkan juga untuk mengawal diri dan hawa nafsu kita. Oleh yang demikian, antara tarbiah dan didikan tersebut ialah kita digalakkan untuk memperbanyakkan amalan-amalan sunat di sepanjang bulan Ramadan, iaitu:

Pertama: Bersahur: Ulama sepakat mengatakan bahawa hukum makan sahur adalah sunat. Sunat juga mengakhirkan sahur kira-kira bacaan 50 ayat Al-Quran sebelum azan fardu Subuh berkumandang. Ketahuilah, menurut Imam An-Nawawi bahawa sahur bukan sahaja memberikan tenaga untuk kita berpuasa di siang hari, malah ia juga mengandungi keberkatan, waktu turunnya rahmat dan waktu dimakbulkan doa.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu, bahawasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Makan sahurlah sekalian kamu kerana bahawasanya pada sahur itu ada padanya berkat.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Kedua: Bersedekah: Perbanyakkanlah amalan bersedekah kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang paling banyak bersedekah lebih-lebih lagi di bulan Ramadan, tidak kira sedikit atau banyak, kecil ataupun besar, apa yang penting adalah keikhlasan itu sendiri. Apatah lagi di bulan Ramadan ini adalah peluang kita untuk meningkatkan usaha membantu dan meringankan beban mereka yang berhajat dan memerlukan bantuan.

Ketiga: Sembahyang Sunat Tarawih: Marilah kita merebut pahala yang berlipat ganda melalui Sembahyang Sunat Tarawih berjemaah lebih-lebih lagi di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat bagi sama-sama memakmurkan masjid-masjid dan menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala daripada Allah, akan diampunkan dosanya yang terdahulu.”

Keempat: Membaca Al-Quran: Bulan Ramadan merupakan bulan Al-Quran. Oleh itu, perbanyakkanlah membaca Al-Quran di bulan ini seperti bertadarus sama ada di pejabat, rumah mahupun di masjid-masjid.

Kelima: Amalan menyungkaikan atau memberi makan untuk orang yang berbuka puasa adalah sangat digalakkan dan mempunyai ganjaran yang sangat istimewa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Zaid bin Khalidil Jahni Radhiallahuanhu berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Siapa memberi makan orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut, tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun juga.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi)

Bulan Ramadan adalah kesempatan yang terbaik bagi kita untuk memperbaiki dan meningkatkan diri dari sudut ibadat dengan tujuan untuk lebih mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Oleh itu, menjadi kerugian yang sangat besar jika sekiranya di bulan ini kita hanya sekadar berpuasa di siang hari tanpa melakukan amal ibadat yang lain. Ini bererti, kita telah melepaskan peluang untuk memperbaiki diri, meningkatkan amalan, melatih diri untuk bersedekah dan seumpamanya. Oleh itu, kita manfaatkan bulan Ramadan ini dengan ibadat dan menjadikannya sebagai dorongan yang membawa kepada perubahan yang besar dalam diri kita dan keluarga sehingga mampu mendidik hati dan jiwa kita semua supaya sentiasa patuh mengerjakan segala yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Mudah-mudahan ibadat puasa yang kita kerjakan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima dan mendapat ganjaran serta keredaan daripada Allah Subhanahu Wata’ala dan semoga kita tidak tergolong dalam golongan yang berpuasa yang hanya mendapat lapar dan dahaga sahaja. Sama-samalah kita berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata’ala, mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata’ala meluaskan rahmat dan memberi keampunan kepada kita semua. Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, Engkau

mencintai orang yang meminta keampunan, maka ampunilah kami, kedua ibu bapa kami, anak-anak kami dan sekalian umat Islam. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Isra’, ayat 19 tafsirnya:

“Dan sesiapa yang menghendaki (kebahagiaan hidup) akhirat dan berusaha (mengerjakan amal kebajikan) untuk tujuan itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang ia beriman, maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala).”

Adab menziarahi tanah perkuburan

Keluaran Pelita Brunei 26 Mei 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat. Dan khasnya dalam bulan Ramadan ini, bulan mulia dengan peluang-peluang yang disediakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi kita beramal ibadah dan amal khairat untuk meraih pahala yang berganda sambil memohon ampunan dan reda Allah Subhanahu Wata'ala. Kerana itu, di samping kita menunaikan kewajipan ibadat puasa, kita tingkatkan lagi amal ibadat kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana segala amal ibadat yang dikerjakan di bulan ini dijanjikan dengan ganjaran yang berlipat ganda, maka kita rebutlah peluang ini dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran, berzikir, berdoa, beristighfar, bersedekah dan sebagainya.

Di bulan Ramadan yang mubarak ini, ramai di kalangan kita mengambil kesempatan menziarahi tanah perkuburan. Amalan menziarahi kubur adalah amalan yang mulia lazim dilakukan di negara ini. Amalan tersebut semakin bertambah bila tibanya Ramadan dan di pagi Hari Raya Aidilfitri.

Menziarahi tanah perkuburan merupakan satu amalan yang dituntut oleh syarak dan ia adalah satu jalan yang paling berkesan untuk menimbulkan rasa zuhud, iaitu meninggalkan keseronokan dunia dan mengingati akan kematian. Ingatlah, kehidupan di dunia ini hanyalah sementara, akhirat jugalah yang kekal abadi. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, maksudnya:

“Daripada Ibnu Mas’ud Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Pada mulanya aku melarang kamu menziarahi kubur, kini bolehlah kamu menziarahinya kerana sesungguhnya menziarahi kubur itu boleh menzuhudkan (menjadikan hidup tidak dikuasai oleh kemewahan dan

keseronokan di dunia) dan mengingati akhirat.”

Menziarahi kubur juga adalah salah satu cara untuk kita mendoakan orang yang telah meninggal dunia sama ada kepada kedua ibu bapa, anak-anak, saudara-mara dan Muslimin-Muslimat yang telah kembali ke rahmatullah agar mereka sentiasa dilimpahi rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Apabila seseorang manusia itu mati, akan terputuslah daripadanya segala amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah yang berterusan manfaatnya, ilmu yang dimanfaatkan, atau anak yang soleh yang mendoakan baginya.”

Sebagai umat Islam kita hendaklah mematuhi dan menjaga adab-adab ketika menziarahi kubur. Antaranya:

Pertama: Sebelum menziarahi kubur, disunatkan kita berwuduk, memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat.

Kedua: Apabila kita sampai ke tanah perkuburan, disunatkan kita memberi salam kepada ahli atau penghuni kubur dengan iringan doa, antaranya:

“Assalamualaikum sekalian saudara-saudara penghuni kubur! Mudah-mudahan Allah melimpahkan kesejahteraan kepada kamu saudara-saudara sekalian. Sesungguhnya kami insyaaAllah akan menyusuli kamu, kami memohon kepada Allah untuk kita semua yang masih hidup dan yang sudah kembali ke rahmatullah akan beroleh kesejahteraan.”

Ketiga: Tidak berbual dengan percakapan kosong yang tidak berfaedah semasa berada di tanah perkuburan.

Keempat: Haram melakukan perkara khurafat yang menjejaskan akidah seperti mencium kubur, mengusap-usap tanah perkuburan dengan harapan semoga memperoleh berkat dan sebagainya.

Kelima: Sunat duduk menghadap ke arah mukanya serta membaca ayat suci Al-Quran seperti membaca Surah Al-Ikhlâs atau membaca Surah Yâsin dan menghadiahkan pahala kepada ahli kubur tersebut.

Keenam: Sunat menghadap kiblat ketika berdoa semoga Allah mengampuni dosa dan melimpahkan rahmat ke atas roh ahli kubur.

Seerti lazimnya di negara kita, amalan bersedekah selalu dilakukan selepas ziarah kubur, amalan ini sememangnya amalan yang baik dan terpuji kerana amalan bersedekah adalah antara Sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan diniatkan kepada ahli kubur agar pahalanya akan sampai kepada penghuni kubur tersebut. Walau bagaimanapun, janganlah dijadikan bersedekah di kubur itu suatu kewajipan atau kemestian sehingga membebankan diri sendiri.

Setelah itu disunatkan pula menjirus air dan meletakkan pelapah yang masih hijau serta tumbuh-tumbuhan wangi yang masih basah di atas kubur. Semasa berada di tanah perkuburan, kita dilarang memijak kubur dengan sengaja tanpa keperluan atau hajat, tetapi tidaklah menjadi kesalahan jika tiada jalan lain dan terpaksa melaluinya. Makruh hukumnya jika kita duduk di atas kubur yakni bertepatan dengan kedudukan mayat di dalam kubur. Tetapi tidaklah dilarang jika duduk di sekitar atau di sekeliling kubur tersebut.

Sesungguhnya amalan menziarahi kubur mempunyai tujuan dan hikmahnya tersendiri, antaranya adalah supaya dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebab mengikuti Sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selain itu, ziarah kubur juga dapat mengingatkan kepada kita asal usul kejadian kita yang berasal daripada tanah dan kepada tanah juga kita akan dikembalikan. Dengan penghayatan sedemikian, insyaaAllah, akan menggamit rasa hati dan kesedihan yang akan melahirkan kesedaran untuk melakukan segala suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mempersiapkan bekal untuk menghadapi kematian dan persiapan menuju ke alam barzakh kerana kita tidak mengetahui apakah nasib kita setelah berada di dalamnya. Oleh itu, tingkatkanlah amal ibadat, carilah keredaan-Nya agar kita mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Mudah-mudahan kesan dari amalan ziarah kubur yang kita lakukan itu dapat memberi keinsafan dan kesedaran kepada kita untuk mengingati akan kematian dan sentiasa bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga ahli kubur dan kita semua mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat ketenteraman serta terhindar dari seksa kubur dan azab api neraka. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Jumu'ah, ayat 8 tafsirnya:

“Katakanlah sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya itu tetap akan menemui kamu juga, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Maha Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia akan memberitahu kamu tentang apa yang kamu telah kerjakan.”

Khutbah Jumaat Bulan Jun 2018

Kelebihan Al-Quran dan Lailatulqadar

Keluaran pelita Brunei 2 Jun 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bulan Ramadan adalah bulan yang sangat tinggi darjatnya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan dalam bulan yang penuh rahmat dan keberkatan inilah, turunnya kitab suci Al-Quran. Al-Quran adalah mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Al-Quran adalah satu-satunya kitab yang terpelihara akan kesucian isi kandungan di dalamnya dan tidak ada siapa yang mampu untuk merubah isi kandungan di dalamnya walau sedikit pun. Sebagai umat Islam, kita hendaklah mengagungkan dan memuliakan Al-Quran dengan menjaga kesuciannya, membacanya, menghafaznya serta mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya bagi memperolehi ganjaran, rahmat dan syafaat (pertolongan) pada hari akhirat kelak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Ummamah al-Bahili Radhiallahuanhu berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang pada hari kiamat memberi syafaat (pertolongan) kepada pembacanya.” (Riwayat Imam Muslim)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak menyebut di dalam hadis-hadis baginda mengenai kelebihan orang yang membaca Al-Quran, antaranya:

Pertama: Orang yang membaca Al-Quran hatinya dikurniakan cahaya oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dipelihara daripada kegelapan.

Kedua: Memperolehi kemuliaan dan ibu bapanya diberi rahmat.

Ketiga: Memperolehi kedudukan yang tinggi di dalam Syurga.

Keempat: Diberi ketenangan dan kewaspadaan.

Kelima: Terlepas daripada kesusahan-kesusahan di hari kiamat.

Keenam: Memperolehi pahala yang banyak kerana satu huruf Al-Quran yang dibaca mendapat sepuluh pahala, bayangkan jika membaca satu muka surat tentu pahalanya semakin banyak, apatah lagi di bulan Ramadan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi, daripada Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *“Barang siapa membaca satu huruf daripada kitab Allah (Al-Quran), maka baginya satu kebajikan, dan satu kebajikan menyamai dengan sepuluh. Aku tidak mengatakan Alif, Lam, Mim itu satu huruf tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.”*

Namun semua ini tidak akan dapat kita perolehi jika kita tidak berusaha untuk mendapatkannya dan perlu diingat membaca Al-Quran hendaklah dengan tujuan yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala, bukan untuk menunjuk-nunjuk dan riak. Oleh yang demikian, ambillah peluang di bulan Ramadan ini untuk meraih pahala membaca Al-Quran walau sesibuk manapun kita dengan urusan kerja, rakan atau keluarga. Janganlah sesekali kita lupa atau tidak meluangkan masa untuk membaca Al-Quran walaupun membaca Al-Quran sekadar beberapa ayat di dalam sehari.

Di bulan Ramadan ini juga terdapat satu malam istimewa yang penuh keberkatan dan mempunyai banyak keistimewaan, iaitu Lailatulqadar. Pada malam tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan keberkatan, kerahmatan, keampunan dan kemuliaan kepada hamba-hambanya yang beribadat dengan penuh khusyuk, ikhlas dan mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam baginda bersabda: *“Barang siapa mengerjakan ibadat di malam Lailatulqadar kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharapkan keredaan-Nya nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu.”*

Sesungguhnya kita tidak mengetahui bilakah berlakunya Lailatulqadar itu?

Antara hikmah dirahsiakan waktu tersebut adalah untuk kita berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk beribadat pada setiap malam di bulan Ramadan agar dapat bertemu dengan Lailatulqadar dan tidak hanya beribadat pada malam tertentu sahaja. Menurut pendapat yang sahih, malam atau masa Lailatulqadar adalah pada malam-malam ganjil di sepuluh hari terakhir di bulan Ramadan. Pada kebiasaannya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebaik sahaja memasuki malam Ke-21 Ramadan, baginda melakukan beberapa amalan seperti menghidupkan malam tersebut dengan beribadat, membangunkan ahli keluarga baginda untuk bersembahyang, beriktikaf di dalam masjid dan mandi antara Maghrib dan Isyak serta memakai pakaian yang bersih.

Ketahuilah, antara alamat atau tanda-tanda berlakunya Lailatulqadar ialah terjadinya keheningan dan terang tanpa suara yang kedengaran. Malam tersebut tidak panas dan tidak sejuk (sederhana) dan angin tidak bertiup. Segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi sujud kepada Allah Subhanu Wata'ala. Pada pagi harinya cahaya matahari lembut dan teduh. Bagi orang yang menjumpai Lailatulqadar, dia akan berasa meremang bulu roma dan kedua belah matanya berair. Jika seseorang ditakdirkan bertemu dengan malam tersebut maka hendaklah dia memperbanyakkan memohon doa meminta diselamatkan di dunia dan di akhirat.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi, daripada 'Aisyah Radhiallahuanha katanya: Aku pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Wahai Rasulullah! Bagaimana jika aku mengetahui akan malam Lailatulqadar itu dengan tepat, apakah doa yang patut aku baca? baginda menjawab: Katakanlah oleh mu:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

Ertinya: “Ya Allah! Sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf dan menyukai

kemaafan, oleh kerana itu maafkanlah aku.”

Memandangkan betapa besarnya ganjaran Lailatulqadar, maka rebutlah peluang untuk meningkatkan lagi amal ibadat terutama sekali di sepuluh malam terakhir di bulan Ramadan. Lailatulqadar yang datang hanya sekali dalam setahun sewajarnya kita manfaatkan dengan meningkatkan amal ibadat di dalamnya. Semoga segala amal ibadat yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan seterusnya akan mendapat keberkatan, rahmat dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Qadr, ayat 1 – 5 tafsirnya:

“Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu penuh kesejahteraan hingga terbit fajar.”

Menyambut kedatangan Syawal

Keluaran Pelita Brunei 9 Jun 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sekarang kita telah pun berada di penghujung bulan Ramadan dan pada ketika ini kebiasaannya kita sering dilalaikan dengan persiapan untuk menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri daripada merebut peluang beramal ibadah di penghujung bulan ini. Hal ini perlu dielakkan kerana dikhuatiri kita akan terlepas daripada memperolehi ganjaran yang berlipat ganda di sepuluh hari terakhir di bulan Ramadan yang hanya datang sekali dalam setahun. Maka penuhilah sepuluh hari terakhir ini dengan memperbanyakkan amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beriktikaf, bersembahyang Tahajjud, membaca Al-Quran, bersedekah, berwakaf dan sebagainya.

Dengan berakhirnya bulan Ramadan bererti umat Islam akan meraikan dan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Inilah hari kemenangan dan kejayaan bagi umat Islam yang berjaya melaksanakan ibadah puasa, di samping kejayaan mengharungi perjuangan melawan hawa nafsu. Dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri, kita perlulah mengamalkan kesederhanaan dan mengelakkan pembaziran. Ingatlah, walaupun Aidilfitri cuma disambut setahun sekali namun wang yang ada juga perlu disimpan atau ditabung untuk kegunaan perbelanjaan dan keperluan yang akan datang. Sambutlah Aidilfitri secara sederhana, bijaksana dan berhemah, jangan boros atau berbelanja lebih dari kemampuan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 26 – 27 afsirnya:

“Dan berikanlah kepada kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus

perbelanjaannya, iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-nya.”

Sesungguhnya tujuan utama Hari Raya Aidilfitri adalah untuk meraikan kejayaan umat Islam yang telah melaksanakan ibadah puasa dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Kerana itu sambutan yang dilakukan juga biarlah mengikut ajaran Islam, seperti:

Pertama: Pada malam hari raya pertama kita disunatkan menghidupkan malam tersebut dengan laungan takbir, bacaan Al-Quran, berzikir, berdoa dan sebagainya. Bukan meraikan malam tersebut dengan perkara-perkara yang membahayakan dan memudaratkan apatah lagi perkara yang mengganggu ketenteraman orang lain dan elakkanlah membuat persiapan di saat-saat terakhir sehingga larut malam menyebabkan keesokan harinya ada yang tidak sempat menunaikan Sembahyang Fardu Subuh dan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri kerana tidak terjaga dan keletihan.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 tafirisnya:

“Dan mengagungkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur.”

Kedua: Pada pagi hari raya pula, kita disunatkan mandi dengan niat mandi sunat Aidilfitri, kita juga disunatkan memakai bau-bauan yang harum, membersihkan diri dengan bergunting rambut, memotong kuku serta memakai pakaian yang paling elok kerana hari tersebut merupakan hari untuk berhias-hias dan berelok-elok.

Sebelum ke masjid untuk bersembahyang hari raya pula, kita disunatkan memakan buah kurma dengan bilangan yang ganjil, inilah yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum ke masjid untuk bersembahyang

hari raya.

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Anas bin Malik berkata maksudnya: *“Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak keluar pada waktu pagi Hari Raya Fitrah sehingga baginda makan (terlebih dahulu) beberapa biji tamar dan baginda memakannya dalam bilangan ganjil.”*

Ketiga: Menunaikan sembahyang sunat hari raya, ia adalah perkara yang paling penting dan utama daripada perkara-perkara sunat yang lain dalam kita menyambut hari raya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Al-Barraie ia berkata:

Maksudnya: *“Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkhotbah, sesungguhnya yang awal-awal sekali kita mulakan pada hari ini (hari raya) ialah sembahyang.”*

Keempat: Disunatkan mendoakan dan mengucapkan tahniah antara satu sama lain seperti mengucapkan: *تَقَبَّلَ اللهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ.* maksudnya: *“Semoga Allah menerima daripada kita dan menerimanya daripada kamu.”*

Semasa membuat persiapan berhari raya, janganlah kita lalai dan leka kerana pada waktu inilah kita sewajarnya merebut peluang untuk meningkatkan lagi amal ibadah. Selain itu, janganlah lupa membayar zakat fitrah untuk diri sendiri dan tanggungan. Ketahuilah waktu harus bagi menunaikan zakat fitrah adalah bermula dari awal bulan Ramadan, walaupun membayar zakat fitrah sunat dilakukan selepas sembahyang fardu Subuh pada hari raya hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya tetapi janganlah sampai hanya kerana mengejar fadilat waktu sunat, tuntutan membayar kewajipan zakat fitrah itu pula terlepas disebabkan lupa atau tidak sempat kerana waktu yang sangat terhad.

Marilah kita sama-sama meraikan hari kemenangan, iaitu Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Dan janganlah kita mencemari sambutan Aidilfitri dengan perkara-perkara dosa dan maksiat setelah sebulan kita berpuasa. Mudah-mudahan ibadah

puasa dan segala amal ibadah yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan kita semua mendapat berkat dan rahmat serta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Sama-samalah kita berdoa Ya Allah! Janganlah engkau jadikan puasa ini sebagai puasa yang terakhir dalam hidup kami. Seandainya Engkau menetapkan yang sebaliknya, maka jadikanlah puasa kami ini sebagai puasa yang dirahmati, bukan puasa yang sia-sia. Demikian juga, dengan rahmat-Mu golongkanlah kami ke dalam orang-orang yang mendapatkan keutamaan Lailatulqadar. Malam yang telah Engkau tetapkan lebih baik dari seribu bulan. Semoga perpisahan kami dengan bulan Ramadan ini bukanlah perpisahan untuk selamanya dan bukan juga pertemuan terakhir kami. Semoga kami dapat kembali bertemu pada Ramadan akan datang dalam keadaan penuh harapan dan kesejahteraan. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 133 tafsirnya:

“Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke Syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.”

Adab berhari raya dan Puasa Enam

Keluaran Pelita Brunei 15 Jun 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita semua dapat melaksanakan kewajipan ibadah puasa di bulan Ramadan pada tahun ini. Semoga ibadah puasa yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan kita akan dipertemukan lagi dengan bulan Ramadan pada tahun hadapan, insyaaAllah. Dengan berakhirnya Ramadan umat Islam menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kegembiraan kerana ia merupakan hari kemenangan bagi umat Islam yang telah berjaya menjalani ibadat puasa dengan penuh keimanan, ketakwaan dan keikhlasan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Sejarah hari raya dalam Islam bermula apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah ke Madinah. Baginda mendapati ada dua hari raya yang disambut oleh bangsa Arab pada masa itu. Apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada mereka. Apakah dua hari raya yang mereka sambut itu, mereka segera menjawab bahawa dua hari raya yang mereka sambut itu adalah perayaan yang diwarisi secara turun-temurun daripada datuk nenek mereka. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Anas berkata, Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya Allah telah menggantikan dua hari raya yang kamu rayakan itu dengan dua hari raya yang mempunyai kebaikan iaitu Hari Raya Aidiladha dan Hari Raya Aidilfitri.” (Riwayat Imam Abu Daud)

Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan keagamaan. Oleh itu, hari raya hendaklah disambut dan diraikan berlandaskan ajaran agama Islam. Sebagaimana kelaziman yang diamalkan di negara kita bagi memeriahkan suasana hari raya ialah dengan amalan ziarah-menziarahi, kunjung-mengunjungi kaum keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai bagi sama-sama memohon kemaafan, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim.

Oleh itu, dalam kita menyambut Aidilfitri, janganlah kita lupa akan peringatan agama supaya perkara yang baik itu dijaga dan janganlah dicemari oleh perkara-perkara yang mendatangkan dosa dan bertentangan dengan hukum syarak seperti bersalaman dengan bukan mahram, memakai pakaian yang mendedahkan aurat, berlebih-lebihan dalam berseronok, berlebih-lebihan dalam berbelanja, berlebih-lebihan dalam berhias dan sebagainya kerana apa yang diharapkan dari sambutan hari raya sebenarnya bukanlah kegembiraan, keseronokkan melakukan apa sahaja akan tetapi apa yang lebih penting dan utama ialah ia dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping kita bersyukur dan bergembira menyambut dan meraikan hari raya, kita juga disunatkan mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal yang bermula pada dua Syawal. Adapun puasa enam di bulan Syawal, mengerjakannya dengan berturut-turut adalah lebih afdal dan utama. Walau bagaimanapun, tidak menjadi kesalahan jika puasa enam itu dilakukan secara berselang hari atau dibuat pada bila-bila masa asalkan di bulan Syawal. Sesungguhnya ganjaran bagi orang yang mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Abu Ayyub Al-Anshari Radhiallahuanhu, ia menceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun.” (Riwayat Imam Muslim)

Puasa sunat enam pada bulan Syawal sunat dikerjakan oleh orang yang telah mengerjakan puasa Ramadan sebulan penuh dan begitu juga sunat dikerjakan oleh orang yang tidak berpuasa penuh di bulan Ramadan disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syarak. Manakala bagi orang yang meninggalkan puasa Ramadan dengan sengaja, hukumnya haram melakukan puasa sunat enam selagi belum mengqada puasanya itu.

Adapun bagi orang yang meninggalkan puasanya kerana uzur syarie, maka bolehlah ia melakukan qada Ramadan sekali gus dengan puasa enam di bulan Syawal dengan syarat hendaklah berniat bagi kedua-duanya bagi tujuan mendapatkan ganjaran kedua-duanya sekali, iaitu ganjaran puasa qada dan ganjaran puasa sunat.

Amalan berziarah atau berkunjung di Hari Raya Aidilfitri sudah menjadi adat bagi kita. Tuan rumah sudah pasti menghidangkan berbagai jenis juadah lebih-lebih lagi ketika mengadakan majlis rumah terbuka. Bagi mereka yang sedang berpuasa sunat enam, undangan ini adalah satu perkara yang sukar dielakkan, apatah lagi jika tuan rumah itu mengkhususkan jemputannya di waktu siang sahaja.

Perlu diingat bahawa berpuasa bukanlah alasan untuk kita tidak menghadiri jemputan. Ibnu Umar Radhiallahuanhuma tetap memenuhi jemputan walaupun beliau sedang berpuasa, sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Apabila seseorang di antara kamu diundang makan, maka penuhilah, apabila dia sedang berpuasa (sunat) hendaklah dia mendoakan pihak pengundang dan apabila ia tidak berpuasa hendaknya ia makan makanan (yang ada pada jamuan tersebut).” (Riwayat Imam Muslim)

Ketahuiilah, apabila diundang untuk menghadiri jemputan atau rumah terbuka sedangkan dia berpuasa, maka tidaklah diwajibkan ke atasnya untuk memakan makanan yang dihidangkan kepadanya. Jika puasa yang dikerjakannya itu adalah puasa fardu, contohnya puasa qada Ramadan atau puasa nazar maka adalah haram baginya untuk berbuka.

Cukuplah baginya sekadar menghadiri jemputan tersebut dan disunatkan juga ke atasnya untuk mendoakan keberkatan serta keampunan dan sebagainya ke atas tuan rumah. Namun yang demikian sama ada ia berpuasa wajib atau sunat adalah lebih elok jika ia hadir pada waktu malam atau selepas waktu berbuka puasa.

Menurut ulama pula jika ia berpuasa sunat, maka adalah dibolehkan baginya untuk berbuka dan tidak meneruskan puasa sunatnya itu bahkan adalah sunat baginya untuk berbuka seandainya tuan rumah itu berasa tersinggung jika dia tidak memakan makanan yang dihidangkannya, sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Abu Said Al-Khudri katanya: Aku telah menyediakan makanan untuk Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maka baginda dan sahabat-sahabatnya pun datang ke tempatku. Apabila makanan dihidangkan, seseorang lelaki dalam kalangan mereka berkata: Aku berpuasa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Saudara kamu telah menjemput kamu, dan bersusah payah untuk kamu. Kemudian baginda berkata kepada lelaki itu: Bukalah puasa, dan berpuasalah satu hari lain sebagai ganti jika mahu.” (Riwayat Al-Baihaki)

Akhirnya, marilah kita sama-sama merayakan hari kemenangan, iaitu Hari Raya Aidilfitri dengan berlandaskan ajaran agama Islam, iaitu mentaati apa yang telah disuruh dan menjauhi apa yang telah dilarang. Marilah kita sama-sama berazam untuk melakukan puasa sunat enam di bulan Syawal ini dengan penuh keimanan dan ketakwaan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Ingatlah, dengan berlalunya bulan Ramadan bukan bererti apa yang kita lakukan di bulan Ramadan itu turut berakhir dan terhenti, teruskanlah membuat amal kebajikan seperti membaca Al-Quran, Sembahyang Sunat Witir, qiamullail, bersedekah, berzikir dan berdoa sepanjang masa. Mudah-mudahan segala ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan sentiasa mendapat berkat, rahmat serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah ‘Ali-Imran, ayat 133 tafsirnya:

“Dan segeralah kamu kepada mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.”

Mensyukuri nikmat Aidilfitri dan alam sekitar

Keluaran Pelita Brunei 23 Jun 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Hari Raya Aidilfitri adalah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada seluruh umat Islam setelah selesai menunaikan ibadat puasa di bulan Ramadan. Sewajarnya kita sangat bersyukur atas pengurniaan nikmat tersebut.

Pada hari raya salah satu amalan dan budaya kita di negara ini ialah saling ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat handai. Berziarah adalah amalan yang dituntut dalam Islam yang patut dikekalkan dan dihidupkan kerana amalan ini mempunyai kelebihan yang tersendiri. Ziarah bertujuan mengeratkan tali persaudaraan dan perpaduan sesama Islam, di samping menyemarakkan semangat untuk hidup bermasyarakat dan bernegara. Ketahuilah, di dalam agama kita adab atau etika beziarah itu telah pun dijelaskan di dalam Al-Quran, sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur, ayat 27 – 28 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya, yang demikian itu lebih baik bagi kamu, mudah-mudahan kamu sentiasa beringat. Jika kamu tidak mendapati sesiapa pun di dalamnya maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin, dan jika dikatakan kepada kamu ‘Baliklah’, maka hendaklah kamu balik, itu lebih baik bagi kamu, dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut, para ulama telah menjelaskan beberapa adab dan etika berziarah menurut yang dituntut oleh syarak, antaranya:

Pertama: Memberi salam dan meminta izin terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah yang diziarahi.

Kedua: Mengetuk pintu dengan perlahan sekira-kira boleh didengar oleh tuan rumah atau penghuni rumah. Keperluan mengetuk pintu itu hanyalah peringatan atau pendahuluan untuk meminta izin, bukanlah sebagai ganti kepada memberi salam. Pada masa ini kebanyakan rumah menyediakan alat bunyi seperti lonceng sebagai kemudahan untuk ahli rumah mengetahui kehadiran pengunjung, maka hendaklah digunakan alat tersebut dengan sebaiknya dan jangan menekannya berulang kali dan berpanjangan.

Ketiga: Orang yang berziarah hendaklah tidak berdiri di hadapan muka pintu. Seeloknya dia berdiri di sebelah kanan atau kiri pintu. Ini bertujuan agar orang yang berziarah tidak terpancang sesuatu yang tidak wajar dilihat ketika tuan atau penghuni rumah membukakan pintu.

Keempat: Hendaklah memperkenalkan diri sebelum masuk, lebih-lebih lagi jika tuan atau penghuni rumah menghendaki sedemikian.

Kelima: Sunat bagi orang yang berziarah meminta izin sebanyak tiga kali. Jika tidak menerima jawapan daripada tuan atau penghuni rumah, hendaklah dia balik dengan berlapang dada. Ini mungkin disebabkan tuan atau penghuni rumah tidak ada di rumah atau belum bersedia menerima pengunjung.

Perlu diingat, bagi mereka yang pergi berziarah maka hendaklah memilih masa dan waktu yang sesuai untuk berkunjung, elakkan berziarah pada waktu atau masa bersembahyang fardu khususnya sembahyang fardu Maghrib kerana waktunya amat terhad dan juga tidak berziarah pada waktu jauh malam dan sebagainya. Kerana dikhuatiri tuan atau penghuni rumah tersebut kurang selesa dan belum bersedia menerima pengunjung dengan hati yang terbuka atau ingin berehat.

Sebagaimana di negara-negara lain, di negara kita juga mengadakan sambutan hari raya dalam berbagai bentuk majlis seperti mengadakan rumah terbuka, sambutan hari raya di pejabat-pejabat atau di sekolah-sekolah. Amalan ini adalah

amalan yang berkeabajikan kerana boleh mengeratkan silaturahim dan boleh menghimpunkan saudara mara yang jauh dan dekat. Hubungan sahabat dan rakan semakin akrab. Walau bagaimanapun, perlu diingat mengadakan rumah terbuka ini bukanlah menjadi satu kewajipan atau kemestian sehingga membebankan dan hendaklah ia diadakan mengikut kemampuan masing-masing dan bersederhana.

Di samping nikmat hari raya yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala, yang patut kita mensyukurinya, terdapat lagi beberapa nikmat penting yang wajib kita pelihara dan syukuri, iaitu nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menjadikan bumi sebagai tempat tinggal manusia. Oleh itu, tugas dan tanggungjawab kita adalah untuk menjaga dan memeliharanya dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala melarang kita melakukan sebarang kerosakkan di muka bumi ini sama ada kerosakkan jiwa, harta benda dan alam sekitar.

Pada masa ini banyak kerosakan dan kemusnahan alam sekitar yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab dan mengakibatkan pencemaran persekitaran, pencemaran udara, pencemaran sungai dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qashash, ayat 77 tafsirnya:

“Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan sungai untuk kepentingan bagi sekalian makhluk di bumi ini, iaitu sebagai sumber kehidupan seperti makanan, minuman, perhubungan, rekreasi dan sebagainya. Oleh itu, untuk menzahirkan rasa syukur atas nikmat tersebut, kita hendaklah sama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan sungai dari sebarang pencemaran.

Menyedari betapa pentingnya peranan dan nilai sungai, maka negara kita telah mengambil langkah untuk sentiasa menjaga kebersihan sungai seperti melaksanakan pelancaran pembersihan Sungai Brunei dan projek penggunaan beg guna semula. Di samping itu juga, diadakan inisiatif tanpa beg plastik untuk meningkatkan kadar

penggunaan konsep guna semula, kitar semula dan pengurangan penggunaan plastik dan dengan tujuan mengurangkan jumlah sisa buangan plastik di negara ini. Dan dalam masa yang sama mengalakkan penggunaan beg guna semula yang lebih mesra alam, di samping memupuk tabiat yang berunsurkan kehijauan dan dengannya akan wujudlah sebuah negara yang berkualiti selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimana besar dan banyaknya usaha, projek dan inisiatif pihak kerajaan, ia akan menjadi sia-sia dan tidak akan tercapai jika tiada komitmen dan sokongan orang ramai terhadapnya. Oleh itu, orang ramai perlu ada rasa tanggungjawab, kesedaran dan kemahuan untuk menjaga kebersihan persekitaran kita kerana sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala amat mencintai kepada perkara yang cantik, indah dan bersih. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Ibnu Maasud telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya Allah itu Cantik (Indah dan Bersih), Dia amat mencintai kepada perkara yang cantik (indah dan bersih).” (Riwayat Imam Muslim)

Akhirnya, sama-samalah kita mendidik ahli keluarga dan masyarakat menjadi orang yang suka kepada kebersihan. Marilah kita memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab kita masing-masing untuk memelihara dan melindungi alam sekitar dari apa jua bentuk pencemaran, kerosakan dan kekotoran.

Teruskanlah amalan bergotong-royong atau kempen-kempen bagi menjaga kebersihan persekitaran sama ada di tempat persendirian mahupun tempat-tempat awam di negara ini. Mudah-mudahan amalan yang mulia ini akan menyumbang ke arah pembangunan negara yang maju, kehidupan yang selesa, bersih, sihat dan negara yang sentiasa aman, sejahtera dan makmur. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah An-Nahl, ayat 18 tafsirnya:

“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

Istiqamah dalam mengerjakan amal ibadat

Keluaran Pelita Brunei 30 Jun 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Hari Raya Aidilfitri adalah hari kemenangan umat Islam setelah berjaya melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan. Umat Islam meraikan dan menyambut Aidilfitri dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan. Oleh itu, dalam kegembiraan dan keceriaan kita meraikan dan menyambut Aidilfitri ini, janganlah sampai kita lupa untuk terus melakukan amal ibadah dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dengan istiqamah iaitu melaksanakan amal ibadah secara berterusan untuk menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya istiqamah yang dimaksudkan itu ialah berdiri teguh di atas jalan yang lurus, berpegang kukuh kepada akidah Islam dan melaksanakan syariatnya dengan tekun, tidak berubah dan tidak berpaling dalam apa jua keadaan sekalipun. Kita akan tetap beristiqamah, walaupun dengan amalan yang sedikit tetapi berterusan itu adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali sekala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Aisyah Radhiallahuanha telah berkata ia, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sebaik-baik amalan kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit”.
(Riwayat Imam Muslim)

Orang yang istiqamah atau berterusan dalam mengerjakan ibadat, beramal kebajikan, berakhlak mulia dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala

dan menjauhi larangan-Nya itu dijanjikan dengan pelbagai ganjaran sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surat Fushshilat, ayat 30 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka meneguhkan pendirian, maka malaikat akan turun kepada mereka sambil berkata, janganlah kamu takut dan janganlah kamu berdukacita, serta bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepada kamu”.

Daripada ayat Al-Quran tersebut, terdapat beberapa hikmah yang terkandung dalam beristiqamah, antaranya ialah:

Pertama: Seseorang yang istiqamah dalam amal ibadahnya akan selalu didatangi oleh para malaikat dan ia merupakan satu keuntungan kepadanya disebabkan malaikat itu membawa rahmat.

Kedua: Seseorang yang istiqamah, tidak mudah berasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinan, kukuh pendirian dan besar harapannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Orang yang istiqamah tidak mudah berasa sedih terutamanya apabila kehilangan sesuatu kerana ia berasa semua itu adalah memang milik Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat: Mereka yang istiqamah juga mendapat balasan syurga yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Agama kita menuntut umatnya untuk sentiasa beristiqamah dalam melakukan amal kebajikan. Oleh itu, apa yang kita amalkan dan kerjakan di bulan Ramadan seperti mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat, bertadarus, berzikir, berdoa, beriktikaf, bersedekah dan sebagainya, semua itu hendaklah diteruskan dan diamalkan di bulan-bulan yang lain untuk menjadi pembakar semangat supaya kita terus berusaha meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah setelah kita melakukan amal ibadah di bulan Ramadan dengan penuh kesungguhan dan berjuang berhabis-habisan untuk meraih ganjaran yang

berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wataala, tetapi apabila kita memasuki bulan Syawal dan bulan-bulan yang lainnya, kita kembali untuk melakukan dosa dan maksiat di dalamnya.

Oleh yang demikian, hendaklah kita terus istiqamah pada setiap amal ibadat dan amalan yang berkebajikan yang kita kerjakan dan tinggalkanlah perkara-perkara yang mungkar kerana istiqamah itu mempunyai banyak kebaikan, ditambah pula dengan ganjaran yang telah dijanjikan.

Mudah-mudahan dalam kita beristiqamah akan dapat membentuk diri kita menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, dengan berlalunya bulan Ramadan bukan bererti apa yang kita lakukan di bulan Ramadan itu turut berakhir dan terhenti. Mudah-mudahan segala ibadat dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat berkat, rahmat dan innayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa mensyukuri segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Antara nikmat yang perlu disyukuri itu ialah nikmat keamanan dan kedamaian bernaung di bumi Brunei Darussalam yang bertuah ini.

Oleh itu, untuk memastikan keamanan dan kedamaian sentiasa terjaga setentunya negara kita memerlukan institusi atau agensi, yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan keamanannya terpelihara. Antara jabatan atau agensi kerajaan yang berperanan penting dalam membantu mengawal dan memastikan keamanan negara ini sentiasa terjaga adalah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jabatan ini adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan visi iaitu ke arah perkhidmatan yang dinamik dan kredibel.

Alhamdulillah, pada tahun ini, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan menyambut Sambutan Jubli Intan Sempena Penubuhannya yang Ke-60 Tahun pada 1 Julai 2018. Perlu diketahui, peranan utama jabatan ini adalah mengawal dan mengatur orang-orang asing yang masuk dan keluar dari negara ini supaya

tidak menjejaskan kepentingan negara dari segi keselamatan, ekonomi, sosial, agama dan budaya. Selain itu, fungsi jabatan ini juga adalah bagi menentukan taraf kependudukan serta melaksanakan pendaftaran-pendaftaran yang berkaitan dengan kelahiran dan kematian, kerakyaatan, pengeluaran kad pengenalan dan anak-anak angkat sesuai dengan undang-undang yang telah dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam ini. Semoga Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan dapat berupaya menjalankan tugas dan perkhidmatannya dengan baik sesuai dengan visi jabatan itu sendiri.

Akhirnya, marilah kita sama-sama meningkatkan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan perlindungan-Nya juga negara kita berada dalam keadaan aman, tenteram dan selamat. Marilah kita berdoa semoga nikmat keamanan dan kedamaian bernaung di bumi Brunei Darussalam ini terus berkekalan dan mudah-mudahan kita sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 152, tafsirnya:

“Maka ingatlah kamu kepada-Ku dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat”.

Khutbah Jumaat Bulan Julai 2018

Memelihara dan mengekalkan keamanan serta keharmonian negara

Keluaran Pelita Brunei 7 Julai 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana mentakdirkan kita hidup dalam sebuah negara yang aman, damai dan sejahtera. Ini adalah berkat kita berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, agama yang sangat mulia, lengkap dan sempurna. Agama Islam menyelamatkan kita daripada kegelapan kepada cahaya yang terang benderang, daripada kebatilan kepada kebenaran, dan memimpin ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 19 tafsirnya:

“Sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah ialah agama Islam.”

Kita di Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan Islam dengan berpandukan Al-Quran dan As-Sunah mengikut kefahaman Mazhab As-Syafii Ahli Sunah Waljamaah. Pelaksanaan ini telah dapat menyatukan masyarakat Brunei Darussalam sehingga rakyat dan penduduknya hidup aman, damai dan harmoni. Oleh itu, kita patut bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana di zaman era globalisasi yang penuh dengan persaingan dan pergolakan ini, kesejahteraan rakyat dan kedaulatan negara kita sentiasa terpelihara, aman dan sejahtera di bawah pemedulian dan keprihatinan Raja yang sentiasa mengutamakan kebajikan, keharmonian dan kesejahteraan hidup bernegara dan bermasyarakat, dengan sentiasa mendahulukan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah dalam pembentukan dasar pentadbiran dan undang-undang negara.

Untuk mengekalkan keamanan, keharmonian dan kemakmuran di negara ini,

kekuatan iman dan kefahaman tentang ajaran Islam yang sebenar sangat diperlukan sebagai bekalan dan benteng dari pengaruh dan fahaman yang mengganggu ketenteraman hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati dan janganlah kita mudah terpengaruh dengan fahaman atau ajaran-ajaran yang mengelirukan kerana ia merupakan perangkap kepada orang-orang Islam lebih-lebih lagi kepada mereka yang kurang memahami tentang ajaran agama Islam.

Sesungguhnya Islam adalah agama yang mencintai keamanan dan melarang umatnya melakukan kerosakan, kejahatan, kemungkaran, kekerasan apatah lagi kezaliman. Agama kita menolak apa jua gerakan pelampau yang menggunakan kekerasan yang mengganggu-gugat keamanan dan keharmonian negara. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis maksudnya:

“Daripada Abdullah bin ‘Omar Radhiallahuanhuma, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Seorang Muslim itu adalah saudara bagi seorang Muslim yang lain, tidak boleh menzaliminya dan tidak boleh membiarkannya dizalimi.”
(Riwayat Imam Al-Bukhari)

Sebagaimana yang kita maklum melalui media massa bahawa terdapat individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi dan keterlaluan terhadap fahaman atau pemikiran keterlaluan dan tidak terbatas serta menganggap dirinya telah bersumpah taat setia kepada pemimpin sesuatu kumpulan pelampau. Individu tersebut juga terpedaya dengan konsep jihad dan mati syahid yang disebarkan sehingga menimbulkan niatnya bersama keluarganya untuk berhijrah mengikuti aktiviti jihad yang salah yang bernaung di bawah pemerintahan “Khalifah Islam” yang ditubuhkan di luar negara. Ketahuilah, jika terdapat individu yang seumpama ini maka mereka akan dikenakan perintah tahanan di bawah Bab 3 (1)(A) Akta Keselamatan Dalam Negeri Penggal 133 atas penglibatan dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan penganasan dan fahaman yang keterlaluan.

Sesungguhnya tindakan terhadap individu tersebut merupakan sebagai langkah pencegahan bagi mengelak daripada terus berlakunya perkara-perkara yang boleh mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan atas dasar kerajaan untuk

tidak bertolak ansur terhadap sebarang anasir yang berhubung kait dengan aktiviti pengganasan dan fahaman yang keterlaluan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha secara berterusan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam bebas dari sebarang ancaman atau anasir-anasir yang boleh mengganggu-gugat keamanan, keharmonian dan keselamatan negara.

Bermodalkan slogan jihad, kumpulan yang mempunyai fahaman atau pemikiran yang keterlaluan ini telah berjaya mempengaruhi dan menarik anak-anak muda Islam seluruh dunia. Ramai yang terpengaruh menyertai kumpulan ini mungkin disebabkan ganjarannya, iaitu janji syurga kepada mereka yang mati syahid kerana berjuang di jalan Allah, golongan ini mudah terpengaruh dengan pujukan dan janji-janji tersebut walaupun hanya berkomunikasi dengan ahli kumpulan berkenaan melalui laman sosial.

Ketahuilah, jihad itu mempunyai maksud yang luas. Jihad adalah usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh dan tidak semestinya membawa kepada peperangan atau pertempuran. Ini kerana, usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh pada jalan Allah boleh sahaja diusahakan dengan jalan yang aman lagi bijaksana dan bukannya dengan keganasan dan melakukan kezaliman. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak terus mewajibkan jihad perang ketika umat Islam ditindas oleh musuh. Ada ketika diperintahkan berperang dan ada ketika disuruh bersabar. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 125 tafsirnya:

“Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Sesungguhnya jihad memerlukan ilmu pengetahuan yang cukup luas dan telus bersumberkan Al-Quran dan hadis. Oleh itu, semangat untuk berjuang sahaja tidak cukup untuk meneruskan cita-cita murni itu kerana semangat yang berkobar-kobar tanpa ilmu akan mendorong untuk melakukan kekerasan dan sikap melampau serta

menggunakan hujah dari ayat-ayat Al-Quran secara zahir tanpa merujuk kepada huraian dari hadis dan tafsiran para ulama. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmidzi, daripada Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Sesiapa yang memahami ayat Al-Quran hanya dengan pendapatnya atau dengan alasan yang ia tidak mengetahuinya, maka mereka menempatkan diri mereka dalam neraka.”

Umat Islam di negara ini dinasihatkan agar jangan mudah terpengaruh dan taasub (keyakinan yang keterlaluan) untuk mengikuti mana-mana kumpulan atau pertubuhan khususnya melalui internet dan media baharu. Ini kerana melalui internet dan media baharu, seseorang itu boleh sahaja mendapatkan maklumat yang tidak betul atau kurang tepat berkenaan sesuatu perkara dan bukan dari sumber yang sahih, iaitu dari Al-Quran dan hadis.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap individu, keluarga dan juga masyarakat sekeliling untuk memantau perlakuan masing-masing dan tidak mudah terpengaruh dengan perjuangan yang kononnya berjihad kerana agama. Akhirnya, sama-samalah kita mensyukuri dan berdoa semoga segala nikmat keamanan, keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata’ala ke atas rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini terus berkekalan selama-lamanya. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah An-Nisa, ayat 94 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah maka selidikilah (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya), dan janganlah kamu terburu-buru mengatakan kepada orang yang mengucapkan salam: Engkau bukan orang yang beriman, (lalu kamu membunuhnya) dengan tujuan hendak mendapat harta benda kehidupan dunia kerana di sisi Allah ada disediakan limpah kurnia yang banyak.”

Raja Pemeduliaan dan berjiwa rakyat

Keluaran Pelita Brunei 14 Julai 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dapat menikmati suasana kehidupan yang aman damai dan sejahtera. Oleh itu, kita hendaklah sama-sama sentiasa menjaga nikmat keamanan, kedamaian dan kesejahteraan yang kita nikmati ini dengan sebaik-baiknya.

Ingatlah, jika kita lalai dan leka atau tidak mensyukuri atas nikmat kurniaan ini, maka tidak mustahil nikmat ini akan hilang dan ditarik balik pada bila-bila masa sahaja dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kita untuk sentiasa mensyukuri dan mengharapkan agar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala ini sentiasa berkekalan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

“Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang amat bertuah kerana dikurniakan seorang Sultan atau Raja yang menepati erti kata ulil amri bagi kerajaan dan pemerintahan Islam, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Baginda adalah seorang Raja yang sentiasa mengutamakan kebajikan, keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduknya serta mengutamakan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah dalam membentuk dasar pentadbiran, pengurusan dan undang-undang negara mengikut Al-Quran dan As-Sunah. Semua ini adalah semata-mata untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala yang membawa kepada keberkatan dan keteguhan beragama, berbangsa serta bernegara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Haj, ayat 41 tafsirnya:

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada mengerjakan yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang Raja yang pemedulian, berjiwa rakyat dan sangat pemurah terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini. Walaupun baginda sentiasa sibuk dengan tugas-tugas memimpin dan mentadbir negara, namun baginda tetap meluangkan masa untuk bersama rakyat baginda seperti keberangkatan baginda bercemar duli mengadakan lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pengajian, sekolah-sekolah, mukim-mukim, kampung-kampung di seluruh negara. Begitu juga baginda sangat prihatin terhadap musibah, malapetaka dan bencana alam yang menimpa rakyat dan penduduk negara ini.

Sesungguhnya kepimpinan dan keperibadian baginda yang sangat mengambil berat tentang masalah rakyat, menyebabkan baginda dikenali sebagai seorang Raja pemedulian dan berjiwa rakyat. Ini ternyata berdasarkan konsep turun padang yang baginda amalkan yang patut dicontohi kerana pemimpin yang amanah dan adil itu ialah pemimpin yang sanggup berbasah dan berkering hanya semata-mata untuk kepentingan rakyat jelata dan negara. Inilah dia kepimpinan yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 58 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kepemimpinan serta daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita terkenal sebagai sebuah negara Islam yang aman, damai dan mempunyai kestabilan politik dan ekonomi. Sejak baginda menaiki takhta pada tahun 1967, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua Negara Brunei Darussalam telah mengalami kemajuan dan perubahan yang besar sama ada dari segi amalan beragama, pendidikan, pembangunan, infrastruktur, sosiopolitik, ekonomi dan sebagainya.

Baginda juga merupakan seorang Raja dan pemimpin yang berwawasan jauh dan Wawasan Brunei 2035 adalah antara wawasan yang akan menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa, kualiti kehidupan yang tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan. Dalam era kepemimpinan baginda, antara kejayaan Negara Brunei Darussalam yang paling ketara dan dapat dilihat melalui pencapaian piawaian antarabangsa ialah dalam bidang pendidikan di mana Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah pun mengalami transformasi dan menjadi sebuah universiti bertaraf dunia, yang cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan.

Alhamdulillah, di bawah kepemimpinan bijaksana baginda dan petunjuk serta rahmat Allah maka sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa taat dan patuh kepada Raja atau pemimpin kita. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kepada umat Islam supaya mentaati perintah pemimpin sebagaimana hadis yang diriwayatkan

oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Barang siapa taat kepadaku, maka dia telah taat kepada Allah. Barang siapa tidak taat kepadaku, maka dia tidak taat kepada Allah. Barang siapa taat kepada pemimpin, maka dia telah taat kepadaku. Barang siapa tidak taat kepada pemimpin, maka dia tidak taat kepadaku.”

Sebagaimana yang kita sedia maklum, 15 haribulan Julai merupakan tarikh bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam kerana pada tarikh itulah Raja kita diputerakan. Dan pada setiap tahun diadakan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, apabila sahaja menjelang sambutan Hari Keputeraan baginda maka akan diadakan secara serentak Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Keputeraan di keempat-empat daerah. Majlis ini adalah bagi menzahirkan rasa syukur rakyat dan penduduk di negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman sejahtera dan bagi memohon doa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini bagi menyambut dan meraikan Hari Keputeraan Raja yang kita kasihan dan sanjungi ini, marilah kita sama-sama meraikannya dengan penuh kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai tanda syukur dan taat setia kita yang tidak berbelah bahagi kepada Raja yang dikasihan, marilah kita ketarakannya dengan menghadirkan diri ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi sama-sama membaca Surah Yasin, Tahlil dan Doa Kesyukuran pada petang hari Sabtu, 14 Julai 2018, dengan niat mudah-mudahan Raja yang kita kasihan dilanjutkan usia,

dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kekal karar memerintah negara serta mendapat rahmat, pemeliharaan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan negara kita terus aman, makmur, selamat dan sejahtera di bawah kepimpinan baginda. Aamiin Yaa Rabbal 'Alamiin.

Surah 'Ali-'Imran, ayat 26 tafsirnya:

“Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): ‘Ya Allah Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkau yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan tersebut daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Dan Engkau jugalah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dengan kekuasaan-Mu jualah adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.’”

Masyarakat bersatu memerangi dadah, negara menjadi indah

Keluaran Pelita Brunei 21 Julai 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita menganjurkan untuk sentiasa memelihara agama, nyawa, akal fikiran, harta dan keturunan. Islam juga melarang kita daripada mendekati perkara-perkara yang boleh memudaratkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara seperti meminum arak, zina, judi, memakan riba, rasuah, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya. Setentunya perkara yang dilarang itu mempunyai hikmahnya tersendiri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 90 - 91 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah perbuatan keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan dan keberuntungan. Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab meminum arak dan bermain judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang. Maka tidakkah kamu mahu berhenti daripada melakukan perbuatan keji itu?”

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah adalah dilarang dari segi syarak dan undang-undang negara kerana ia boleh mendatangkan kesan-kesan yang negatif yang boleh memudaratkan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Ketahuilah setiap yang memabukkan, menghayalkan atau menghilangkan akal fikiran adalah haram, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Ibnu Umar Radhiallahuanhuma, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan hukumnya adalah haram.”(Riwayat Imam Muslim)

Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah meraikan sambutan Hari Keluarga Kebangsaan dengan tema “Keluarga Ku Penyayang, Negara Gemilang”. Tema ini menekankan betapa pentingnya untuk membina keluarga yang penyayang dan bersatu padu, mempunyai sikap pemedulian, saling hormat menghormati dan sentiasa berhubung dengan baik sesama keluarga. Tema ini juga menggambarkan betapa pentingnya untuk kita memikul tanggungjawab bersama dan mencegah penyalahgunaan dadah demi menjamin masa depan keluarga, masyarakat dan negara yang sihat dan aman makmur.

Sesungguhnya anak adalah anugerah dan amanah daripada Allah Subhanahu Wata’ala yang mesti dijaga dengan sebaik-baiknya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Ibu bapa mempunyai peranan yang sangat penting dalam mencorak dan mendidik anak-anak mereka supaya tidak terjerumus dan terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat dan tidak bermoral seperti aktiviti penyalahgunaan dadah. Antara langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak terlibat dengan penyalahgunaan dadah ialah:

Pertama: Memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak sejak dari kecil lagi, ibu bapa juga wajib memastikan anak-anak mereka dapat melaksanakan syariat Islam dan amal ibadah dengan sempurna terutamanya sembahyang fardu lima waktu kerana ibadah sembahyang adalah benteng yang boleh mencegah mereka daripada perbuatan keji dan mungkar.

Kedua: Mengeratkan hubungan mesra dan kasih sayang sesama ahli keluarga agar anak-anak tidak terus kekosongan dan berasa dirinya diambil peduli dan diperlukan dalam ahli keluarga.

Ketiga: Ibu bapa perlu memantau pergaulan, aktiviti dan permasalahan anak-anak, bukan sahaja semasa mereka berada di rumah malahan juga ketika mereka berada di luar rumah. Ibu bapa atau penjaga perlu mengetahui dengan siapa anak-anak mereka berkawan atau bergaul. Perkara ini boleh mengelakkan mereka daripada terpengaruh dan terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

Keempat: Ibu bapa janganlah lupa dan hendaklah sentiasa mendoakan anak-anak dengan kebaikan dan kejayaan di dunia dan di akhirat kerana doa-doa ibu bapa adalah mustajab dan mudah diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiga jenis doa mustajab yang tidak diragukan keajaibannya adalah doa orang tua untuk anaknya, doa orang musafir dan doa orang yang dizalimi.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Selain peranan ibu bapa, selaku masyarakat, kita juga memainkan peranan yang penting dalam membanteras isu penyalahgunaan dadah ini. Ketahuilah, mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah perlu diberi sokongan, dorongan dan motivasi untuk meningkatkan ketahanan diri khususnya mereka yang dalam proses pemulihan dadah.

Oleh itu, sebagai masyarakat kita adalah bertanggungjawab memberikan bimbingan dan dorongan kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan, lebih-lebih lagi sebagai ibubapa yang menjadi tunjang kekuatan keluarga, hendaklah membimbing kehidupan keluarga supaya berada dalam landasan fitrah yang betul.

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah adalah punca penyakit sosial yang kian menular di setiap negara yang boleh mempengaruhi kepada pembangunan

ekonomi, bangsa dan negara. Oleh itu, marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap bahaya penyalahgunaan dadah dan perkara-perkara yang mengkhayalkan serta berusaha mengawal serta mencegahnya daripada memusnahkan anak bangsa kita. Oleh itu, masyarakat hendaklah bersatu memerangi dadah supaya negara menjadi indah permai dan aman makmur dengan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan taatlah segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya serta jauhilah segala perkara-perkara yang dilarang. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi dan menghindarkan kita, bangsa dan Negara Brunei Darussalam daripada segala perkara-perkara yang keji dan mungkar. Aamiin Ya Raabal'Alamiin.

Surah At-Taubah ayat 71, tafsirnya:

“Dan orang-orang Mukmin, laki-laki dan perempuan, sebahagian daripada mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah, Sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.”

Belia pemacu negara maju

Keluaran Pelita Brunei 28 Julai 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Setiap negara mempunyai hasrat dan keinginan untuk memiliki rakyat dan penduduk yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, keamanan, kejayaan dan pembangunan negara, tidak terkecuali juga negara kita Brunei Darussalam. Dalam hasrat membangun ummah, bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada kemantapan ekonomi semata-mata bahkan juga kepada sumber tenaga manusia yang antaranya adalah golongan belia.

Sesungguhnya belia adalah aset yang amat berharga dan merupakan tunggak serta kekuatan masa depan bagi sesebuah negara. Oleh itu, para belia perlu diasuh, dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi generasi yang beriman, berilmu, beramal dan bertakwa serta mempunyai akhlak mulia berpandukan ajaran Islam. Justeru, dengan bimbingan Islam ini akan mengukuhkan jati diri belia ke arah menjadikan mereka belia yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Belia yang dididik dan dibimbing dengan nilai-nilai Islam tidak akan mudah goyah atau pun ikut-ikutan, apatah lagi melakukan perkara mungkar dan maksiat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim ayat 6 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan.”

Belia merupakan golongan yang mempunyai ketahanan dan kekuatan fizikal dan mental. Pada zaman sekarang, memang tidak dapat dinafikan belia mudah terdedah kepada cabaran-cabaran sosial seperti penyalahgunaan media baharu, dadah, pergaulan bebas dan sebagainya. Oleh itu, semua pihak sama ada ibu bapa, keluarga dan masyarakat adalah berperanan penting untuk membimbing dan memimpin golongan belia agar mereka menjadi golongan yang berakhlak mulia dan taat beragama.

Sesungguhnya agama kita amat mementingkan masa dan usia, dua perkara ini saling berkaitan rapat dan sangat penting dalam kehidupan sebagai seorang Islam. Oleh itu, diingatkan kepada para belia agar menghargai dan menggunakan usia dan masa muda mereka dengan sebaik-baiknya kerana di usia muda inilah masa dan peluang yang terbaik untuk membina jati diri dan menghias peribadi dengan akhlak yang mulia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengingatkan mengenai dengan kepentingan usia muda dalam hadis baginda maksudnya:

“Daripada Ibni Abbas Radhiallahuanhuma ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan baginda menasihatkannya: Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu.” (Riwayat Imam Al-Hakim)

Belia memainkan peranan penting dalam memacu, membentuk dan membantu meningkatkan kemakmuran dan pembangunan sesebuah negara sama ada melalui perekonomian, keselamatan, pertubuhan sukarela, pelancongan, pertanian, sukan dan pelbagai bidang lain. Oleh itu, dalam usaha membangun belia di negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapisiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Alhamdulillah, pada tahun ini genaplah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13 tahun. Dengan tema ‘Belia Pemacu Negara Maju’. Tema ini menumpukan kepada

dua agenda penting iaitu belia dan negara maju. Belia sentiasa akan menjadi penggerak utama bagi sesebuah negara. Negara maju ialah berpandu kepada sasaran Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk mencapai Brunei maju. Sesuai dengan matlamat Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2018 iaitu untuk mengiktiraf belia dan pergerakan belia di negara ini maka adalah diharapkan dengan pelaksanaan Sambutan Hari Belia Kebangsaan kali yang Ke-13 ini akan dapat mengalakkan lebih ramai lagi penglibatan golongan belia di dalam aktiviti-aktiviti kebeliaan khususnya dan terlibat sama dalam usaha-usaha pembangunan negara amnya termasuk dalam kerja sukarelawan.

Akhirnya, bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita amat memerlukan golongan pelapis iaitu golongan belia kerana merekalah yang bakal menggantikan bagi meneruskan usaha dalam membangun ummah dan negara di masa hadapan. Sama-samalah kita berdoa semoga belia-belia dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini berada di atas landasan yang benar dan diredai serta mendapat rahmat, hidayah dan inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Rabbal'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 110 tafsirnya:

“Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”

Khutbah Jumaat Bulan Ogos 2018

Menggunakan teknologi maklumat dengan bijaksana

Keluaran Pelita Brunei 4 Ogos 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita adalah agama yang mementingkan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan adalah pelita kehidupan. Ilmu ibarat cahaya yang menerangi kegelapan. Oleh itu, agama kita menggalakkan umatnya supaya sentiasa berusaha mencari atau menimba ilmu sebanyak-banyaknya dan menuntut ilmu itu adalah satu kewajipan kepada semua umat Islam sama ada lelaki atau perempuan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis maksudnya:

“Daripada Anas bin Malik ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Menuntut ilmu adalah satu kefarduan ke atas setiap Muslim.” (Riwayat Imam Ibnu Majah)

Dari hadis tersebut jelas bahawa ilmu itu sangat penting kerana dengan ilmu pengetahuan seseorang itu boleh maju, membangun dan berjaya, bukan sahaja untuk dirinya tetapi juga untuk agama, bangsa dan negara. Terdapat banyak cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan seperti melalui berguru, bacaan buku-buku, mahupun melalui media massa yang lain.

Pada zaman ini ilmu pengetahuan banyak diperolehi melalui media baharu iaitu melalui internet dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ia merupakan teknologi yang telah banyak merubah cara hidup manusia. Teknologi maklumat komunikasi pada dasarnya adalah untuk memudahkan sesuatu. Jika digunakan dengan niat yang betul maka akan membawa manfaat dan kesejahteraan hidup, tetapi jika disalahgunakan maka ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia

dan merugikan. Oleh itu, kita hendaklah celik dan peka terhadap penggunaannya kerana kemudahan tersebut menawarkan maklumat dan ilmu yang sangat banyak, mudah dan cepat.

Pada masa kini ramai orang menggunakan internet dan teknologi maklumat komunikasi sama ada melalui komputer atau telefon bimbit sebagai alat untuk berhubung kerana ia merupakan cara terpantas untuk berhubung menyebarkan perkongsian berita, maklumat ataupun ilmu.

Walaupun bagaimanapun, sesetengah orang mudah lupa akan satu hakikat yang sangat penting dan perlu diambil perhatian iaitu tidak semua berita, maklumat ataupun ilmu yang tular atau tersebar itu benar dan tepat. Ingatlah, kita hendaklah bertanggungjawab atas setiap berita yang hendak kita sampaikan atau sebarkan dengan memastikan bahawa berita itu adalah benar dan sahih, agar tidak mendatangkan pendustaan, pembohongan dan pertelingkahan, kerana ia boleh membawa kepada berlakunya kekacauan dan permusuhan dalam kalangan masyarakat dan negara.

Memang tidak dapat dinafikan terdapat juga sebilangan pengguna yang menjadikan teknologi maklumat komunikasi sebagai tempat atau saluran untuk meluahkan perasaan tidak puas hati, tempat untuk mengata, mengaibkan orang lain dan sebagainya. Oleh itu, sebagai pengguna yang bijak kita hendaklah menggunakannya dengan cara terkawal, antaranya jangan menggunakannya untuk merendahkan diri dan mencaci maki orang lain, tidak menggunakannya untuk mendedahkan keaiban seseorang atau menyebarkan keburukan orang lain, menjaga tutur kata agar tidak mendatangkan kemarahan orang lain, janganlah mengintip dengan niat jahat mencari kesalahan orang lain dan jauhilah dari berprasangka buruk terhadap berita atau maklumat yang diterima kerana ia boleh mendatangkan dosa dan maksiat, Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seseorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya kerana dikhuatiri kamu akan menimpakan kepada sesuatu kaum (perkara yang tidak diingini) dengan

sebab kejahilan kamu sehingga menyebabkan kamu menjadi orang yang menyesal atas apa yang kamu telah lakukan.”

Tidak dinafikan teknologi maklumat komunikasi mempunyai banyak kelebihannya sebab itulah pada setiap tahun diadakan Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia, tujuan utama sambutan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kegunaan internet dan teknologi maklumat komunikasi (ICT) bagi manfaat masyarakat dan juga ekonomi di samping ia juga digunakan untuk membantu orang ramai dalam memperkaya kehidupan melalui pembaikan dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan, pembelajaran, kewangan, pertanian, pengangkutan dan berbagai perkhidmatan lain.

Akhirnya, dalam penggunaan teknologi maklumat komunikasi, kita sebagai pengguna hendaklah bertanggungjawab menggunakannya dengan bijaksana dan dalam perkara yang bermanfaat dan bukan pada perkara yang sia-sia. Elakkanlah daripada terjerumus ke dalam lembah dosa dan maksiat termasuk melemparkan tuduhan, menyebarkan fitnah, prasangka buruk serta bercakap bohong. Ingatlah bahawa setiap apa yang disebarkan dan diberitakan pastinya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Mudah-mudahan Allah Subhahanu Wata'ala akan sentiasa melindungi dan menyelamatkan kita, keluarga, bangsa dan negara daripada segala perkara-perkara yang keji dan mungkar. Aamiin Ya Rabbal'Alamiin.

Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip mencari-cari kesalahan orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu berasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha pengasih.”

Hikmah Ibadah Korban

Keluaran Pelita Brunei 11 Ogos 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sekarang kita sudahpun berada di penghujung bulan Zulkaedah, ini bererti tidak lama lagi kita akan melangkah ke bulan Zulhijah. Pada masa ini sebahagian besar umat Islam telah pun berada di kota suci Mekah Al-Mukaramah dan Madinah Al-Munawarah bagi menyempurnakan rukun Islam yang kelima iaitu menunaikan ibadat haji. Mudah-mudahan seluruh jemaah haji khususnya jemaah haji Brunei Darussalam beroleh haji yang mabrur dan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam bulan Zulhijah seluruh umat Islam akan meraikan Hari Raya Aidiladha dan kita dituntut untuk membesarkannya dengan bertakbir, bertahmid dan bertasbih. Di samping itu juga, antara ibadat yang sangat dituntut ialah melaksanakan ibadat korban (bagi yang berkemampuan) iaitu berkorban dengan menyembelih binatang ternak seperti unta, kambing, kerbau atau lembu pada waktu yang tertentu.

Adapun maksud waktu yang tertentu untuk menyembelih binatang korban itu ialah pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijah iaitu selepas naik matahari pada Hari Raya Adha (setelah selesai Sembahyang Sunat Hari Raya Adha pada 10 Zulhijah) sehingga terbenam matahari akhir hari Tasyrik iaitu hari ke-13 Zulhijah. Jika ibadat korban dilakukan sebelum waktu tersebut, maka tidaklah ia dikira ibadat korban, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Al-Bara’ Ibn ‘Azib dia berkata: Telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Bahawa yang mula-mula kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Adha), kami sembahyang, kemudian kami balik ke rumah, selepas itu kami

menyembelih korban, maka siapa yang membuat seperti yang demikian maka dia memperoleh sunat (Ibadat) kami dan siapa yang menyembelih sebelum sembahyang, maka yang demikian itu hanyalah daging biasa yang dibahagi-bahagikan kepada keluarga, bukanlah yang demikian itu termasuk dalam ibadat korban.”

Sesungguhnya hukum berkorban adalah Sunat Mu'akadah iaitu sunat yang sangat dituntut bagi orang yang baligh, berakal, merdeka serta berkemampuan untuk melaksanakannya. Maksud berkemampuan di sini ialah orang yang mampu untuk berkorban setelah ada kelebihan dari keperluannya pada Hari Raya Adha dan hari-hari Tasyrik.

Menurut jumbuh ulama, sunat melakukan korban bagi orang yang mampu dan adalah makruh hukumnya jika orang yang mampu itu tidak melakukan ibadat korban sedangkan ia berkemampuan untuk melakukannya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang ini.”(Riwayat Ibnu Majah).

Ketahuiilah, terdapat hikmah di sebalik pensyariatan ibadat korban itu, antaranya:

Pertama: Sebagai tanda ketaatan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadat korban mengingatkan kita tentang peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihi Salam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih putera baginda Nabi Ismail Alaihi Salam. Ia merupakan pengorbanan yang benar-benar menguji keimanan dan kesabaran mereka berdua. Perintah yang amat berat itu telah dilaksanakan atas dasar iman dan takwa yang dilakukan tanpa ragu-ragu atau was-was. Atas dasar ketaatan dan ketulusan mereka tersebut, maka Allah Subhanahu Wata'ala akhirnya telah memerintahkan agar Nabi Ismail Alaihi Salam digantikan dengan seekor kibas.

Kedua: Memupuk sikap pemeduliaan dan prihatin terhadap masyarakat. Ini jelas melalui pengagihan daging-daging korban tersebut kepada yang berhak menerimanya khususnya kepada para fakir miskin dan yang memerlukan.

Ketiga: Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihi Salam dapat mengasuh dan mendidik diri untuk bersikap sabar terhadap apa jua ujian yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan, tidak mudah mengeluh dan tetap menyerah dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah, apapun jua keadaan dan musibah yang berlaku, semuanya itu adalah ketentuan dan ketetapan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 156 tafsirnya:

“Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali.”

Keempat: Dapat mengikis sifat tamak dan mewujudkan sifat murah hati untuk membelanjakan harta ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, harta yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita itu bukan hak milik mutlak kita sendiri malah di dalamnya ada hak-hak orang lain seperti golongan fakir miskin dan sebagainya. Harta itu hendaklah disalurkan untuk dizakat, sedekah, wakaf dan membantu yang memerlukan melalui ibadat korban.

Kelima: Ibadat korban melahirkan tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat rezeki yang telah dikurniakan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Haj, ayat 34 tafsirnya:

“Dan bagi tiap-tiap umat telah Kami syariatkan penyembelihan korban sampai mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur terhadap binatang ternak yang telah direzekikan Allah kepada mereka.”

Akhirnya, marilah kita sama-sama muhasabah diri untuk memanfaatkan kelebihan rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita untuk melaksanakan ibadat korban. Mudah-mudahan dengan ibadat korban yang kita

lakukan itu rezeki kita semakin bertambah berkat dan dijauhi dari segala musibah serta malapetaka. Semoga ibadat korban dan amal kebajikan yang kita lakukan atas dasar keikhlasan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala diterima dan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Haj, ayat 37 tafsirnya:

“Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah. Tetapi yang sampai kepada-Nya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah atas hidayat-Nya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Utamakan keselamatan dan pencegahan kebakaran

Keluaran Pelita Brunie 18 Ogos 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kehidupan kita di dunia ini tidak akan terlepas dari menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada ujian dan dugaan itu besar atau kecil, berat atau ringan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 tafsirnya:

“Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mempunyai kekuatan iman dan kesabaran dalam menghadapi apa jua ujian dan dugaan yang menimpa seperti kemalangan, banjir, tanah susur, kemarau panjang, kebakaran dan sebagainya. Oleh itu, dalam menghadapi bencana seperti ini terutamanya kebakaran, kita hendaklah meningkatkan sifat berhati-hati dan berwaspada terhadap bahaya kebakaran pada setiap masa dan keadaan dengan mempersiapkan diri dengan sedikit ilmu pengetahuan seperti ilmu pencegahan mengawal kebakaran dan cara menyelamatkan diri sebelum tiba bantuan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Ketahuilah, antara punca utama terjadinya kebakaran itu ialah kecuaiian dan kurang pengetahuan penggunaan dalam menggunakan peralatan elektrik yang menyebabkan kepanasan berlebihan, lebih beban, litar pintas dan penyambungan yang longgar. Selain itu, kebakaran juga berpunca dari masakan yang ditinggalkan, kanak-kanak bermain api, meninggalkan lilin tanpa pengawasan, membuang

puntung rokok yang masih menyala, gas bocor dan sebagainya. Oleh yang demikian, orang ramai disarankan untuk mengambil berat dalam mengelakkan kejadian kebakaran dengan mengambil langkah-langkah keselamatan terhadap punca dan penyebab kebakaran.

Kebakaran boleh mengakibatkan kerugian yang sangat besar, di samping risiko kehilangan nyawa dan harta benda. Oleh itu, kita hendaklah mengutamakan keselamatan dan pencegahan kebakaran dalam kehidupan seharian, sama ada di dalam rumah mahupun di tempat kerja.

Ingatlah, kejadian kebakaran boleh terjadi pada bila-bila masa sahaja. Ibarat pepatah menyatakan “Api kecil menjadi kawan, sudah besar menjadi lawan”. Oleh itu, sama-samalah kita meningkatkan kewaspadaan dan sifat berhati-hati pada setiap masa agar punca-punca kebakaran dapat dicegah dan dielakkan. Selain itu, sebagai umat Islam apabila menghadapi keadaan-keadaan yang membahayakan dan mencemaskan seperti kebakaran, kita disarankan melaungkan azan, di samping membaca ayat-ayat dan zikir-zikir yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Diriwayatkan di dalam kitab Ibnu Sunni daripada Umar bin Su’aib, dia berkata Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

إِذَا رَأَيْتُمُ الْحَرِيقَ فَكَبِّرُوا، فَإِنَّ التَّكْبِيرَ يُطْفِئُهُ

Ertinya:

“Apabila kamu melihat kebakaran, maka bertakbirlah kerana takbir dapat memadamkannya.”

Sebagai orang Islam kita juga digalakkan untuk membaca dan mengamalkan doa-doa dan zikir-zikir tertentu bagi menolak bencana. Menurut Imam Al-Ghazali, daripada sahabat Abu Darda Radhiallahuanhu telah berkata: Seseorang lelaki telah datang kepada Abu Darda dan berkata: Wahai Abu Darda’, rumahmu telah terbakar. Abu Darda’ menjawab: Tidak mungkin rumahku terbakar, Allah Azawajalla tidak akan melakukan sedemikian. Kemudian datang lagi seorang lelaki kepadanya dan berkata: Wahai Abu Darda’, ketika api dekat dengan rumah

tuan, api itu padam. Kemudian Abu Darda' berkata: Saya telah tahu perkara itu kerana saya telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Barang siapa membaca zikir ini di waktu pagi nescaya dia tidak akan ditimpa musibah hingga ke petang, dan barang siapa membacanya di waktu petang nescaya dia tidak akan ditimpa musibah hingga ke pagi. Zikir tersebut ialah:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، عَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَأَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ
الْعَظِيمِ، مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ
الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ
شَيْءٍ عِلْمًا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ،
أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا، إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

Alhamdulillah, negara kita Negara Brunei Darussalam mempunyai Pasukan Bomba dan Penyelamat yang bertanggungjawab menangani kecemasan yang dapat membantu dan memberikan pertolongan kepada orang awam yang menghadapi musibah dan mengurangkan beban yang dihadapi. Tugas dan tanggungjawab Pasukan Bomba dan Penyelamat amat mencabar dan berbahaya, ia memerlukan pengorbanan masa, tenaga, jiwa dan raga. Ini kerana, ada kalanya jiwa mereka boleh terkorban demi menyelamatkan harta benda dan nyawa orang lain. Maka kita sangat menghargai pengorbanan dan jasa-jasa mereka.

Sesungguhnya tanggungjawab pencegahan kebakaran bukanlah tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat semata-mata. Akan tetapi ia adalah tanggungjawab kita bersama.

Sama-samalah kita ingat-beringat dan sering nasihat-menasihati kepada ahli keluarga, saudara-mara, rakan dan jiran tetangga dalam menjaga hal ehwal

keselamatan dan pencegahan daripada berlakunya kebakaran.

Akhirnya, sebagai rakyat dan penduduk di negara ini perlulah berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan keselamatan agar sebarang kejadian yang tidak diingini boleh dihindari dan dielakkan, di samping terus meningkatkan amal ibadat mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan zikir, istighfar, doa-doa dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan sentiasa mendapat pertolongan dan perlindungan serta dihindari daripada sebarang musibah dan marabahaya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Asy-Syura, ayat 30 tafsirnya:

“Dan apa jua musibah yang menimpa kamu maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu.”

Zikrullah menjana negara sejahtera

Keluaran 25 Ogos 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya negara kita Brunei Darussalam dapat menikmati suasana kehidupan yang aman, makmur, damai dan sejahtera. Oleh itu, selaku rakyat dan penduduk negara ini, adalah menjadi kewajipan kita untuk sentiasa mensyukuri dan mengharapkan agar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala ini sentiasa berkekalan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

“Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras”.

Pada masa kini, terdapat kelompok manusia yang mula lalai dan lupa kepada tanggungjawab dan peranan mereka sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka sibuk dengan kegiatan masing-masing demi mengejar kesenangan hidup dan harta duniawi sehingga mereka lupa bahawa setiap kemewahan dan kesenangan yang dinikmati itu hanyalah sementara dan boleh ditarik balik pada bila-bila masa sahaja dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala.

Dunia juga pada hari ini berhadapan dengan pelbagai kemelut, perkelahian, peperangan dan pelbagai ujian serta musibah yang telah diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti banjir, gempa bumi, kemarau, angin kencang dan banyak lagi yang melanda negara-negara di dunia ini dan tidak terkecuali juga

negara kita Brunei Darussalam turut sama menerimanya. Ketahuilah sebenarnya semua itu adalah ujian dan peringatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya terutama umat Islam yang lalai dan lupa mengingati Allah sehingga terabai kewajipan untuk beribadat kepada-Nya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia itu semata-mata untuk beribadat dan memperhambakan diri kepada-Nya dengan mengerjakan semua yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adz-Dzariat, ayat 56 tafsirnya:

“Dan ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.

Ayat ini dengan jelas menyebutkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala tidak menciptakan jin dan manusia, kecuali untuk diperintah dan diberi tanggungjawab untuk beribadat kepada-Nya. Antara amal ibadat yang boleh mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala ialah zikrullah iaitu sentiasa mengingati-Nya pada setiap masa tanpa mengira waktu, tempat dan keadaan. Bahkan Raja yang kita kasihi iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan YangDi-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga ada menyebut berkenaan mendekati Allah, menyebut dan mengingati-Nya banyak-banyak, dalam titah baginda bersempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1439H/ 2018M antara lain baginda bertitah:

“Senario hari ini, sangatlah mewajarkan kita orang-orang Islam untuk banyak-banyak berzikir atau mengingati Allah. Kerana dunia kini betul-betul sedang tenat dengan kemelut, dengan perkelahian-perkelahian di sana sini. Keamanan sudah tidak terjamin, diganti oleh huru-hara dan pembunuhan-pembunuhan kejam. Ini semua tidak terkecuali turut berlaku di kalangan orang-orang Islam sendiri.

Perkara ini berlaku kerana mungkin kita ini sudah atau semakin jauh daripada Allah. Orang sudah amat sedikit mengingati Allah berbanding mengingat yang

lain-lain. Kerana itulah musuh mudah masuk. Selain musuh syaitan, juga tidak terkecuali ialah musuh dari kalangan manusia. Pada hemat beta, usaha yang paling dharuri untuk mengubat penyakit ini ialah, kita mesti bersegera mendekati Allah, menyebut dan mengingati-Nya banyak-banyak, serta memohonkan petunjuk dan perlindungan-Nya” demikian titah baginda.

Zikir itu ialah menyebut dan mengingati Allah dengan bertahlil **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**, bertasbih **سُبْحَانَ اللَّهِ**, bertahmid **الْحَمْدُ لِلَّهِ** t), Bertakbir **اللَّهُ أَكْبَرُ** menyebut hauqalah **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**, menyebut **حَسْبِيَ اللَّهُ** membaca Basmalah **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**, membaca Al-Quran dan membaca doa-doa yang masyhur dan sebagainya. Perlu diketahui, zikrullah itu membawa pengertian yang luas. Ia tidak terbatas pada tasbih, tahlil, tahmid, takbir dan sebagainya malah juga merangkumi semua perkataan dan perbuatan yang menepati kehendak syarak selagi ia bersandarkan kepada ketaatan dan kepatuhan terhadap Allah dan Rasul-Nya.

Mungkin kita tertanya-tanya, mengapa kita perlu berzikir? Zikir itu adalah perintah Allah Subhanahu Wata’ala, bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang insan yang maksum yakni terpelihara daripada sebarang dosa, juga berzikir, beristighfar, bertaubat dan memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata’ala setiap hari sebanyak seratus kali, betapa pula kita hamba Allah yang selalu melakukan kesilapan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Ibnu Umar Radhialahuanhuma ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Wahai manusia! Bertaubatlah kepada Allah kerana sesungguhnya aku bertaubat dalam sehari seratus kali”.

Berzikir bukanlah suatu perkara yang berat dan susah bagi orang yang benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wata’ala kerana mereka mengetahui dan meyakini bahawa manfaat zikir itu adalah sangat besar dan hebat. Ketahuilah, antara manfaat zikir itu ialah mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala, menolak bala, diampunkan dosa, dimudahkan rezeki, dijauhkan dari seksa kubur, diberikan cahaya dan keindahan di wajahnya, diingati oleh para malaikat dan banyak lagi. Orang yang berzikir juga akan mendapat perlindungan

Allah Subhanahu Wata'ala dan dilepaskan dari bahaya. Sebagai contoh, peristiwa yang telah berlaku kepada Nabi Yunus Alaihi Salam ketika ditelan seekor ikan yang besar, maka baginda berdoa dan berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam kegelapan.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Tafsirnya:

“Tiada Tuhan kecuali Engkau, Maha Suci Engkau, Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang zalim.”

Ketahuiilah, kerana amalan bertaubat, berdoa dan berzikir itulah Allah Subhanahu Wata'ala menyelamatkan Nabi Yunus Alaihi Salam dengan mengeluarkannya dari perut ikan itu. Kalaulah Nabi Yunus tidak tergolong daripada orang yang sering berzikir dan memuji Allah Subhanahu Wata'ala, sudah tentu baginda akan kekal tinggal di dalam perut ikan sehingga datangnya hari kebangkitan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ash-Shaffat, ayat 143-144 tafsirnya:

“Maka kalaulah ia Nabi Yunus bukan dari orang-orang yang sentiasa mengingati Allah dengan zikir dan tasbih, tentulah ia akan tinggal di dalam perut ikan itu hingga hari manusia dibangkitkan keluar dari kubur.”

Ingatlah, apabila seseorang itu semakin jauh daripada mengingati Allah maka semakin dekatlah dia kepada kekufuran. Bahkan syaitan juga begitu mudah untuk menghampiri dan menguasai serta mempengaruhi diri orang yang gemar mengabaikan zikrullah. Apabila syaitan telah berjaya menguasai seseorang, dia dengan mudah dan tidak akan berlengah lagi mengajak manusia itu melakukan kejahatan dan perbuatan yang tidak diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 19 tafsirnya:

“Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (Ajaran dan amaran) Allah, mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak syaitan itu orang-orang yang rugi.”

Amalan berzikir memainkan peranan yang penting dalam mencorak kehidupan dan memberikan banyak kesan yang baik kepada diri manusia dalam hidup berbangsa dan bernegara. Setentunya setiap negara menginginkan hidup dalam kedamaian tanpa ada bala bencana, kekacauan, peperangan atau pertelingkahan yang boleh mengganggu gugat keamanan dan kesejahteraan negara. Ingatlah keamanan dan kesejahteraan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara itu akan lebih berkesan apabila penghuni di sesebuah negara itu sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata’ala dengan memperbanyakkan zikrullah. Berzikir mengingati Allah merupakan jalan yang terbaik untuk terus memiliki keamanan dan kesejahteraan tersebut. Ini bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir.

Oleh itu, melihat kepada keamanan dan kesejahteraan yang telah dan sedang dinikmati oleh negara ini pastinya kita mengharapkan ia akan terus kekal dan berpanjangan hingga ke akhir zaman. Mudah-mudahan dengan banyak mengamalkan zikir, negara kita akan sentiasa dalam keadaan yang aman damai dan dapat menjana kesejahteraan serta terhindar dari segala bencana, musibah dan malapetaka. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala hanya akan menurunkan keamanan dan kesejahteraan kepada hamba-hamba-Nya yang sentiasa mengingati dan mensyukuri nikmatnya. Semoga rakyat dan penduduk negara kita ini tergolong sebagai hamba-hamba yang sentiasa mengingati dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata’ala jua. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 152 tafsirnya:

“Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku, supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan”

Jujur dan amanah dalam berniaga

Keluaran Pelita Brunei 1 September 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Mya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita menuntut umatnya untuk mencari rezeki melalui jalan yang baik dan halal bagi memenuhi tuntutan dan keperluan hidup sama ada untuk diri sendiri mahupun untuk keluarga atau orang-orang yang di bawah tanggungan kita. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168 tafsirnya:

“Wahai manusia, makanlah makanan dari apa yang di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya ia (syaitan) adalah musuh yang nyata bagi kamu.”

Ketahuilah, terdapat banyak cara atau jalan yang boleh dilakukan dalam mencari rezeki dan salah satu caranya ialah melalui bekerja sendiri atau berniaga. Contoh ikutan yang ideal kepada kita dalam perkara berniaga ini ialah tidak lain dan tidak bukan baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda sebelum diutus menjadi Rasul merupakan seorang usahawan dan ahli perniagaan yang hebat dan berjaya.

Antara prinsip atau etika perniagaan yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah bersikap jujur dan amanah dalam perniagaan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah semasa baginda menjalankan hasil dagangan Sayiditina Khadijah, baginda memperolehi keuntungan yang besar dan berlipat ganda.

Sesungguhnya sifat jujur dan amanah dalam apa jua pekerjaan terutama sekali dalam perniagaan adalah sangat penting kerana sifat-sifat tersebut dapat

memelihara diri daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan dosa. Ingatlah, kadangkala rezeki yang baik dan halal itu boleh tercemar dan menjadi haram jika kita tidak bersikap jujur dan amanah terutama dalam berniaga seperti menjual barang yang telah rosak, menjual barang yang telah luput atau mansuh tarikhnya, mengurangkan sukatan timbangan dan sebagainya. Ingatlah, agama kita menegah umatnya daripada melakukan sebarang tipu daya atau helah ketika berjual beli.

Imam Al-Ghazali ada menyatakan di dalam kitabnya Al Adabu Fiddiin mengenai adab-adab ahli perniagaan, antaranya:

Pertama: Jangan mengurangkan sukatan atau timbangan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muthaffiifin, ayat 1-3 tafsirnya:

“Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang dalam timbangan dan sukatan. Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan sebaliknya apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangnya.”

Memang diakui bahawa manusia itu memiliki kekurangan dan tidak mustahil boleh sahaja terjadi pengurangan tanpa disengajakan. Jika seseorang itu telah berusaha untuk menyempurnakan sukatan dan timbangan dengan baik, akan tetapi dia tersilap tanpa disengajakan, maka tiadalah dia berdosa. Sungguhpun demikian, jika dia masih berasa was-was dan takut berlaku kecuaiian yang tidak disengajakan, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan seperti mana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Qais bin Abu Gharazat Radhiallahuanhu, baginda bersabda maksudnya:

“Wahai para pedagang! Sesungguhnya syaitan dan dosa itu selalu mendatangi jual beli. Maka campurkanlah jual belimu dengan sedekah.” (Riwayat Imam Al-Termizi)

Dari hadis tersebut, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan kepada kita cara untuk mengelakkan diri kita dari sebarang kemungkinan melakukan kekurangan dalam sukatan atau timbangan, iaitu dengan menambah

dan melebihkan sedikit barang yang kita timbang itu dalam sukatan atau timbangan tersebut. Dengan tambahan dan lebih tersebut selamatlah para peniaga daripada melakukan kesalahan pengurangan yang dilakukan secara tidak sengaja dan jika pun ternyata sukatan atau timbangan itu sebenarnya telah mencukupi, maka timbangan itu akan menjadi sedekah. Bukankah ganjaran dari amalan sedekah itu sangat banyak? Maka dengan amalan tersebut, mereka bukan sahaja mendapat ganjaran yang banyak daripada amalan sedekah bahkan juga mendapat kepercayaan daripada pembeli dan orang ramai.

Kedua: Jangan berbohong dan menipu dalam urusan perniagaan.

Ketiga: Jauhi pertengkaran dengan pelanggan.

Keempat: Jangan melanggar perintah agama seperti meninggalkan sembahyang semata-mata kerana sibuk menguruskan perniagaan, tidak mengeluarkan zakat dan sebagainya.

Dalam perkara jual beli sebagai contoh ada sesetengah barangan yang cepat berubah seperti ikan, udang, sotong, buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. Maka dalam hal ini dinasihatkan kepada para pembeli agar memeriksa betul-betul akan kesegaran barang jualan tersebut. Bagi pihak penjual pula, jangan mencampur barangan yang baik dengan barangan yang kurang baik atau sudah rosak dan menjualnya dengan menyembunyikan barang yang kurang baik itu di bawah timbunan barangan yang baik seperti ikan atau buah-buahan yang segar diletak di atas tetapi barang yang kurang elok diletak di dalam atau di bawahnya.

Ingatlah, jika para peniaga menginginkan harta yang berkat lagi halal maka para peniaga hendaklah menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, contohilah cara baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berniaga. Baginda berniaga dengan jujur dan amanah serta memperolehi keuntungan yang berlipat ganda. Janganlah kerana hendak meraih keuntungan kita sanggup melakukan perkara yang salah, keji dan mungkar.

Diceritakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada

Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjalan-jalan di kawasan pasar bandar Madinah. Baginda melewati selonggok makanan. Lalu baginda memasukkan tangan ke dalamnya, kemudian tangan baginda menyentuh sesuatu yang basah, maka baginda pun bertanya “Apakah ini wahai pemilik makanan?” Pemilik menjawab: “Makanan tersebut terkena air hujan wahai Rasulullah”. Lalu baginda bersabda yang maksudnya: “Mengapa kamu tidak meletakkannya di bahagian atas makanan agar manusia dapat melihatnya. Barang siapa menipu maka dia bukan dari golongan kami.”

Sesungguhnya perkara yang sangat penting dalam mencari rezeki itu ialah keberkatan. Rezeki yang sedikit tetapi diberkati Allah itu adalah lebih baik berbanding dengan rezeki yang banyak tetapi tidak mendatangkan manfaat dan berkat. Oleh itu, kita mestilah mengambil berat tentang kepentingan halal dan haram dalam berniaga atau apa-apa pun usaha dalam mencari sumber rezeki. Ingatlah, orang yang mendapat rezeki daripada sumber yang tidak halal akan dimasukkan ke dalam api neraka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Khaulatal Ansariyah Radhiallahanha ia berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Bahawasanya orang yang mencampuradukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksaan api neraka pada hari kiamat kelak.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita semua akan terus berlaku jujur dan amanah dalam kehidupan kita seharian dan memperolehi rezeki yang halal lagi berkat dan mudah-mudahan kita sentiasa mendapat limpah kurnia, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Hud, ayat 86 tafsirnya: *“Limpah kurnia (keuntungan yang halal daripada) Allah lebih baik bagi kamu (daripada harta yang haram walaupun banyak) jika benar kamu orang-orang yang beriman. Dan Aku bukanlah penjaga kamu (tetapi hanyalah sebagai pemberi peringatan).”*

Khutbah Jumaat Bulan September 2018

Sabar dalam menghadapi ujian dan dugaan

Keluaran Pelita Brunei 8 September 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia itu semata-mata untuk beribadah dan memperhambakan diri kepada-Nya. Sebagai seorang hamba Allah, kita tidak akan terlepas daripada menerima ujian dan dugaan sama ada berbentuk kesenangan dan kesusahan.

Sesungguhnya ujian adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman dan kesabaran kita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 tafsirnya:

“Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”

Sabar ialah sifat tenang dan tidak terburu-buru serta mempunyai hati yang kuat menahan kesakitan, penderitaan, kesusahan dan lain-lain lagi. Sabar adalah salah satu sifat mahmudah dan merupakan senjata paling ampuh dalam menghadapi pelbagai ujian dan dugaan. Orang yang bersifat sabar itu dapat menahan diri daripada marah terhadap sesuatu yang tidak disukai serta dapat menahan lidah daripada mengadukan sesuatu hal penderitaan kepada yang lain selain daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menghiasi peribadi dengan sifat sabar adalah akhlak orang yang mulia. Mereka sabar menghadapi kesusahan dan kepayahan hidup dengan hati yang tenang, berlapang dada, tidak berputus asa, tidak mudah menyerah kalah dan tidak

menyangkal akan segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala ke atasnya. Ingatlah, ujian itu adalah satu fitrah dalam kehidupan kerana dengan ujianlah boleh menjadikan diri kita lebih dewasa, lebih tabah, lebih sabar dan lebih mengenal kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Perlu diketahui, setiap ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah yang terbaik buat hamba-hamba-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 216 tafsirnya:

“Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.”

Orang-orang yang beriman melihat ujian itu sebagai pintu rahmat yang akan mendekatkan dengan syurga Allah, kerana balasan bagi hati yang sabar itu ialah syurga di akhirat kelak. Oleh itu, lihatlah setiap ujian dan dugaan hidup itu dengan sangkaan yang baik kerana walaupun sabar itu pahit akan tetapi penghujungnya adalah indah dan manis kerana balasannya adalah syurga Ad-Diin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 23-24 yang tafsirnya:

“Iaitu syurga-syurga Ad-Diin, mereka masuk ke dalamnya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amalan soleh daripada bapa-bapa dan datuk nenek mereka dan isteri-isteri mereka serta zuriat keturunan mereka, sedang malaikat-malaikat akan masuk ke tempat-tempat mereka dari semua pintu. Sambil mengucapkan salam ke atas kamu disebabkan kesabaran kamu. Maka itulah sebaik-baik tempat kesudahan di akhirat.”

Allah Subhanahu Wata'ala sesungguhnya tidak akan menimpakan ujian dan dugaan di luar kemampuan hamba-hamba-Nya. Oleh itu, kadangkala kita diuji dengan berbagai-bagai ujian sama ada ujian kesenangan mahupun kesusahan, atau diuji dengan harta benda sama ada kekayaan atau kemiskinan, atau diuji dengan kehilangan orang-orang yang tersayang dan sebagainya.

Begitu juga adakalanya kita diuji dengan tekanan hidup seperti tekanan sosial, emosi dan kesempitan ekonomi seperti hutang-piutang, masalah rumah tangga, kegelisahan dan sebagainya. Oleh yang demikian, jika ditimpa ujian dan musibah, kita wajib bersabar, jangan bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan beranggapan bahawa kita adalah orang yang paling malang kerana setiap ujian itu pasti ada hikmah di sebaliknya.

Bersangka baiklah terhadap segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala serta berusaha menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyelesaian yang bijaksana, berdoa, bertawakal dan lebih mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Apa yang perlu diingat, apabila menghadapi kesengsaraan atau kesakitan yang amat sangat, janganlah mudah berasa kecewa dan berputus asa atau berputus harapan sehingga memudaratkan dan mencederakan diri sendiri, yang akhirnya membawa kepada kesakitan dan kematian seperti mengambil tindakan menggantung diri, terjun dari bangunan atau sebagainya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis maksudnya:

“Daripada Anas Radhiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Janganlah sekali-kali seseorang antara kamu menginginkan mati kerana kesusahan yang menimpanya, dan jika terpaksa mengharap kematian, maka hendaklah ia berkata: Ya Tuhanku, berikanlah aku kehidupan jika ia lebih baik bagiku dan matikanlah aku jika ia lebih baik bagiku.”

Sesungguhnya dengan bersifat sabar, seseorang itu tidak akan bertindak di luar batasan agama kerana sifat sabar itu membolehkan kita mengatasi segala ujian dan dugaan itu dengan akal dan fikiran yang waras serta tenang, tidak mengeluh, tidak akan berasa resah gelisah dan kita akan sentiasa berserah serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 42 tafsirnya:

“Iaitu orang-orang yang sabar dan hanya kepada Tuhan saja mereka bertawakal.”

Ketahuiilah sabar itu adalah anugerah terindah yang menjanjikan pelbagai kurniaan dan ganjaran. Antaranya orang yang sabar mempunyai kedudukan tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, mendapat keampunan, rahmat dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat balasan yang lebih baik daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya, sebagai hamba Allah sentiasalah kita bersabar dalam menghadapi segala ujian dan dugaan kerana semua itu adalah ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ingatlah, Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa bersama kita sebagaimana yang dijanjikan di dalam Al-Quran bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengasihi dan bersama-sama orang yang sabar.

Sama-samalah kita berdoa *“Ya Allah, limpahkanlah kesabaran pada hati dan diri kami, teguhkanlah pendirian kami. Ya Allah, janganlah jadikan hati ini condong kepada kesesatan setelah Engkau memberi petunjuk kepada kami, kurniakanlah kepada kami rahmat-Mu kerana sesungguhnya Engkaulah Zat yang Maha Pemberi. Ya Allah, Zat yang Maha Mengarahkan kami, teguhkanlah hati-hati kami untuk selalu taat kepada-Mu.”* Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'RAF, ayat 126 tafsirnya:

“Ya Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran kepada kami dan matikanlah kami sebagai orang-orang Islam.”

Lazimkan diri dengan istighfar

Keluaran 15 September 2018

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi kesempatan berada di Tahun Baharu 1440 Hijrah. Dengan kedatangan tahun baharu ini mudah-mudahan kita akan lebih meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta lebih istiqamah dalam mentaati perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Ketahuilah, hidup di dunia ini adalah sementara dan akhirat jualah tempat yang kekal abadi. Oleh itu, kita hendaklah mempersiapkan diri dengan memperbanyakkan amal ibadat sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakanNya untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Agama Islam telah mengajarkan beberapa langkah yang patut kita lakukan dalam membersihkan hati dan jiwa daripada sebarang dosa dan maksiat seperti memperbanyakkan zikir dan istighfar. Ketahuilah, sesungguhnya jika seseorang hamba itu sering melakukan dosa dan maksiat, maka perbuatannya melakukan dosa dan maksiat itu akan menjadi penghalang dirinya untuk mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ia lebih cenderung lagi untuk menghampirkan dirinya kepada perkara-perkara mungkar dan maksiat.

Oleh itu, perbanyaklah taubat dan istighfar kerana dengan istighfar boleh menjadikan jiwa, hati dan fikiran tunduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk memohon ampun atas segala dosa yang telah dilakukan. Dan Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya sentiasa beristighfar dan memohon keampunan kepada-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'min, ayat 55 tafsirnya:

“Dan mohonlah keampunan bagi dosamu serta bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi.”

Sesungguhnya banyak fadilat atau kelebihan yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala bagi mereka yang mengamalkan istighfar. Antaranya:

Pertama: Memperolehi kecintaan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

Kedua: Allah Subhanahu Wata'ala memberi nikmat dengan kurniaan-Nya yang berupa keluasan rezeki dan kesenangan hidup, sebagaimana dalam sebuah hadis maksudnya:

“Daripada Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesiapa yang selalu beristighfar nescaya Allah akan menjadikan baginya kemudahan bagi setiap kesempitan, kesenangan bagi setiap kesedihan dan memberinya rezeki tanpa diduga olehnya.” (Riwayat Imam Abu Daud)

Ketiga: Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan syurga bagi mereka yang memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menyesali atas segala perbuatannya.

Di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak mengajar tentang doa-doa yang mengandung lafaz istighfar antaranya ialah penghulu istighfar. Daripada Shadat bin Aus Radhiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Sesungguhnya istighfar yang paling baik adalah kamu mengucapkan”:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ
مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ
بِدُنْيِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya:

“Ya Allah Engkau adalah Tuhanku tiada Tuhan melainkan Engkau, Engkau menciptakan aku dan aku adalah hamba-Mu, aku tetap pada ikutan-Mu dan janji-Mu selagi aku mampu. Aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan yang aku lakukan. Aku mengakui dengan nikmat-Mu kepadaku dan aku mengakui dosa-dosaku, maka ampunilah aku. Tiada yang mengampunkan dosa-dosa kecuali Engkau.”

Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Siapa yang beristighfar seperti itu pada siang hari dengan penuh keimanan kemudian ia mati sebelum malam tiba, maka ia akan masuk syurga dan siapa yang beristighfar seperti itu pada malam hari dengan penuh keimanan kemudian dia mati sebelum pagi tiba, maka ia akan masuk syurga. (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Walau bagaimanapun, terdapat juga lafaz doa-doa dan istighfar yang mudah dan sering digunakan seperti:

Pertama:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

Ertinya: “Aku memohon ampun kepada Allah, tiada Tuhan kecuali Dia, yang tetap hidup dan kekal dan aku bertaubat kepada-Nya.”

Kedua:

رَبَّنَا فَاعْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ

Ertinya: “Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami bersama orang-orang yang bertakwa yang banyak berbuat kebajikan.”

Ketiga:

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Ertinya: “Wahai Tuhan kami! kami telah menganiaya diri kami sendiri. Dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami nescaya jadilah kami daripada orang-orang yang rugi.”

Perintah taubat dan istighfar itu bukan hanya bagi orang yang berdosa, malah kita semua dituntut untuk sentiasa bertaubat dan beristighfar serta jangan sekali-kali berputus asa dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az- Zumar, ayat 53-54 tafsirnya:

“Katakanlah (Sampaikanlah firman-Ku ini wahai Nabi Muhammad): Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih. Dan kembalilah (bertaubatlah) kepada Tuhan kamu serta berserah dirilah kepada-Nya sebelum datang azab ke atas kamu, kemudian kamu tidak dapat akan diberikan pertolongan.”

Sesungguhnya istighfar itu sangat penting dalam kehidupan, maka tidak sewajarnya ia diabaikan apatah lagi dilupakan. Oleh itu, marilah kita sentiasa beristighfar pada setiap masa dan ketika serta berdoa memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan segala taubat dan istighfar kita diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan memperolehi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Nuh, ayat 10–12, tafsirnya:

“Maka aku berkata (kepada mereka): Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun. Jika kamu berbuat demikian, nescaya Dia akan mencurahkan hujan yang lebat kepada kamu. Dan Dia membanyakkan harta dan anak-anak kamu dan Dia akan mengadakan untuk kamu kebun-kebun serta mengadakan untuk kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).”

Guru dedikasi pendidikan cemerlang

Keluaran Pelita Brunei 22 September 2018

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia serta di akhirat.

Ilmu pengetahuan merupakan pelita hidup yang sangat penting dan berguna dalam kehidupan kerana dengan ilmu akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan di akhirat. Orang yang berilmu dapat membezakan antara baik dan buruk serta antara yang benar dan salah.

Melihat betapa pentingnya ilmu itu, maka kita sebagai umat Islam diwajibkan untuk menuntut ilmu sebanyak yang mungkin. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan darjat yang tinggi kepada orang-orang yang berilmu pengetahuan dan kepada orang-orang yang berusaha mencari ilmu pengetahuan serta dipermudahkan baginya jalan menuju ke syurga. .

Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Sesiapa yang menempuh satu jalan kerana mencari ilmu maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Apabila kita menuntut ilmu, maka guru adalah orang yang memainkan tugas dan tanggungjawab yang sangat penting dalam menyampaikan, mengajar dan membimbing pelajar atau masyarakat dengan pelbagai ilmu pengetahuan serta kemahiran. Dalam agama kita, mengajarkan ilmu yang bermanfaat itu adalah amalan yang dipandang tinggi dan mulia.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Abu Umamah Al-Bahili, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehingga semut di sarangnya dan ikan di lautan pasti berselawat mendoakan kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi)

Sebagai guru atau pendidik, mereka hendaklah menjadi contoh teladan yang baik bagi setiap anak didiknya bukan sahaja untuk menjadikan mereka orang yang berilmu dan cemerlang bahkan juga berakhlak mulia. Oleh itu, guru hendaklah menjauhkan diri daripada sifat-sifat keji dan tercela. Ini kerana, guru mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan dan pembangunan diri, sahsiah atau peribadi pelajar.

Menjadi seorang guru yang dedikasi, cemerlang, dihormati, disegani dan berwibawa bukanlah suatu perkara yang mudah. Untuk itu, guru hendaklah memiliki sifat-sifat yang terpuji, antaranya sifat ikhlas dan sabar dalam mendidik dan menyampaikan ilmu pelajaran, bukan kerana mengharapkan balasan, pujian atau pangkat akan tetapi untuk menjadikan pelajar, masyarakat dan bangsa menjadi orang yang pandai dan berilmu serta berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Sesungguhnya amanah yang dipikul oleh seorang guru itu sangatlah besar dan berat kerana tugas mereka bukan setakat mendidik malahan bertanggungjawab untuk memperkaya para pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni.

Guru diamanahkan untuk melahirkan insan syumul yang berupaya memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi. Oleh itu, agama kita menganjurkan supaya menghormati, menghargai dan memuliakan para guru dan bukannya mencera dan menghina apatah lagi mengherdik dan melawan mereka apabila diberi teguran oleh guru kerana dikhuatiri pelajar tersebut akan ditarik atau hilang keberkatan dan tidak memperolehi manfaat ilmu tersebut. Imam Al-Ghazali Rahimahullah menyatakan bahawa menghormati dan memuliakan guru merupakan tugas dan kewajipan kita sebagai murid kerana guru itu bagaikan orang tua kita sendiri yang wajib kita hormati dan muliakan.

Ketahuiilah, banyak hikmah yang diperolehi dengan menghormati dan memuliakan guru, antaranya kita akan memperolehi kejayaan hidup di dunia dan di akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk peribadi serta akhlak yang mulia dan yang paling penting ialah memperolehi ilmu yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada ‘Ubadah ibnu Assomat, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak termasuk golongan kami orang yang tidak memuliakan yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda serta yang tidak mengerti hal orang yang berilmu (agar diutamakan pandangannya).” (Riwayat Imam Ahmad)

Alhamdulillah, pada setiap tahun, negara kita Brunei Darussalam merayakan Sambutan Hari Guru. Ia merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada guru-guru di negara ini yang telah banyak berjasa terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Tema sambutan Hari Guru pada tahun ini adalah Guru Dedikasi Pendidik Cemerlang. Ini menunjukkan bahawa peranan guru sangat penting dalam menentukan kecemerlangan negara kini dan pada masa akan datang dan sekali gus akan dapat sama-sama mendukung dan menyokong untuk mencapai dan merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Ketahuiilah, guru yang dedikasi merupakan guru yang reda dan ikhlas berkorban masa, tenaga, fikiran dan harta benda demi membangun pelajar, masyarakat, bangsa dan negara. Guru yang dedikasi adalah guru yang sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh dalam menguasai ilmu pengetahuan, mampu merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran serta mahir dalam menerapkan pelbagai jenis kemahiran dan teknologi pendidikan. Guru dedikasi sangat dituntut dalam Islam kerana sesuai dan bertepatan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang mudarris (pendidik), muaddib (pembentuk adab dan akhlak), murabbi (mengasuh dan mendidik dengan kasih sayang), muallim (menyampaikan yang benar) dan mursyid (membimbing ke arah kebaikan).

Manakala yang dimaksudkan dengan pendidikan cemerlang itu ialah pendidikan yang seimbang di antara pengetahuan, kemahiran dengan nilai-nilai agama. Hal

ini bermakna bahawa, pelajar tidak hanya cukup dengan berilmu pengetahuan, akan tetapi pelajar perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran. Dalam erti kata yang lain, pelajar perlu menguasai kedua-dua ilmu atau bidang, iaitu berilmu dan beramal. Ini bermakna ilmu yang dituntut hendaklah diterapkan dalam kehidupan seharian. Di samping berusaha untuk memajukan diri, keluarga, bangsa dan negara serta taat setia kepada Raja dan sentiasa menjaga kesucian agama Islam.

Sesungguhnya guru adalah orang yang banyak berjasa dalam memberi ilmu pendidikan dan pengetahuan serta menjadikan para penuntut orang-orang yang berilmu dan berjaya dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, jasa guru hendaklah sentiasa dikenang dan dihargai oleh penuntut bahkan juga ibu bapa. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar para guru sentiasa dilimpahkan taufik dan hidayah serta diberikan kekuatan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada guru-guru sama ada yang masih hidup atau yang telah kembali ke rahmatullah. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Mujadalah, ayat 11 tafsirannya:

“Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang memberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat dan Allah Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Bertanggungjawab dan amanah dalam pekerjaan

Keluaran Pelita Brunei 29 September 2018

TINGKATKANLAH keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebesar-besar iman dan takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa bertakwa dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa beroleh keselamatan dan kejayaan di dunia mahupun di akhirat.

Setiap orang yang hidup di dunia ini mempercayai tugas dan tanggungjawab masing-masing seperti tanggungjawab pemimpin kepada orang yang dipimpin, suami kepada isteri, ibu bapa kepada anak-anaknya, guru kepada murid-muridnya, majikan kepada pekerjanya dan yang paling penting ialah kewajipan dan amanah seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Semua itu wajib dilaksanakan dan ditunaikan kerana ia adalah amanah dan akan dipertanggungjawabkan dan disoalkan di akhirat nanti. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Omar Radhiallahuanhuma berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu sekalian akan diminta bertanggungjawab tentang apa yang kamu pimpin.” (Riwayat Imam Al-Bukhari)

Amanah adalah kepercayaan yang diletakkan kepada seseorang, iaitu sesuatu yang diserahkan untuk disimpan dan lain-lain. Bersifat amanah itu boleh dilakukan dalam beberapa perkara atau perbuatan serta amalan antaranya amanah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya, iaitu mentaati perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Seterusnya amanah terhadap sesama manusia seperti menepati janji, berlaku jujur, berbaik sangka, tidak khianat dan sebagainya.

Amanah adalah sifat terpuji dan merupakan salah satu daripada sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu sidiq (benar). Amanah, tabligh (menyampaikan) dan fatanah (bijaksana). Amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh diambil ringan. Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan, jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati atau disalahgunakan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 72 tafsirnya:

“Sesungguhnya Kami pernah mengemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya dan manusia pula sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia (tabiat kebanyakan mereka suka melakukan) kezaliman lagi jahil.”

Orang yang benar-benar mengaku dirinya orang Islam tidak akan sanggup berlaku khianat terhadap agama, bangsa dan negaranya seperti menyebarkan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam atau menyelewengkan akidah, melakukan rasuah, khianat, pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain lagi. Ini kerana perbuatan-perbuatan tersebut amat merbahaya dan boleh mengancam keselamatan masyarakat dan negara seperti menimbulkan kekacauan, huru-hara, meruntuhkan kestabilan ekonomi, melumpuhkan pembangunan negara dan seterusnya boleh menghancurkan negara. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Annas bin Malik Radhiallahuanhuma, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Tidak beriman bagi orang yang tidak beramanah dan tidak beragama bagi orang yang tidak menunaikan (tanggungjawab) agamanya.”

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi peringatan mengenai amanah melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu berkata: Kami keluar bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menuju Khaibar. Allah memberikan kemenangan kepada kami

tetapi kami tidak mendapatkan rampasan perang berupa emas atau perak. Hanya kami perolehi adalah barang-barang makanan dan pakaian. Kemudian kami menuju satu lembah dan bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah seorang hamba pemberian seorang lelaki dari Juzam bernama Rif'ah bin Zaid daripada Bani Ad-Dhubaib. Ketika kami menuruni lembah, hamba Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu berdiri untuk melepaskan tali ikatan kenderaannya. Malangnya, dia terkena anak panah dan di situlah dia meninggal lalu kami berkata: Kami bersyukur dia gugur dalam mati syahid.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak! Demi diri Muhammad, sesungguhnya sehelai pakaian jubah akan memarakkan api neraka ke atasnya. Pakaian itu dia ambil daripada harta perang Khaibar, padahal pakaian itu bukan bahagiannya. Lalu orang ramai menjadi takut. Maka datang seorang lelaki dengan membawa seutas atau dua utas tali kasut dan berkata: Ya Rasulullah! Aku mendapatkannya ketika perang Khaibar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Seutas atau dua utas tali tersebut boleh membawa kepada neraka.

Berdasarkan daripada hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tersebut amat jelas bahawa balasan api neraka akan diterima oleh orang-orang yang tidak amanah dan khianat sekalipun hanya kerana sehelai pakaian atau seutas tali kasut. Ingatlah apabila kita telah diberi amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu tugas dan pekerjaan, maka kita hendaklah melaksanakan dan memegang amanah tersebut dengan sempurna dan tidak berkhianat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 27 tafsirannya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu yang diamanahkan kepada kamu sedang kamu mengetahui.”

Setiap orang perlu sentiasa bersifat jujur dan amanah sama ada dalam kehidupan seharian atau dalam pekerjaan sama ada berkerja dengan Perkhidmatan Awam, pihak swasta atau berkerja sendiri. Perihal berkerja dengan jujur dan amanah ini ada dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan

Awam Kali Ke-24, Tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi, antara lain titah baginda:

“Warga Perkhidmatan Awam yang baik adalah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menganiaya manusia. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya, seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjejaskan orang lain, sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar ‘nama baik’ sahaja.

Ini adalah penting. Beta tidak mahu di dalam Perkhidmatan Awam ada orang yang menyalahgunakan kuasa, atau tukang-tukang cipta fitnah. Ini semua, tidak mendatangkan sebarang kebaikan, melainkan sebaliknya banyak mengundang kepada keburukan. Perkhidmatan Awam mesti bersih daripada semua ini, barulah negara dan kerajaan akan beroleh berkat.” Demikian baginda bertitah.

Alhamdulillah, pada setiap tahun negara kita meraikan Hari Perkhidmatan Awam dengan tujuan agar warga Perkhidmatan Awam memberikan perkhidmatan yang efisien, bersih, tulus ikhlas, jujur, berkualiti dan produktif. Oleh itu, warga Perkhidmatan Awam hendaklah mempunyai kekuatan dan semangat bagi mencapai Wawasan Negara 2035, iaitu membuat perubahan daripada cara lama yang boleh mengongkang kemajuan, kepada cara baharu yang lebih positif dan membangun selaras dengan kemajuan dan kehendak semasa dan akan datang. Ketahuilah, untuk mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang hanya akan dapat dicapai melalui transformasi minda dan sikap yang positif dan murni.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga warga Perkhidmatan Awam dan semua pekerja terus bersikap jujur, amanah dan ikhlas dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang dilakukan mendapat pahala, berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah An-Nisa’, ayat 58 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Khutbah Jumaat Bulan Oktober 2018

Persaudaraan dan kasih sayang sesama insan

Keluaran Pelita Brunei 6 Oktober 2018

TINGKATKANLAH keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan Sebenar-benar iman dan takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia mahupun di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang sangat mementingkan hubungan persaudaraan dan sayang menyayangi serta hormat menghormati sesama insan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, daripada hadis yang diriwayatkan oleh Iman Bukhari daripada Anas bin Malik, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Tidak beriman seseorang antara kamu sehinggalah ia mencintai saudaranya (sesama Muslim) seperti ia mencintai dirinya sendiri.”

Sesungguhnya persaudaraan merupakan sendi dan tunjang kekuatan perpaduan umat Islam. Oleh itu, ikatan persaudaraan mestilah dijaga dan dipelihara agar terus berpanjangan hingga keakhir hayat. Ketahuilah agama kita telah mengajarkan beberapa cara dalam membina ukhuwah (persaudaraan), antaranya: Persaudaraan itu hendaklah dibina atas dasar ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala berasaskan iman dan takwa serta diamalkan secara berterusan baik di kala senang mahupun ketika susah.

Ketahuilah, umat Islam yang bersatu padu, saling tolong-menolong termasuk membimbing dan member petunjuk untuk melakukan kebaikan dan menolak kemungkaran akan membentuk satu pertahanan atau benteng yang sangat kuat dan kukuh serta sukar untuk dipecah-belahkan.

Kerana itulah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadikan kaum Ansar dan Muhajirin itu bersaudara. Dengan ikatan mahabbah tersebut, akhirnya segala

usaha dan rancangan mengembangkan agama Islam menjadi kuat dan berjaya kerana mendapat sokongan dan dukungan pengikut-pengikut baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sentiasa bersatu hati.

Ingatlah, umat Islam yang berpecah belah, tiada perpaduan, tiada silaturahim menyebabkan tiada kekuatan dan akan menjadi umat yang lemah dan rapuh. Ini jelas sebagaimana kita lihat terdapat negara yang tidak bersatu padu, suka berpecah belah, negaranya tidak aman dan harmoni, sebaliknya menghadapi berbagai-bagai masalah yang merugikan diri sendiri, agama, bangsa dan negara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 103 tafsirnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai berai.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak memberikan panduan dan nasihat kepada umatnya, bagaimana cara mengeratkan hubungan tali persaudaraan, antaranya sebagaimana sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Ibnu Umar Radhiallahuanhuma ia berkata: Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *“Bahawa seseorang Muslim itu menjadi saudara seorang Muslim lainnya, kerana itu tidak diperbolehkan seseorang Muslim itu menganiaya saudara Muslim yang lainnya. Juga tidak boleh seseorang Muslim itu menganiaya saudara Muslim lainnya. Dan barang siapa memberikan pertolongan yakni memenuhi hajat keperluan saudaranya, maka Allah pun memenuhi dan menyelesaikan segala keperluan hajatnya dan barang siapa yang memberikan kemudahan atau memberikan kelapangan bagi kesusahan seseorang Muslim, nescaya Allah melapangkan kesusahannya di hari kiamat”*.

Sesungguhnya agama kita mengharamkan segala bentuk perbuatan zalim dan penindasan kerana ia merupakan perbuatan keji yang termasuk dalam dosa besar apatah lagi jika yang di aniaya dan dizalimi itu saudara Islamnya sendiri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abdullah bin Amru, Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda maksudnya:

“Orang Islam ialah orang yang saudara Islamnya terselamat daripada kejahatan lidah dan tangannya.”

Ingatlah, seseorang Muslim tidak akan memberi masalah kepada saudara Muslimnya yang lain, mereka tidak akan menzalimi, mengejek, mencemuh, menindas, membuli dan seumpamanya. Menindas dan menzalimi orang seperti membuli ialah perbuatan mengasari orang yang lemah dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan masing-masing. Ini secara tidak langsung, menjadikan mereka yang lemah mematuhi atau menghormati mereka yang kuat atau berkuasa. Buli juga bermaksud tingkah laku agresif samaada dalam bentuk fizikal yang dilakukan secara berulang kali keatas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak selesa.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al- A’raf, ayat 33 tafsirnya:

“Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan keji, samaada yang terang mahupun yang tersembunyi dan perbuatan dosa serta menceroboh (hak sesame manusia) tanpa alasan yang memang tidak dibenarkan, dan (demikian juga diharamkan) kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang dia tidak menurunkan bukti (yang membenarkannya), dan (diharamkan) kamu memperkatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui.”

Pada masa ini gejala buli banyak berlaku samaada di institusi-institusi pendidikan, sekolah-sekolah, tempat kerja, tempat awam dan sebagainya. Kenapa berlakunya gejala buli ini? Antara faktor utama berlakunya gejala buli terutamanya di sekolah-sekolah ialah kerana kurangnya penghayatan agama dalam kehidupan seharian, pengaruh buruk rakan sebaya, untuk menutup kelemahan diri, pernah menjadi mangsa buli, pengaruh media baharu dan sebagainya. Oleh itu, untuk mengatasi gejala buli ini, kita hendaklah sentiasa hormat menghormati di antara satu sama lain dan sentiasa menyemai rasa kasih sayang kerana mengasihi orang lain itu adalah tanda kesempurnaan iman seseorang Muslim.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mengajar kita untuk menjadi seseorang hamba yang sentiasa taat kepada perintah-Nya, saling menghormati sesama manusia dan berkasih sayang di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, mereka yang terlibat dengan perbuatan menzalimi, menindas dan menganiaya orang lain mestilah sedar bahawa setiap perbuatan dan amalan kita di atas muka bumi ini akan dinilai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dari sekecil-kecil kelakuan hingga sebesar-besar perbuatan atau perkara yang dilakukan. Ingatlah, segala amal perbuatan yang kita lakukan samaada yang baik atau buruk itu pasti tidak terlepas daripada catatan dan hitungan malaikat Rakib dan Atid.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi, ayat 49 yang tafsirnya:

“Dan diletakkanlah kitab (catatan amal perbuatan setiap orang), maka engkau akan melihat orang-orang yang berdosa itu ketakutan terhadap apa yang tercatat di dalamnya dan mereka berkata: Aduhai celakalah kami. Kitab apakah ini? Ia tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (juga) yang besar melainkan semua dihitungnya. Dan mereka mendapati apa yang mereka telah kerjakan itu sedia (tercatat di dalamnya). Dan Tuhanmu tidak pernah menzalimi seseorang jua pun.”

Akhirnya, marilah kita sama-sama meningkatkan, menjaga dan memelihara tali persaudaraan agar tidak putus dan musnah disebabkan kezaliman dan penganiayaan. Berdoalah kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga tali persaudaraan dan mahabbah sesama kita tetap kukuh untuk selama-selamanya. Mudah-mudahan dengan demikian kita beroleh keamanan dan kebahagiaan dalam kehidupan dan negara kita terus aman damai dan sejahtera Aamiin Ya Rabbal'Alamiin.

Surah Al-Hujarat, ayat 10 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara. Maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Pentingnya menjaga kebersihan

Keluaran Pelita Brunei 13 Oktober 2018

MARILAH kita sama-sama mengukuh dan meningkatkan iman dan takwa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus menetapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Agama Islam adalah agama yang syumul merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah soal menjaga kebersihan. Menjaga kebersihan adalah sesuatu yang disukai Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya sama ada menjaga kebersihan rohani mahupun jasmani, kedua-dua perkara ini tidak boleh dipisahkan kerana kebersihan melambangkan keteguhan iman seseorang kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Malik Al-Ash’ari berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Kebersihan itu sebahagian daripada iman.” (Riwayat Imam Muslim).

Sesungguhnya agama kita menganjurkan umatnya supaya sentiasa mengamalkan kebersihan dalam semua perkara yang melibatkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara kerana kebersihan boleh mendatangkan suasana yang tenang, kesihatan yang terjamin dan kesejahteraan kepada kita semua.

Agama kita juga sangat mengambil berat tentang penjagaan kebersihan rohani lebih-lebih lagi kebersihan hati, iaitu dengan menjauhkan diri daripada sifat-sifat mazmumah seperti sifat marah, hasad dengki, kedekut, terlampau banyak makan, terlampau banyak cakap, kasihkan kemegahan, kasihkan dunia, ujub, takbur, riak dan sebagainya.

Semua itu tidak dapat dihindarkan jika kita tidak berusaha untuk menyucikan hati nurani kerana dari hatilah punca segala penyakit zahir dan batin. Ketahuilah,

setiap amalan baik dan bersih dari segi rohani dan jasmani adalah disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, kerana Allah Subhanahu Wata'ala menyukai hamba-Nya yang sentiasa mensucikan diri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa menyucikan diri.”

Menjaga kebersihan hendaklah dijadikan sebagai budaya dalam kehidupan kita sama ada kebersihan diri sendiri, tempat tinggal, masjid, tempat-tempat awam dan tempat makan seperti restoran-restoran dan sebagainya. Ketahuilah, kita hendaklah peka dan bertanggungjawab untuk menjadikan tempat-tempat ibadah seperti masjid, surau atau balai ibadah sentiasa dalam keadaan bersih. Begitu juga dengan segala kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan seperti tandas atau bilik air. Selain itu, tempat-tempat peranginan, tempat-tempat riadah, saliran-saliran, sungai-sungai dan lain-lain hendaklah dijaga supaya sentiasa dalam keadaan yang baik, kelihatan bersih dan tidak pula dirosakkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Perlu disedari, bahawa pengabaian kebersihan boleh menyebabkan tersebarnya pelbagai penyakit seperti denggi, kolera, cirit-birit, keracunan makanan dan sebagainya. Dengan mengabaikan kebersihan juga akan mengakibatkan suasana alam sekitar yang tidak sihat dan udara yang tidak segar. Adapun membudayakan amalan hidup bersih ini bermula dari rumah.

Oleh itu, ibu bapa hendaklah membimbing dan mengajar ahli keluarga tentang aspek kebersihan. Jadilah keluarga yang mementingkan kebersihan yang akhirnya akan menjadikan masyarakat yang mengutamakan kebersihan.

Untuk melahirkan persekitaran hidup yang bersih dan sentiasa kelihatan menarik, perkara-perkara yang perlu kita hayati dan amalkan bersama adalah seperti berikut:

Pertama: Kita hendaklah mengamalkan kesedaran terhadap kebersihan diri, tempat tinggal, tempat beribadah, tempat kerja dan seluruh tempat awam kerana agama kita mengutamakan kebersihan dalam semua bidang kehidupan.

Kedua: Setiap individu hendaklah mendisiplinkan diri dalam memikul tanggungjawab menjaga kebersihan dan hendaklah memiliki sikap kepada kebersihan.

Ketiga: Mengamalkan budaya tegur-menegur dan nasihat-menasihati sesama kita dalam hal menjaga kebersihan. Amalkanlah sikap tidak camah mata jika ternampak kekotoran. Dengan demikian, ia akan melahirkan perasaan cinta kepada kebersihan dan benci kepada kekotoran.

Keempat: Menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin seperti tong sampah, tong kitar semula dan tempat pembuangan sampah awam tanpa membiarkan sampah sarap dan kekotoran bertaburan merata-rata.

Amalan bergotong-royong adalah adalah satu amalan yang terpuji menjadi kebanggaan masyarakat sejak dahulu lagi. Akan tetapi amalan tersebut sudah semakin berkurangan pada zaman sekarang disebabkan kesibukan bekerja, keluarga dan seumpamanya.

Alangkah baiknya, amalan tersebut disemarakkan kembali. Sama-samalah kita mengamalkan sikap bantu-membantu dan bergotong-royong seperti membersihkan persekitaran rumah, masjid, tanah perkuburan orang-orang Islam, tempat riadah, peranginan dan juga tempat-tempat awam. Kita hendaklah mempunyai kesedaran dan tanggungjawab, janganlah mengharap pihak tertentu atau pekerja-pekerja sahaja yang melakukan pembersihan. Selain itu, amalan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama kita dan masyarakat amnya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 tafsirnya:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah Subhanahu Wata’ala).”

Akhirnya, sama-samalah kita menjaga kebersihan dalam kehidupan kita seharian sama ada kebersihan di tempat awam, tempat-tempat persendirian, tubuh badan mahupun kebersihan jiwa dan rohani. Mudah-mudahan dengan mengamalkan kebersihan dalam kehidupan kita, Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang bersih dan bebas dari sebarang penyakit dan marabahaya. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata’ala sentiasa menjadikan kita orang-orang yang sentiasa bertaubat, menyucikan diri dan menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa mengerjakan amal soleh. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Firman Allah dalam Surah Asy-Syams, ayat 9 - 10 tafsirnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menyucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya.”

Hindari dari berburuk sangka

Keluaran Pelita Brunei 20 Oktober 2018

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia serta di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang menganjurkan umatnya untuk sentiasa mengeratkan hubungan silaturahim dan hidup aman damai. Oleh kerana itu, kita dilarang daripada melakukan perkara yang boleh menjejaskan dan merosakkan hubungan baik sesama manusia seperti bertelingkah, bermusuhan-musuhan, tuduh-menuduh, buruk sangka dan sebagainya.

Sesungguhnya buruk sangka ialah sentiasa berfikiran negatif atau tidak baik terhadap seseorang dan tidak menyelidiki perkara yang sebenarnya serta suka mencari-cari kesalahan orang lain. Ia adalah salah satu sifat buruk yang berada dalam hati manusia. Sifat ini berpunca daripada kelemahan iman, kurang penghayatan dan kefahaman agama.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu berasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Pengasih.”

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala melarang

hamba-hamba-Nya daripada sifat-sifat berburuk sangka terhadap keluarganya dan juga orang lain kerana sebahagian prasangka itu adalah perbuatan dosa. Ketahuilah, buruk sangka itu berpunca daripada perasaan iri hati atau hasad dengki terhadap seseorang. Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala menjelaskan bahawa orang yang dengki itu tidak memperolehi sesuatu daripada masyarakat melainkan kecelaan dan kehinaan. Ia tidak memperolehi sesuatu daripada para malaikat melainkan laknat dan kebencian. Ia tidak memperolehi sesuatu daripada manusia melainkan kehampaan atau penyesalan dan akhirnya ia tidak memperolehi sesuatu di akhirat kelak melainkan rasa malu dan penyeksaan.

Sesiapa yang mempunyai sifat buruk sangka dengan sesama Islam, maka ia wajib bertaubat dan beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dosa orang yang buruk sangka itu adalah berdosa besar. Oleh itu, bagi mengelakkan buruk sangka, apabila kita menerima sesuatu berita sama ada melalui media massa, media baharu dan sebagainya, maka kita hendaklah meneliti dan menyelidiki atau bertanya terlebih dahulu perkara tersebut sebelum membuat sebarang andaian apatah lagi andaian tersebut ternyata salah, perkara ini jika berlaku dan berleluasa ia boleh mendatangkan fitnah, memutuskan hubungan silaturahim, membawa pertelingkahan dan perpecahan kepada agama, bangsa, masyarakat dan negara. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Jauhilah oleh kamu prasangka, kerana sesungguhnya prasangka itu sedusta-dusta perkataan.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Untuk menjauhi diri daripada perasaan berburuk sangka maka kita dituntut untuk sentiasa membersihkan hati dengan bersangka baik terhadap sesuatu perkara kerana bersangka baik itu dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat mengelakkan dari permusuhan sesama manusia. Bersangka baiklah pada setiap perkara yang berlaku sama ada terhadap diri kita mahupun orang lain. Yakinlah bahawa setiap sesuatu yang terjadi itu pasti ada hikmahnya, kita hendaklah reda dengan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sheikh Abdul Kadir Al-Jailani mengingatkan kita untuk sentiasa bersangka baik sesama insan seperti:

- Jika engkau bertemu dengan seseorang, maka yakinlah bahawa dia lebih baik daripada dirimu. Ucapkanlah dalam hatimu: Mungkin kedudukannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala jauh lebih baik dan lebih tinggi daripada aku.

- Jika bertemu anak kecil, maka ucapkanlah dalam hatimu: Anak ini belum bermaksiat terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Sedangkan diriku telah banyak bermaksiat kepada-Nya. Tentu anak ini jauh lebih baik daripada aku.

- Jika bertemu orang tua, maka ucapkanlah dalam hati mu: Dia beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala lebih lama daripada aku, tentu dia lebih baik daripada aku.

- Jika bertemu dengan orang yang berilmu, maka ucapkanlah dalam hatimu: Orang ini memperolehi dan mencapai kedudukan yang tidak akan pernah aku capai, dia mengetahui apa yang yang tidak aku ketahui dan dia mengamalkan ilmunya, tentu dia lebih baik daripada aku.

- Jika bertemu dengan orang yang bodoh, maka katakanlah dalam hatimu: Orang ini bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dia bodoh dan tidak tahu, sedangkan aku bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada hal aku mengetahui akibatnya. Aku tidak tahu bagaimana akhir umurku kelak. Dia tentu lebih baik daripada aku.

- Jika bertemu dengan orang kafir, maka katakanlah dalam hatimu: Aku tidak tahu bagaimana keadannya kelak, mungkin di akhir usianya dia memeluk Islam dan beramal soleh. Dan mungkin boleh jadi di akhir usia diriku kufur dan berbuat buruk.

Oleh yang demikian, buanglah sifat bersangka buruk daripada diri kita dengan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar, salah satu caranya ialah dengan memperbanyakkan istighfar dan memohon taubat kepada Allah Subhanahu

Wata'ala kerana manusia itu tidak pernah terlepas daripada melakukan dosa dan kesilapan.

Sebagai umat Islam yang inginkan keharmonian dan kebahagiaan dalam kehidupan, maka sewajarnya kita sentiasa bersifat baik sangka dan jauhilah daripada menyebarkan berita atau sesuatu perkara yang tidak diketahui akan kesahihannya kerana ia termasuk daripada sifat keji. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita sentiasa hidup rukun damai dan berbahagia di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu orang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenarannya.”

Amalkan penjagaan keselamatan

Keluaran Pelita Brunei 27 Oktober 2018

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan demikian, kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia serta di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, negara kita menikmati kemakmuran dan kemajuan sehingga dengannya kerajaan dapat menyediakan pelbagai prasarana dan kemudahan untuk rakyat dan penduduk di negara ini seperti jalan-jalan raya, kemudahan penerbangan di udara dan kemudahan pengangkutan air.

Kemudahan pengangkutan air mengambil peranan yang sangat penting dalam perhubungan seperti kegunaan manusia bekerja, mencari rezeki, memperoleh ilmu pengetahuan, menjana aktiviti perekonomian dan sebagainya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 66 tafsirnya:

“Tuhan kamulah yang melayarkan untuk kamu kapal-kapal di laut supaya kamu dapat mencari sebahagian daripada limpah kurnia (rezeki). Sesungguhnya Dia Maha Pengasih kepada semua.”

Dalam sama-sama menjaga keselamatan semua pengguna yang memanfaatkan pengangkutan air sebagai sumber rezeki dan aktiviti perekonomian, maka pelbagai usaha telah pun dijalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan pengangkutan air dapat digunakan dengan selamat dan lancar. Di samping itu, peraturan-peraturan juga telah pun disediakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri maritim untuk sama-sama menjamin keselamatan

semua melalui pematuhannya supaya pengusaha, penumpang dan semua pengguna pengangkutan air selamat daripada sebarang perkara yang tidak diingini.

Perlu diingat, kecuaiian dan kelalaian serta keengganan untuk mematuhi peraturan ketika berada di perairan bukan hanya mengakibatkan kerosakan dan kerugian harta benda, tetapi juga akan melibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa.

Para pengusaha pengangkutan air disarankan untuk mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti pelesenan dan pendaftaran serta memastikan penumpang-penumpang menggunakan jaket keselamatan pada setiap masa apabila berada di atas bot. Di samping itu juga, semua pengusaha dan penumpang pengangkutan air hendaklah mengamalkan dan membudayakan pembacaan doa bagi memohon rahmat dan kurnia pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi pengemudi bot-bot adalah disarankan agar sentiasa memandu bot mereka mengikut had laju yang selamat dan sentiasa mematuhi peraturan dan pemakluman pihak-pihak berkuasa berkenaan dengan keadaan cuaca seperti keadaan ombak dan lain-lain pemakluman yang dikongsikan. Adalah menjadi tanggungjawab para pengusaha bot untuk saling menjaga kesejahteraan dan keselamatan penumpang-penumpang dan masyarakat di sekelilingnya.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa memohon pertolongan kepada-Nya dan berzikir pada setiap masa, keadaan dan tempat. Ketika keluar rumah juga kita dianjurkan membaca doa-doa dan memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang bahaya dan kejahatan manusia, jin dan syaitan. Antara amalan-amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum keluar rumah ialah membaca Surah Al-Fatihah, ayat Al-Kursi dan Surah Al-Quraisy. Baginda juga mengamalkan bacaan doa-doa keluar rumah, iaitu :

بِسْمِ اللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Ertinya: *“Dengan nama Allah aku bertawakal kepada-Nya dan tiada daya serta upaya kecuali dengan keizinan Allah.”*

Selain daripada doa-doa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, terdapat juga doa-doa yang dipanjatkan oleh Nabi Noh Alaihissalam ketika menaiki bahtera di laut.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 41 tafsirnya:

“Dan Nabi Noh berkata (kepada pengikut-pengikutnya yang beriman): Naiklah kamu sekalian ke dalamnya (bahtera) dengan menyebut nama Allah ketika belayar dan berlabuhnya, sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

Ketika Nabi Noh Alaihissalam hendak turun dari bahteranya, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan Baginda untuk berdoa memohon agar ditempatkan di tempat yang penuh berkat. Inilah doa-doa Nabi Noh Alaihissalam ketika hendak turun dari bahtera. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 29 tafsirnya:

“Dan (ketika engkau turun dari bahtera itu) berdoalah: Ya Tuhanku tempatkanlah aku di tempat yang berkat dan Engkau adalah sebaik-baik pemberi tempat.”

Akhirnya, sama-samalah kita amalkan sifat mengutamakan keselamatan serta sifat bersopan santun, hormat-menghormati dan berhati-hati ketika menaiki pengangkutan seperti bot atau perahu. Di samping itu, janganlah kita lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa, tempat dan keadaan dengan mengamalkan bacaan doa-doa dan zikir.

Mudah-mudahan dengan usaha, ikhtiar yang sedemikian kita dihindari daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Luqman, ayat 31 tafsirnya:

“Tidakkah engkau memerhatikan bahawa kapal-kapal (yang kamu gunakan sebagai pengangkutan) belayar di laut adalah dengan nikmat Allah untuk

memperlihatkan kepada kamu sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi setiap orang yang penyabar lagi banyak bersyukur.”

Khutbah Jumaat Bulan November 2018

Hati yang lalai

Keluaran Pelita Brunei 3 November 2018

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, iaitu dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya. Sentiasalah berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti Sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beroleh kejayaan, keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan manusia dengan tubuh badan yang cukup sempurna dan anggota yang paling istimewa antaranya ialah hati. Hati mempunyai peranan yang sangat besar kerana ia menentukan dan mencorak cara hidup seseorang. Hati adalah ibarat raja manakala anggota tubuh badan yang lain pula adalah pengawalnya. Hatilah yang memerintahkan segala tindakan yang dilaksanakan oleh anggota-anggota badan yang lain. Oleh itu, apabila hati itu jahat, maka akan jahatlah seluruh anggota badan dan jika hati itu baik, maka akan baiklah seluruh anggota badan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada An-Nu'man ibni Basyir berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya di dalam diri manusia itu ada seketul daging. Apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota. Dan apabila daging itu rosak, maka rosaklah seluruh anggota, ketahuilah itulah hati.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya hati itu dibahagikan kepada tiga:

Pertama: Hati Yang Sihat (قلبت سليم) iaitu hati orang-orang yang beriman, yang hidup dengan zikrullah dan sentiasa terbuka untuk menerima nasihat dengan penuh ketaatan sehingga menjadikan pemiliknya sentiasa berada dalam ketenangan dan kesejahteraan.

Kedua: Hati Yang Sakit (قَلْبٌ مَرِيضٌ) iaitu hati yang dipenuhi dengan pelbagai penyakit seperti sifat riak, hasad, ujub (bangga diri) dan sebagainya. Jika tidak dirawat, ia boleh mematikan hati.

Ketiga: Hati Yang Mati (قَلْبٌ مَيِّتٌ) iaitu hati yang tertutup daripada menerima segala nasihat kerana telah dikawal oleh hawa nafsu dan syaitan sehingga berpaling daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Mereka yang mati hatinya suka melakukan perbuatan dosa sehingga hatinya menjadi gelap dan tidak mampu membezakan antara yang benar dan yang salah. Seseorang ulama yang bernama Ibrahim bin Adam pernah ditanya oleh penduduk Baghdad, bahawa mereka sering berdoa, tetapi seolah-olah doa-doa mereka tidak dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Mendengar pertanyaan ini, Ibrahim bin Adam menjawab, adapun penyebab tidak terkabulnya doa mereka itu adalah kerana matinya hati. Adapun hati itu mati adalah disebabkan oleh sepuluh perkara:

Pertama: Orang yang mengaku mengenal Allah Subhanahu Wata'ala tetapi tidak menunaikan haknya seperti tidak bersembahyang, tidak membayar zakat, tidak berpuasa dan seumpamanya.

Kedua: Mengaku kasih dan cintakan Rasul Allah tetapi meninggalkan sunahnya.

Ketiga: Membaca Al-Quran tetapi tidak beramal dengannya.

Keempat: Memakan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala tetapi tidak bersyukur kepada-Nya.

Kelima: Mengaku syaitan itu adalah musuh tetapi tidak menentanginya malah bersubahat dengannya.

Keenam: Mengakui syurga itu benar tetapi tidak beramal untuk memasukinya.

Ketujuh: Mengakui neraka itu benar tetapi tidak lari dari jalan menuju ke neraka.

Kelapan: Mengaku mati itu benar tetapi tidak membuat persediaan untuk menghadapi kematian.

Kesembilan: Orang yang bangun daripada tidur lalu menceritakan segala keaiban manusia tetapi lupakan keaiban diri sendiri.

Kesepuluh: Sering mengubur orang mati, tetapi tidak mahu mengambil pelajaran daripadanya.

Kita hendaklah sentiasa memelihara dan menjaga hati dengan sebaik-baiknya agar hati kita sentiasa menuju ke arah jalan kebaikan dan kebajikan sesuai dengan perintah agama dan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kita supaya jangan memiliki hati yang lalai.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 205 tafsirnya:

“Dan ingatlah Tuhanmu dalam hatimu dengan rendah hati dan dengan perasaan takut dan bukan dengan suara yang nyaring pada waktu pagi dan petang, dan janganlah engkau menjadi daripada orang-orang yang lalai.”

Sesungguhnya hati yang lalai adalah disebabkan kita terlalu leka dengan hal-hal duniawi sehingga lupa untuk mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Agama kita melarang umatnya untuk kasihkan dunia dengan kasih yang keterlaluan dan berlebihan seperti mengutamakan kehendak hawa nafsu yang dilarang oleh syarak atau mengutamakan perhiasan dunia sehingga melalaikan diri daripada menunaikan kewajipan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Qashash ayat 77 tafsirnya:

“Dan carilah pahala negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada kenikmatan dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakkan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakkan.”

Adapun antara cara yang terbaik untuk mengubati hati yang lalai itu ialah:

Pertama: Membaca kitab suci Al-Quran dengan menghayati isi kandungannya serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus, ayat 57 tafsirnya:

“Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (Al-Quran yang menjadi) pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi penyakit batin yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

Kedua: Sentiasa berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dalam semua waktu dan keadaan.

Ketiga: Menjaga sembahyang fardu lima waktu.

Keempat: Memperbanyakkan memperingati mati.

Kelima: Mengosongkan perut dari terlalu kenyang atau berpuasa.

Keenam: Bangun atau beribadat di waktu malam, sebaik-baiknya (beribadat) di sepertiga malam.

Ketujuh: Sentiasa mendampingi orang-orang yang soleh.

Oleh itu, sama-samalah kita berdoa semoga iman dan hati kita sentiasa tetap dan istiqamah mengerjakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya dan terhindar daripada bersifat lalai. Antara doa-doa yang sering dibaca oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar diteguhkan hati dalam ketaatan, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada Anas dia berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selalu membaca doa-doa ini:

Ertinya :

“Wahai yang membolak balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu dan di atas ketaatan kepada-Mu.”

Akhirnya, marilah kita sama-sama berusaha menjaga hati kita supaya tidak lalai dan mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang mempunyai hati yang suci dan bersih yang sentiasa mengingati dan mencintai Allah Subhanahu Wata’ala dan Rasul-Nya. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Anfal, ayat 2 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman itu adalah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambah kuat iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal.”

Bahaya-bahaya atau kejahatan-kejahatan lidah

Keluaran Pelita Brunei 10 November 2018

MARILAH kita sama-sama mengukuhkan iman dan takwa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di ahirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus menetapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian dan dilengkapi dengan anggota tubuh badan yang mempunyai tugas masing-masing. Anggota-anggota tersebut bukanlah untuk digunakan sewenang-wenangnya tanpa batasan kerana setiap anggota tubuh badan itu akan dipertanggungjawabkan dan disoal di akhirat kelak.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 36 tafsirnya:

“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan mengenainya.”

Salah satu anggota yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala yang patut kita syukuri dan mesti dijaga itu adalah lidah. Lidah adalah satu pancaindera yang kecil terdapat di dalam mulut. Digunakan sebagai alat perasa atau untuk berkata-kata dan lain-lain lagi. Namun peranan dan kesannya sangat besar dalam kehidupan kerana ia sebagai penentu kepada setiap insan dalam berbuat ketaatan atau kemaksiatan.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan lidah itu dengan tujuan untuk membaca Al-Quran, berzikir, bedoa, nasihat-menasihati, berkata benar, menyampaikan ilmu, menyeru manusia pada mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya. Oleh itu, kita hendaklah memelihara lidah daripada perkara-perkara buruk atau mungkar, seperti

memelihara lidah dari berkata bohong, keji, memfitnah dan sebagainya. Ingatlah, bahawa setiap perkataan yang kita ucapkan akan dipersoalkan di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Qaf ayat 18, tafsirnya:

“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya atau perbuatan yang dilakukannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia menerima dan menulisnya”.

Di zaman era teknologi maklumat ini juga telah meyebarluaskan lagi peranan dan pengaruh lidah, iaitu melalui kata-kata yang telah disebarikan atau ditularkan melalui media massa dan media baharu. Ingatlah, kita hendaklah bertanggungjawab ke atas setiap cerita atau berita yang hendak disampaikan atau disebarikan dengan memastikan bahawa cerita atau berita itu adalah benar dan sah. Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala Anhu berkata *“Lidah manusia itu adalah benda yang paling tajam di dunia kerana melalui lidah, manusia dengan mudahnya menyakiti hati dan melukai perasaan saudaranya sendiri.”*

Oleh yang demikian, jika lidah digunakan ke arah kebaikan maka akan baiklah jadinya akan tetapi jika ia digunakan ke arah kejahatan maka jahatlah jadinya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi jaminan bahawa orang yang dapat menjaga lidahnya, maka ganjarannya adalah syurga. Sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Sahal bin Saad, daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesiapa yang menjamin bagiku apa yang ada di antara tulang dagunya (mulut dan lidah) dan apa yang ada di antara dua kakinya (kemaluannya), maka aku menjamin baginya syurga.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Agama Islam ada mengajarkan kepada kita mengenai kaedah untuk memelihara lidah dari perkara yang mendatangkan dosa seperti apabila seseorang hendak berkata-kata atau memberikan teguran maka hendaklah ia berfikir terlebih dahulu dan apabila ternyata tidak ada bahaya atasnya atau perkataan yang akan diucapkannya itu maka barulah ia berkata-kata. Tetapi bilamana ternyata

sebaliknya, maka diamlah. Dalam kehidupan ini, kita perlu berhati-hati dan menjaga dua hubungan baik iaitu (jawi hablum minallah) (hubungan dengan Allah) Jawi wa hablum minannas (dan hubungan dengan manusia). Jangan sampai lidah yang mengeluarkan nasihat dan teguran itu menyebabkan keretakan dan kerenggangan hubungan silaturahmi, perselisihan apatah lagi yang boleh menimbulkan kebencian, dendam dan permusuhan.

Imam As Syafii Rahimahullahu Ta'ala Anhu berkata: *“sesiapa yang menasihatimu secara sembunyi-sembunyi, maka ia benar-benar menasihati. Sesiapa yang menasihatimu di khalayak ramai, maka ia sebenarnya sedang menghinamu.”*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Nahl ayat 125, tafsirnya:

“Serulah kejalan Tuhanmu wahai Nabi Muhammad dengan hakmu kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui setiap yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala Anhu ada menyebutkan dalam kitabnya 'Ihya Umuluddin' tentang bahaya-bahaya atau kejahatan-kejahatan lidah. Antaranya, bercakap pada perkara-perkara yang tidak perlu atau sia-sia, perkara-perkara maksiat, berbantah-bantah dan bertengkar dalam perkara yang tidak berfaedah dan remeh-temeh yang boleh mengakibatkan perselisihan faham dan pergaduhan sesama sendiri, memaki hamun, berjanji dusta atau berbohong, mengumpat dan mengadu domba sesama Islam baik dalam kalangan keluarga, jiran, sahabat handai, rakan sekerja dan seumpamanya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama menggunakan lidah yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala untuk perkara-perkara kebaikan dan berkebaikan bukannya ke arah perkara-perkara kejahatan atau kemungkaran apatah lagi yang boleh menyebabkan permusuhan dan perpecahan umat Islam. Manfaatkan lidah agar kita beroleh pahala dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dengan berzikir, bertasbih, bertahmid dan bermacam-macam lagi amal ibadat yang boleh menyelamatkan kita

daripada api neraka dan membawa kita ke syurga.

Marilah kita sama-sama bermuhasabah diri dengan sisa umur kita yang masih ada ini dan berdoalah semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi dan merahmati kita daripada perkara-perkara yang boleh mendatangkan dosa dan maksiat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Yasin ayat 65, tafsirnya:

“Pada hari itu Kami mengunci mulut mereka, dan tangan mereka memberitahu Kami kesalahan masing-masing dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.”

Selawat Menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

Keluaran Pelita Brunei 17 November 2018

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada di bulan Rabiulawal, bulan yang telah mencatatkan sejarah dan peristiwa yang sangat penting dan bermakna bagi umat Islam di seluruh dunia, kerana pada bulan inilah lahirnya semulia-mulia insan, seagung-agung manusia yang memiliki darjah yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala iaitu Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kelahiran Baginda telah membawa sinar dan rahmat kepada seluruh alam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbia', ayat 107, tafsirnya:

“Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala mengutus Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi Nabi dan Rasul untuk menyampaikan ajaran-ajaran Allah Subhanahu Wata'ala, bukan hanya untuk satu golongan atau bangsa tertentu sahaja bahkan adalah untuk kesejahteraan seluruh alam. Dan itu adalah nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat manusia sepanjang zaman. Bagi mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala itu, maka sewajarnya kita memperingati hari kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap masa dan ketika dengan membanyakkan bacaan selawat sebagai bukti atau tanda kita mencintai Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan.”

Adapun selawat daripada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam itu bererti rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Manakala selawat daripada malaikat pula bererti doa-doa dan memohon keampunan untuk Baginda dan selawat daripada umat Islam bererti doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kerahmatan dan kepujian kepada Baginda.

Selawat adalah sunat untuk dilafazkan pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira masa atau waktu. Ini bermakna selawat bukan hanya dilafazkan pada waktu-waktu tertentu seperti bulan Rabiulawal atau hari kelahiran Baginda sahaja dan selawat itu pula memang cukup mudah untuk dilafazkan dan tidak mengambil masa yang lama untuk kita melakukannya. Ucapan selawat yang pendek itu ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Ucapan selawat adalah satu amalan yang mulia yang pasti mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, apabila nama Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam disebut, maka kita hendaklah menjawab dan mengucapkan selawat ke atas Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ketahuilah, mereka yang tidak mengucapkan selawat apabila mendengar nama Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam disebut maka mereka adalah tergolong orang-orang yang hina iaitu dalam erti kata lain mereka adalah orang-orang yang yang bakhil atau kedekut. Imam At-Tirmidzi meriwayatkan sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang maksudnya:

“Seseorang itu amat hina, dalam makna bakhil, jika namaku disebutkan di sisinya akan tetapi ia tidak mengucapkan selawat kepadaku”.

Ketahuiilah, terdapat banyak kelebihan dan keutamaan yang boleh kita perolehi daripada amalan berselawat ke atas Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya:

Pertama: Mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa berselawat kepadaku sekali, maka Allah menurunkan rahmat kepadanya 10 kali”.

Kedua: mendapat kebaikan, dihapuskan daripadanya dosa dan diangkat darjatnya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Thalhah Al Ansari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Telah datang kepadaku utusan daripada Tuhanku Azza Wa Jalla, maka dia (Jibrail) berkata: sesiapa yang berselawat kepadamu daripada umatmu, Allah Subhanahu Wata’ala mencatat baginya dengan selawat itu 10 kebaikan dan menghapuskan daripadanya 10 dosa dan Allah mengangkat baginya 10 darjat dan Allah membalas ke atasnya yang seumpamanya (dengan berselawat itu).”

Ketiga: Mendapat syafaat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari Kiamat kelak.

Keempat: Menjauhkan kerugian, penyesalan dan akan tergolong kedalam golongan orang-orang yang soleh.

Kelima: Memperolehi pahala seperti pahala memerdekakan hambanya.

Keenam: Allah Subhanahu Wata’ala akan melapangkan dadanya dan

menerangkan hatinya.

Ketujuh: Dengan berselawat itu akan menjadi sedekah bagi orang yang tidak mampu bersedekah.

Kelapan: Selawat menyebabkan doa-doa seseorang itu diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kesembilan: Melepaskan diri daripada keresahan dan kesusahan pada hari Kiamat.

Melihat kepada banyaknya ganjaran dan fadilat bagi orang yang berselawat, maka alangkah ruginya jika kita masih lalai dari memperbanyakkan selawat.

Bersempena bulan Rabiulawal yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kita di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan memperingati hari kelahiran Baginda sebagai mengenang jasa dan tanda syukur dan kecintaan kita kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Seperti menganjurkan berbagai-bagai acara keagamaan, antaranya majlis dikir syarafil anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat diseluruh negara.

Di samping itu, diadakan juga majlis-majlis tazkirah, ceramah agama, forum dan seperti lazimnya acara kemuncak ialah Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seluruh negara. Oleh itu marilah kita sama-sama hadir bagi menyemarakkan sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pada tarikh 12 Rabiulawal bersama 20 November 2018 sebagai menzahirkan rasa kecintaan kita terhadap Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mempertingkatkan iman dan takwa dengan sentiasa memperbanyakkan, menghayati dan mengamalkan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap

masa dan ketika kerana selawat itu adalah ibadat, ubat, penawar dan cahaya. Sama-samalah kita menggemakan suasana perarakan itu nanti dengan melaungkan selawat agar perarakan yang dilakukan tidaklah semata-mata berkumpul atau berjalan-jalan sahaja, bahkan perarakan yang dilakukan adalah sebagai ibadat, ingatan dan kasih sayang kita terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan selawat yang kita laungkan dan amalkan itu diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan kita akan beroleh syafaat daripada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di hari akhirat kelak. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Nisa, ayat 80 tafsirnya:

“Sesiapa yang taat kepada Rasul Allah maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling (daripada ketaatan itu) maka (janganlah engkau berdukacita wahai Nabi Muhammad) kerana Kami tidak mengutus engkau untuk menjadi pemelihara mereka (daripada melakukan kesalahan).”

Jadikan jalan raya sebagai tempat yang selamat

Keluaran Pelita Brunei 24 November 2018

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Dengan konsep takwa tersebut mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengigati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta beroleh kejayaan didunia dan diakhirat.

Agama Islam adalah agama syumul yang meliputi semua aspek kehidupan. Menurut maqasid syariah, umat Islam dituntut untuk menjaga lima perkara iaitu menjaga agama, diri atau nyawa, akal, keturunan dan harta. Maqasid syariah bertujuan untuk mewujudkan kebaikan dan kesejahteraan umat serta menolak kemudaratan dan kerosakan kerana syariat adalah rahmat kepada seluruh alam. Oleh itu, kita diwajibkan untuk berikhtiar sedaya upaya menjauhkan diri daripada segala perkara-perkara yang boleh membawa kepada kerosakan dan membawa kebinasaan dengan menjaga lima perkara tersebut.

Firmah Allah Subhanahu Wata'aladalam surah Al-Jatsiah, ayat 18, tafsirnya:

“Kemudian Kami jadikan engkau (wahai Nabi Muhammad) berada atas suatu syariat (jalan yang lurus) tentang urusan agama maka ikutlah syariat itu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (kebenaran).”

Adapun antara perkara yang mendatangkan kebinasaan dan kemusnahan harta serta jiwa itu ialah disebabkan berlakunya kemalangan jalanraya menerusi kecuaiian atau kelalaian. Memandangkan bilangan kemalangan jalanraya yang semakin meningkat dari setahun kesetahun, maka berbagai usaha telah dibuat oleh pihak berkuasa bagi menghindarkan perkara-perkara yang tidak diingini ini berlaku, antaranya;

Pertama: Mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan untuk mengesan sebarang pengubahsuaian yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang yang boleh mengundang kepada marabahaya.

Kedua: Memberi peringatan kepada para pemandu agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalanraya melalui kempen-kempen dan iklan-iklan.

Ketiga: Menasihati para pemandu kenderaan supaya berhati-hati dan sentiasa memastikan keselamatan dan meningkatkan kewaspadaan seperti memakai talipinggang keselamatan, memeriksa kenderaan sebelum menggunakannya dan lain-lain supaya pengguna jalanraya benar-benar selamat.

Untuk menjamin jalanraya itu selamat dan selesa digunakan oleh semua pengguna, semua kenderaan bermotor atau pejalan kaki, kerajaan telah memperuntukkan peraturan dan undang-undang bagi pengguna jalanraya, dan ia hendaklah dipatuhi.

Oleh itu, sebagai pengguna jalanraya, kita hendaklah sentiasa mematuhi akta dan peraturan, sentiasa bersifat sabar, bertolak ansur, bertimbang rasa dan sentiasa berwaspada ada setiap masa terutama sekali pada waktu-waktu tertentu seperti kesesakan jalanraya pada musim-musim perayaan, atau ketika menghantar dan mengambil anak-anak di sekolah. Disamping itu, keselamatan jalanraya adalah perkara penting untuk diambil berat dan menjadi tanggungjawab semua pengguna untuk menjaga dan memelihara kemudahan ini dan menjadikannya tempat perhubungan yang selamat dan bukannya tempat kecelakaan atau kebinasaan.

Ingatlah, kecuaiannya di jalanraya boleh mengakibatkan kerosakkan dan kemusnahan kenderaan, kecederaan malah boleh membawa kepada kematian. Oleh yang demikian, dalam usaha menyedarkan pengguna jalanraya agar sentiasa berwaspada dan berhati-hati, supaya terhindar daripada berlakunya kemalangan, agama Islam telah mengajarkan beberapa panduan dalam perjalanan atau musafir untuk diamalkan sebelum memulakan perjalanan atau sebelum bermusafir samaada jauh atau dekat antaranya ialah:

Pertama: Membetulkan niat terlebih dahulu agar perjalanan kita menjadi sebagai

satu ibadat.

Kedua: Seterusnya memanjatkan doa dan tawakal serta memohon perlindungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 51 tafsirnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatupun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal.”

Doa merupakan senjata orang Islam untuk memohon segala hajat didunia dan diakhirat, termasuk doa keselamatan dan perlindungan dari segala mara bahaya dan bala bencana. Ketika hendak keluar dari rumah, kita dianjurkan membaca doa dan memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang bahaya dan kejahatan manusia, jin dan syaitan. Antara amalan-amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum keluar rumah ialah membaca surah Al-Fatihah, membaca ayatul-Kursi dan surah Quraish. Baginda juga mengamalkan bacaan doa sebelum keluar rumah iaitu:

بِسْمِ اللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Ertinya: *Dengan nama Allah aku bertawakal kepada-Nya dan tiada daya serta usaha kecuali dengan keizinan Allah.*

Di dalam kitab Al-Azkar karangan Imam An-Nawawi ada disebutkan doa-doa ma'ksur dari beberapa hadis yang boleh di amalkan ketika berada di dalam kenderaan, antaranya:

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada Rabiah Al Asadi Radhiallahuanha, Saidina Ali Karamallahu Wajha membaca doa-doa ini ketika melangkah masuk ke dalam kenderaan dibacanya: Bismillah. (dengan nama

Allah).

Setelah duduk tetap didalam kendaraan, di baca:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ، وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ

Ertinya: *Segala puji bagi Allah yang telah memudahkan kendaraan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami.*

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَكَ
إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Ertinya: *Segala puji bagi Allah, segala pujibagi Allah, segala puji bagi Allah. Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku telah menganiaya diriku, maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang mengampuni dosa-dosa itu melainkan Engkau sahaja.*

Mudah-mudahan dengan membaca doa-doa dan mengamalkan zikir-zikir tersebut, kita semua mendapat perlindungan dan rahmat Allah serta terhindar daripada sebarang malapetaka dan selamat sampai ketempat yang dituju.

Akhirnya, marilah kita sama-sama mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Amalkanlah sifat bersopan santun, hormat menghormati dan bertolak ansur ketika berada di jalanraya . Apa yang penting sebagai umat Islam janganlah kita lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa, keadaan dan tempat. Sama-samalah kita berdoa semoga kita semua dihindarkan daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. AamiinYa Rabbal'Alamiin.

Surah Az-Zukhruf, ayat13 –14 tafsirnya:

“MahaSuci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepadaTuhan kami.”

Husnul Khatimah

Keluaran Pelita Brunei 1 Disember 2018

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya serta beroleh kejayaan, keselamatan di dunia dan di akhirat.

Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati. Mati bermaksud terputusnya hubungan antara roh dan jasad dan ia adalah detik permulaan menuju ke alam akhirat. Mati adalah ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala yang pasti terjadi dan kita tidak dapat lari daripadanya, tidak kira di manapun kita berada atau bersembunyi sama ada kita bersedia mahupun tidak, maka ia pasti akan datang. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menentukan ajal seseorang sejak dari azali lagi. Apabila sudah sampai waktunya ia tidak akan dapat dipercepatkan atau dilewatkan walaupun sesaat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam surah Al-A'raf, ayat 34, tafsirnya:

“Dan bagi tiap-tiap umat yang mendustakan Rasul-Rasul mereka itu ada ajal (batas waktu kebinasaan yang telah ditetapkan) maka apabila datang ajal mereka itu tidaklah dapat mereka undurkan (kemudian) walau sesaatpun dan tidak dapat pula mereka dihulurkan.”

Sebagai umat Islam sudah setentunya kita berharap agar kita dimatikan dalam keadaan husnul khatimah dan bukan dalam keadaan suul khatimah. Husnul khatimah bermaksud berakhirnya kehidupan manusia di dunia ini dengan kesudahan yang baik iaitu mati dalam iman, manakala suul khatimah pula bermaksud berakhirnya kehidupan manusia dengan kesudahan yang buruk iaitu mati di luar iman. Ketahuilah, keadaan kematian kita bergantung kepada amalan yang kita lakukan di sepanjang kehidupan kita.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Sahal, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: dan sesungguhnya amalan itu bergantung dengan penutupnya” (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Oleh yang demikian, bagi orang yang benar-benar beriman, mereka akan berasa gerun, gentar dan bimbang dengan pengakhiran kehidupan mereka sama termasuk dalam golongan husnul khatimah ataupun suul khatimah. Oleh itu, hati mereka sentiasa terdorong dan terpanggil untuk melakukan amalan soleh, istiqamah dalam menjalankan perintah Allah Subhanahu Wata’ala dan menjauhi segala larangan-Nya. Mereka penuh berharap agar termasuk ke dalam golongan yang Allah Subhanahu Wata’ala sebutkan dalam Al-Quran iaitu Surah Ali-‘Imran ayat 102, tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam”.

Terdapat beberapa cara untuk mendapatkan husnul khatimah itu, antaranya adalah:

Pertama: Melakukan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata’ala dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Kedua: Sentiasa memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan bersungguh-sungguh agar pengakhiran kehidupan kita dalam keadaan beriman dan bertakwa. Antara doa yang sebaiknya kita amalkan ialah seperti doa yang sering kita baca selepas sembahyang iaitu:

رَبَّنَا فَاعْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ

Tafsirnya: *Ya Tuhan kami! Ampunkanlah bagi kami dosa-dosa kami, hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami bersama orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya lagi taat (Nabi-nabi dan orang-orang yang taat).*

Ketiga: Sentiasa berusaha memperbaiki diri sama ada zahir atau batin, di samping menjaga hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan juga hubungan kita sesama makhluk Allah Subhanahu Wata'ala. Dengannya, kita akan sentiasa mendapat rahmat dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat: hendaklah sentiasa bertaubat, menyesali dan menginsafi segala kesilapan serta berazam untuk tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang dilakukan. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala itu Maha Penyayang, Maha Pengampun lagi Maha Pengasih, sentiasa memberikan hamba-hamba-Nya peluang untuk memperbaiki diri sendiri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat ke-39 tafsirnya:

“Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

Renungkanlah wahai kaum Muslimin, berapa ramai orang yang kita kenal telah menemui ajal mereka secara tiba-tiba atau dalam keadaan yang tidak disangka atau diduga seperti terbakar, lemas, ketika bersukan, ketika makan, ketika tidur, ketika usia masih muda, ketika sihat dan tidak kurang juga ada yang menemui ajal mereka belum sempat bertaubat dari melakukan perkara-perkara maksiat. Oleh itu, keadaan yang mana satukah yang kita harapkan sebagai pengakhiran hidup kita?.

Sesungguhnya hidup di dunia ini hanyalah sementara. Janganlah kita lalai dengan dunia, leka dengan kesenangan yang ada tanpa meningkatkan amal dan takwa kita kepda Allah Subhanahu Wata'ala untuk bekal di hari akhirat kelak.

Ingatlah, ajal pasti datang tanpa mengira waktu, tanpa mengira keadaan, usia dan juga di mana kita berada. Oleh yang demikian, berusaha untuk menjadi umat Islam yang benar-benar beriman dan bertakwa dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan suruhan-Nya dengan sempurna. Sama-samalah kita berdoa semoga kesudahan hidup kita nanti adalah dalam golongan husnul khatimah iaitu mati dalam keadaan yang baik dan beriman, diberi kesempatan bertaubat sebelum menemui kematian, mendapat rahmat ketika menghadapi kematian, keampunan selepas kematian, mendapat kebahagiaan pada hari perhitungan (hari akhirat) dan terlepas daripada seksaan dan azab api neraka serta dimasukkan ke dalam syurga bersama para Nabi, orang-orang sidikin, para syuhada dan orang-orang soleh. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 185 tafsirnya:

“Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan sesungguhnya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan.”

Khutbah Jumaat Bulan Disember 2018

Rasuah: Gejala masyarakat yang mesti dibanteras

Keluaran Pelita Brunei 8 Disember 2018

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita mejadi insan yang beroleh kejayaan, keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Agama Islam menganjurkan kita untuk sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal lagi baik. Oleh itu, dalam mencari rezeki, kita hendaklah sentiasa mengikut peraturan dan ajaran agama, agar rezeki yang kita perolehi itu tidak dicemari oleh unsur-unsur yang tidak diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan perkara-perkara yang menyalahi hokum syarak seperti menipu, mencuri, pecah amanah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi dan termasuklah juga rasuah.

Sesungguhnya isu rasuah telah lama berlaku zaman-berzaman. Bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri pernah cuba untuk dirasuah oleh para bangsawan Quraisy yang menawarkan pangkat dan harta agar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhenti daripada menyebarkan agama Islam. Namun baginda dengan tegas menolak mentah-mentah tawaran tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Amru, katanya: bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah” (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Rasuah adalah suatu pemberian berupa sogokan yang diberikan kepada seseorang dengan sebab dan tujuan tertentu bagi membolehkan perkara yang dihajati dapat tercapai, diselesaikan, disegerakan dan seumpamanya. Rasuah juga boleh diertikan sebagai perbuatan pemberian berupa wang, hadiah atau sebagainya kepada seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu pulangan, imbuhan

atau ganjaran untuk kepentingan peribadi atau kelompok. Malah pengertian dan kesan rasuah akan lebih luas lagi jika ia dikaitkan dengan amanah dalam konteks penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa demi kepentingan sendiri, keluarga terdekat, sahabat handai atau jiran tetangga, ketahuilah, rasuah adalah perbuatan keji yang dilarang dalam agama Islam.

Gejala rasuah merupakan penyakit masyarakat yang berlaku tanpa mengira bangsa, golongan atau kedudukan dalam lapisan masyarakat di seluruh dunia. Rasuah memberi kesan implikasi terhadap budaya, sosial, ekonomi dan politik serta boleh mengheret individu, masyarakat, bangsa dan negara kepada bencana disebabkan sifat tamak dan kerakusan manusia itu sendiri.

Ingatlah, rasuah boleh mengancam keselamatan negara, melemahkan kedaulatan undang-undang, mengugat kestabilan ekonomi, mengakibatkan kezaliman dan penindasan, penyelewengan berleluasa, ketidakadilan sehingga akhirnya boleh menyebabkan rakyat hidup menderita dan menjejaskan keamanan dan kemajuan negara. Rasuah tidak pernah menjanjikan kesenangan yang sebenar walaupun kita beroleh keuntungan yang sangat besar pada zahirnya, hasil yang diperolehi melalui rasuah adalah haram dan tidak berkat. Adakah kita sanggup memberi makan dan minum kepada anak isteri serta keluarga kita dari wang dan sumber yang haram? Ketahuilah, setiap rezeki yang diperolehi daripada jalan salah ataupun syubhah yakni bercampur antara yang halal dengan yang haram pasti memberi kesan yang tidak baik, sama ada pada diri sendiri, keluarga mahupun masyarakat dan negara.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi peringatan yang keras mengenai sesuatu yang tumbuh dalam diri manusia hasil dari sumber yang haram iaitu pastinya neraka lebih utama baginya. Terdapat sebuah kisah untuk diambil pengajaran mengenai makanan yang terhasil dari sumber yang haram yang terjadi kepada seseorang sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu ketika ia makan, lalu orang suruhannya memberitahu bahawa makanan yang dimakannya itu adalah hasil daripada pekerjaannya sebagai tukang tilik sebelum dia memeluk agama Islam. Lalu Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu memuntahkan semua makanan yang telah dimakannya itu.

Maka di tanya kepada Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu mengapa ia melakukan hal yang demikian, lalu Sayidina Abu Bakar Radhiallahuanhu menjawab bahawa beliau takut kalau-kalau makanan itu subur dan tumbuh di dalam badannya lalu membacakan hadis yang didengarnya daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari danripada Kaab bin Hujrat yang maksudnya:

“Sesungguhnya tiap-tiap daging yang tumbuh dari yang haram maka neraka lebih utama baginya”.

Sebagai orang Islam kita diwajibkan untuk mencari rezeki yang halal lagi baik, melalui usaha yang betul, bukan dengan cara atau jalan yang salah dan keji seperti rasuah. Ingatlah, orang yang memberi rasuah atau menerima rasuah bukan sahaja mendapat dosa besar, bahkan juga mendapat laknat daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Sesungguhnya laknat Allah Subhanahu Wata’ala bukanlah sesuatu perkara yang boleh diambil mudah atau ringan. Ketahuilah, seseorang yang dilaknat oleh Allah Subhanahu Wata’ala adalah mereka yang jauh daripada mendapat rahmat dan taufik daripada Allah Subhanahu wata’ala. Apabila tidak mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata’ala, maka jauhlah dia daripada segala kebaikan dan nikmat Allah Subhanahu Wata’ala. Fiman Allah Subhanahu Wata’ala dalam surah Al-A’raf, ayat 56 tafsirnya:

“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi (dengan syirik dan maksiat) sesudah (Allah) memperbaikinya (dengan mengutus Rasul-Rasul dan menetapkan syariatnya) dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan takut (kalau-kalau tidak akan diterima) dan dengan penuh harapan (supaya dimakbulkan). Rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Rasuah itu hukumnya adalah haram dalam agama Islam kerana ia mengandungi banyak keburukan, antara keburukan-keburukan daripada perbuatan memberi dan menerima rasuah ialah mengambil hak orang lain secara batil, menzalimi orang lain, mengkhianati amanah, memberi kemudahan dan tolong-menolong dalam perkara dosa. Adapun antara punca berlakunya rasuah adalah disebabkan beberapa perkara iaitu:

Pertama: Kurangnya keimanan dan ketakwaan. Seseorang itu mengetahui bahawa rasuah itu dilarang oleh agama dan undang-undang, tetapi dilakukan juga kerana mata dan hatinya telah dikaburi oleh harta duniawi, apatah lagi telah dijanjikan imbuhan dan ganjaran yang banyak.

Kedua: Tekanan hidup seperti terlalu banyak hutang dan kurang bijak dalam mengurus kewangan juga boleh menyebabkan seseorang itu mudah terjerumus dalam gejala rasuah.

Ketiga: Faktor kelemahan dalam kepimpinan dan pengurusan sesebuah organisasi juga boleh memberi ruang dan kesempatan kepada pemberi dan penerima rasuah untuk melakukan perbuatan terkutuk ini.

Keempat: Mereka yang melakukan rasuah didorong oleh sifat tamak untuk hidup mewah, menjana pendapatan lebih dengan cara yang salah dan ingin hidup senang dengan cara yang mudah dan cepat.

Ingatlah, orang yang melakukan rasuah akan menyebabkan kemusnahan kepada dirinya sendiri antaranya maruahnyanya akan tergadai, tidak lagi mendapat kepercayaan daripada sesiapaupun. Selain itu, mereka juga, berhadapan dengan risiko ditahan dan mendapat hukuman, dibuang kerja dan dipandang hina oleh masyarakat, bahkan hasil yang diperolehinya dari rasuah adalah tidak halal sehingga boleh menyebabkan seseorang tidak masuk syurga, doa-doa dan amalannya ditolak, hati menjadi gelap, merosakkan akhlak dan sebagainya.

Sesungguhnya rasuah tidak sesekali akan berlaku jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran agama, sentiasa memantapkan keimanan dan ketakwaan serta takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, walaupun ia berpeluang untuk melakukannya.

Akhirnya, marilah kita berdoa supaya kita sentiasa dijauhkan daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar seperti rasuah dengan sentiasa menanamkan sikap amanah, jujur dan ikhlas dalam setiap tugas dan pekerjaan serta sentiasa menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada berbuat kejahatan. Mudah-mudahan

dengan yang demikian kita sentiasa mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 188, tafsirnya:

“Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian dripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya”.

Menjaga kebersihan tuntutan agama

Keluaran Pelita Brunei 15 Disember 2018

MARILAH kita bertakwa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan keimanan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan takwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus menetapkan keimanan dan ketakwaan kita hingga ke akhir hayat.

Agama Islam sangat mementingkan kebersihan dalam semua aspek kehidupan sama ada kebersihan diri, keluarga, tempat tinggal, tempat beribadah, tempat awam dan sebagainya. Bagi menjaga kebersihan diri, kita bukan setakat diperintahkan untuk menjaga kebersihan luaran sahaja akan tetapi merangkumi kebersihan hati dengan menjauhi sifat-sifat mazmumah (sifat-sifat tercela) seperti hasad dengki, sombong, bangga diri, riak dan seumpamanya.

Melalui kebersihan hati atau rohani, ia boleh menjadikan kita insan yang berakhlak mulia dan terpuji, manakala menjaga kebersihan jasmani pula boleh menghindarkan diri kita daripada mendapat penyakit. Ini kerana kekotoran itu merupakan salah satu antara punca dan penyebab terjadinya penyakit. Oleh itu, kita tidak boleh mengabaikan kedua-dua aspek kebersihan ini iaitu kebersihan rohani dan jasmani.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Malik Al Ashari berkata: bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: kebersihan itu sebahagian daripada iman.” (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sesungguhnya kebersihan adalah syarat utama dalam melakukan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai contoh, sebelum menunaikan sembahyang, kita hendaklah menyucikan diri daripada segala kekotoran dan diwajibkan berwuduk. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata: aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: bagaimana pendapat kamu kalau ada sebatang sungai di hadapan pintu rumah salah seorang dari kamu, dia mandi di dalamnya lima kali tiap-tiap hari? Adakah masih tinggal kotoran pada tubuhnya? Para sahabat menjawab: sudah tentu tidak tinggal sesuatupun daripada kotoran. Baginda menyambung: maka begitulah juga perumpamaan sembahyang lima waktu. Allah menghapuskan dosa-dosa kecil dengan sebabnya.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Kebersihan adalah sangat dituntut di dalam Islam bagi mewujudkan suasana dan keadaan yang bersih serta menghindarkan diri daripada pelbagai penyakit oleh yang demikian, semua pihak hendaklah terlibat dan bekerjasama dalam penjagaan kebersihan ini iaitu dengan membudayakan amalan kebersihan dan kesihatan dalam kehidupan seharian. Adapun membudayakan amalan hidup bersih ini perlu dipupuk bermula dari rumah. Oleh itu, ibu bapa hendaklah mendidik dan membimbing anak-anak sejak dari kecil lagi. Antara amalan yang boleh dicontohkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka dalam mempraktikkan amalan kebersihan dan mendidik anak-anak untuk hidup berdikari ialah seperti melatih dan mengajak anak-anak untuk sama-sama membersihkan kawasan dalam dan luar rumah seperti mencuci piring, menyapu, mengutip sampah sarap, membersihkan longkang dan saluran air, memotong rumput-rumpai di halaman dan sebagainya.

Lebih-lebih lagi di musim cuti persekolahan ini, ia adalah waktu yang amat sesuai untuk melakukan aktiviti kempen kebersihan atau memucang-mucang. Amalan kempen kebersihan dan memucang-mucang ini bolehlah dilaratkan ke masjid-masjid, kawasan mukim dan kampung, tempat riadah dan tempat-tempat awam.

Usaha memucang-mucang seperti ini hendaklah diteruskan dari semasa ke semasa untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan orang ramai tentang pentingnya kebersihan dengan mengamalkan aktiviti seumpama ini, dapat melahirkan generasi kuat dan sihat, cergas dan cerdas serta bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan sama ada terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Akhirnya, marilah kita jadikan amalan menjaga kebersihan sebagai budaya dalam kehidupan seharian. Mudah-mudahan dengan mengamalkan kebersihan dalam kehidupan kita, Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang bersih dan bebas daripada kekhuatiran dan sebarang penyakit.

Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menjadikan kita orang-orang yang sentiasa bertaubat, mensucikan diri dan menjadikan kita hamba-hamba-Nya yang sentiasa mengerjakan amalan soleh dan berkebajikan. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Asy-Syams ayat 9-10, tafsirnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih dengan iman dan amal kebajikan. Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya dengan sebab kekotoran maksiat.”

Bersedekah itu amalan mulia dan terpuji

Keluaran Pelita Brunei 22 Disember 2018

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Islam adalah agama kasih sayang, agama persaudaraan sesama insan dan tidak pernah membezakan antara golongan yang miskin mahupun yang kaya. Oleh itu, kita dianjurkan untuk hidup saling bantu-membantu dan tolong-menolong di antara satu sama lain tanpa mengira keturunan, bangsa keluarga, jiran, rakan atau sesiapa sahaja sama ada yang kita kenali ataupun tidak. Kerana dengan bantu-membantu dan tolong-menolong akan dapat menimbulkan sifat hormat-menghormati dan sayang-menyayangi anta satu sama lain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 yang tafsirnya:

“Dan bertolong-tolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah berat seksa-Nya.”

Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu-membantu adalah dengan mengerjakan amal kebajikan iaitu menginfakkan atau membelanjakan harta pada jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti amalan bersedekah. Sesungguhnya harta yang kita miliki bukanlah milik mutlak kita semata-mata akan tetapi didalamnya terdapat hak atau milik orang lain.

Menginfakkan atau membelanjakan harta dengan bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat atau wakaf bukan sahaja dapat membantu golongan fakir atau

miskin dan membantu orang yang memerlukan, bahkan ia juga dapat membantu diri kita sendiri iaitu melatih jiwa kita untuk menjadi orang yang sentiasa berbuat baik, sentiasa bersedia untuk memberi pertolongan kepada orang-orang yang memerlukan, menyucikan hati, bersifat prihatin, menanamkan sifat belas kasihan, menjauhkan diri daripada sifat sombong dan mementingkan diri sendiri dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 272 tafsirnya:

“Dan apa jua harta yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (pahalanya) untuk diri kamu sendiri. Dan kamu tidak pula membelanjakan (sesuatu) melainkan kerana mengharap keredaan Allah. Dan apa jua harta yang kamu belanjakan, akan disempurnakan (ganjaran pahalanya) kepada kamu. Dan kamu pula tidak dianiaya (tidak dikurangkan pahala).”

Bersedekah merupakan amalan mulia dan teruji yang memberi laba atau keuntungan kepada orang yang memberi dan bagi orang yang menerimanya. Orang yang bersedekah sama ada dalam bentuk wang ringgit atau barang-barang keperluan mendapat balasan pahala dan bagi orang yang menerimanya pula dapat menggunakan sedekah tersebut bagi memenuhi keperluan hidup malah boleh melapangkan hatinya dan menggemirakan mereka. Ingatlah wahai kaum Muslimin bahawa amalan bersedekah bukan menyempitkan atau mengurangkan rezeki kita, bahkan ia boleh meluaskan dan menambahkan lagi rezeki kita. Itulah janji Allah Subhanahu Wata'ala yang pasti terjadi dan tidak akan di mungkiri-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 265 tafsirnya:

“Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta-harta mereka kerana mengharap keredaan Allah dan kerana keyakinan yang teguh daripada jiwa mereka samalah seperti sebuah kebun di tanah tinggi (yang subur), yang ditimpa hujan lebat lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda (banyaknya). Juga sekiranya ia tidak ditimpa hujan yang lebat maka (dengan) hujan renyai-renyai (pun memadai). Dan Allah maha melihat apa yang kamu kerjakan.”

Dalam bersedekah kita hendaklah ikhlas dan jangan sesekali menyebut-nyebut atau mengungkit-ungkit sedekah tersebut apatah lagi bersedekah dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk kerana perbuatan yang sedemikian boleh merosakkan amalan bersedekah itu dan menjadi sia-sia. Sesungguhnya antara ganjaran dan kelebihan yang diperolehi oleh orang yang bersedekah itu ialah: pertama: menyucikan hatinya, kedua: menyucikan badannya, Ketiga: menolak bala dan penyakit, Keempat: menggembirakan orang miskin dan orang Mukmin, kelima: diberi keberkatan pada hartanya serta diluaskan rezekinya, keenam: diberi naungan di hari kiamat pada waktu yang sangat-sangat panas, ketujuh: diringankan hisabnya, kelapan: diberatkan timbangannya, kesembilan: mudah meniti sirattalmustaqim dan kesepuluh: bertambah darjatnya di dalam syurga.

Bersedekah adalah amalan yang mulia dan terpuji serta tanda bersyukur kita terhadap nikmat rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan bersedekah boleh menjauhkan diri seseorang daripada bersifat kedekut, bakhil dan tamak haloba. Bagi orang-orang yang tidak mempunyai wang dan harta yang banyak untuk dijadikan sebagai sedekah, maka hendaklah mengambil peluang melakukan apa saja perlakuan atau perbuatan yang berunsurkan sedekah.

Ketahuiilah, sedekah itu mencakupi pelbagai bentuk bukan sahaja berupa wang ringgit, bahkan juga dalam bentuk bantuan, pertolongan dan sesuatu yang menggembirakan atau yang kita berikan kepada saudara-mara, rakan taulan atau sesiapa sahaja, hatta senyuman kita kepada orang lain pun dianggap sebagai satu sedekah, menghalalkan atau melepaskan hutang adalah sedekah, setiap perkataan yang baik adalah sedekah, setiap langkah menuju masjid adalah sedekah, membuang sesuatu yang berbahaya di jalan adalah sedekah, setiap amalan dan perbuatan makruf adalah sedekah, meredakan dan mengikhlaskan tanaman dan buah-buahan yang dimakan atau dirosakkan oleh manusia dan binatang pun termasuk sedekah. Oleh yang demikian, ia akan diberi pahala sedekah bagi setiap apa yang hilang, rosak dan dimakan itu.

Alhamdulillah, pada ketika ini Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim dan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) Tabung

Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telahpun dilancarkan dan dibukakan kepada orang ramai. Tabung-tabung ini dibukakan kepada orang ramai khususnya Umat Islam dinegara ini untuk bersedekah dan menginfakkan harta bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Melihat betapa besarnya ganjaran yang diperolehi melalui amalan bersedekah atau berderma itu maka marilah kita mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amalan jariah dengan menderma melalui tabung-tabung yang telah disediakan di masjid. Mudah-mudahan apa yang kita dermakan dan infakkan dengan tulus ikhlas diterima di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan kita akan mendapat keredaan, keberkatan, ganjaran pahala dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Saba ayat 39, tafsirnya:

“Katakanlah: sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan-Nya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya), dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki”.

Bersifat qanaah iaitu berasa cukup dengan apa yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala

Keluaran Pelita Brunei 29 Disember 2018

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan uswatun hasanah iaitu contoh teladan yang terbaik untuk diikuti bagi seluruh umat manusia dalam semua aspek kehidupan sama ada dari sudut ketaatan dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, mahupun dari segi pergaulan, akhlak dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Ahzab, ayat 21 tafsirnya:

“Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat serta banyak berzikir dan mengingati Allah.”

Adapun antara sifat dan akhlak baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut dicontohi dan menjadi ikutan seluruh umat baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu ialah sifat baginda yang pemurah, sederhana dan qanaah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umatnya untuk sentiasa bersifat qanaah dan bersederhana dalam kehidupan.

Qanaah menurut bahasa bermaksud berasa selesa dan berasa cukup dengan apa yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Imam An-Nawawi Rahimallahu Ta'ala menerangkan bahawa qanaah itu ialah sifat yang puas dengan apa yang dimiliki, namun pemilik sifat ini tetap berusaha dengan gigih serta memperbaiki sifat luhur dan bersederhana dalam kehidupan dan berbelanja, serta mengelak

daripada meminta-minta kecuali dalam keadaan darurat atau keperluan yang mendesak.

Firman Allah Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah An-Nisa', ayat 32 tafsirnya:

“Dan janganlah kamu iri hati terhadap kurnia yang telah dilebihkan Allah kepada sebahagian kamu atas sebahagian yang lain. (Kerana) untuk laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan untuk perempuan ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan. Dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala sesuatu.”

Ayat ini menjelaskan dan mengajar manusia untuk bersifat qanaah iaitu menanamkan rasa cukup dan sentiasa bersyukur dengan rezeki yang telah ditetapkan dan dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala melarang kita daripada berasa iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada sebahagian hamba-Nya, sama ada kurniaan itu dalam bentuk harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran kerana hal yang demikian itu sudah menjadi ketetapan atau takdir Allah Subhanahu Wata'ala, dan berasa iri hati terhadap mereka tidak akan berguna dan tidak mendatangkan sebarang manfaat walau sedikitpun.

Sesungguhnya setiap manusia telah ditetapkan rezeki mereka oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, seseorang itu perlu menghindarkan diri daripada bersifat dengki terhadap rezeki orang lain kerana sifat dengki itulah yang akan menyekat sesuatu rezeki itu datang kepada kita. Oleh itu bersyukurlah dengan apa yang ada atau apa yang Allah Subhanahu Wata'ala telah kurniakan kepada kita. InsyaaAllah, kita akan hidup dengan sentiasa berasa cukup dengan apa yang dikurniakan dan ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi peringatan kepada umat islam, daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Kekayaan yang hakiki bukanlah dengan banyaknya harta. Namun kekayaan yang hakiki ialah kekayaan jiwa iaitu hati yang selalu berasa cukup”.

Sesungguhnya orang yang sentiasa bersifat qanaah atau berasa cukup dan bersederhana alam kehidupannya ialah orang yang paling tenang, senang dan gembira. Mengapa ini terjadi? Ini kerana, mereka yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah menjamin seluruh kehidupan apatah lagi rezekinya. Meskipun pada hakikatnya mereka berada dalam keadaan serba kekurangan, namun mereka tidak akan pernah resah hati dan berkeluh kesah, sentiasa mencari jalan dengan berdoa dan beramal untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik, sentiasa bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tidak pernah berputus asa dalam menghadapi sebarang ujian dalam kehidupan dan tidak cemas dalam menghadapi sebarang masalah.

Ketahuilah, terdapat banyak manfaat yang dapat diperolehi oleh seseorang itu apabila ia bersifat qanaah, antaranya adalah memperkuat keimanan dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, menjaga diri daripada perbuatan dosa dan maksiat, membendung daripada bersifat tamak haloba, cemburu dan iri hati terhadap kesenangan atau apa yang di miliki oleh orang lain dan sentiasa berasa lapang dengan rezeki yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya.

Antara doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memohon ketakwaan dan sentiasa bersifat khanaah ialah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى، وَالتَّقَى وَالْعِفَافَ وَالْغِنَى

Ertinya: *Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepada-Mu hidayah (petunjuk) ketakwaan, dihindarkan daripada perbuatan yang buruk serta memohon kepada-Mu kekayaan hati.*

Menurut Imam An-Nawawi Rahimallahu Ta'ala anha, keempat-empat perkara yang disebutkan oleh baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam doa ini ialah petunjuk dalam ilmu dan amal, ketakwaan dalam kehidupan dengan melaksanakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang, menjauhkan dan menahan diri daripada sesuatu yang tidak halal dan kekayaan hati iaitu hati yang selalu berasa cukup dan tidak perlu kepada apa yang ada di sisi manusia. Walaupun doa ini pendek namun maksudnya sangat jelas dan mendalam.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengamalkan doa ini.

Iman Ahmad meriwayatkan bahawa Abdullah bin Mas'ud pernah menceritakan: pada suatu ketika beliau datang bertemu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam: baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sedang berbaring di atas tikar dan kelihatan di belakang badan baginda terdapat kesan anyaman tikar tersebut. Lantas Abdullah bin Mas'ud mengusap-usap kesan tersebut sambil bertanya kepada baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, adakah tuan izinkan kami meletakkan sesuatu sebagai alas diatas tikar tuan? baginda menjawab: apalah yang ingin aku kerjakan dengan dunia ini, sesungguhnya perumpamaan diriku dengan dunia ini adalah seumpama seorang penunggang yang berhenti berehat sebentar di bawah sebatang pokok ketika hari yang panas kemudian dia berangkat pergi dari pokok tersebut. Kisah ini jelas membuktikan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah seorang insan yang suka hidup dalam keadaan qanaah atau bersederhana dan menjauhkan dirinya daripada sifat bermegah-megah.

Alhamdulillah, pada ketika ini warga perkhidmatan awam menerima pemberian bonus sebagai insentif kepada mereka terhadap pekerjaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Sememangnya pembayaran bonus sangat dinanti-nantikan oleh setiap warga perkhidmatan awam. Walaubagaimanapun kita hendaklah berbelanja dengan berpada-pada dan tidak wajar untuk berhabis-habisan berbelanja untuk sesuatu hal yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat. Ketika kita menikmati wang bonus ini, ibu bapa seharusnya jangan lupa untuk menyediakan keperluan yang sangat penting seperti barang atau persediaan untuk persekolahan anak-anak seperti pakaian, buku-buku dan seumpamanya.

Selain itu, anak-anak juga perlu dinasihati dan dilatih dengan sifat qanaah dengan menggunakan semula barang-barang seperti beg dan alat-alat tulis yang masih boleh dipakai atau digunakan. Berbelanjalah secara bijaksana dengan memberi keutamaan kepada perkara-perkara atau keperluan yang utama dan penting sahaja bukan menurut kemahuan atau hawa nafsu sehingga berlakunya pembaziran apatah lagi berbelanja melebihi had kemampuan diri sendiri kerana sifat berjimat cermat dalam berbelanja itu amat dituntut dalam agama Islam.

Oleh itu, amalkanlah sikap bersederhana dalam kehidupan. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rasa cukup dalam diri kita serta rahmat yang berpanjangan, di samping nikmat yang berkekalan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Najm, ayat 48 tafsirnya:

“Dan sesungguhnya Dia yang mengurniakan kekayaan dan kecukupan”.



TERBITAN
JABATAN PENERANGAN